- Dicky, W., Salmy, E., & Hairunnizam, W. (2019). Self-Esteem Levels of the Indebted Lower-Income Group and the Role of Organizations in the Plantation Sector. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Dwapatesty, E., Gistituati, N., & Rusdinal, R. (2021). Hubungan gaya kepemimpinan karismatik terhadap motivasi kerja guru. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan*, 3(5), 3000-3006.
- Rahmah, M. Y. (2013, Julai). Pendekatan Terkini Kepimpinan Karismatik dalam Pengurusan Sekolah. In *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Ke-20 2013*. Institut Aminuddin Baki. Kamus Dewan dan Bahasa Edisi ke Empat (2017) <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=karisma>
- Kasim, J. (2006). Tanggungjawab dan peranan pensyarah UiTM Pahang.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi terbeza untuk pengajaran guru terhadap kepelbagaian murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 202-214.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Mutalib, H. (2022). 72.1% lepasan SPM tidak sambung belajar. Utusan 31 Julai 2023 <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/07/72-1-lepasan-spm-tidak-sambung-belajar/>

TRUST TOWARDS MIDDLE LEADERS AND WORKING ENGAGEMENT IN TECHNICAL EDUCATIONAL INSTITUTIONS

¹Cynthia Yu Shung Chen, ²Ying-Leh Ling

¹School of Education, Humanities and Social Sciences, Wawasan Open University

²Mathematics, Science and Computer Department, Politeknik Kuching Sarawak

ABSTRACT

Effective leadership in teaching and professional learning within educational institutions depends on the foundation of trust followers have in their leaders. Extensive research has emphasized the crucial role of trust, yet its dynamic nature and multifaceted dimensions still require further exploration. Although much attention has historically been given to institutional leadership, the role of middle leaders in fostering workplace experiences remains crucial, especially in enhancing employee engagement with the organization. This quantitative study endeavours to ascertain the levels of trust among teaching staff at Polytechnic Kuching Sarawak, gauge their levels of work engagement, and discern any consequential relationship between trust levels, serving as the independent variable, and workplace engagement, the dependent variable. Employing a simple random sampling technique, 71 lecturers participated in this study. Data was collected using a questionnaire that had been adapted from previous research instruments. The findings of this research underscore a significant correlation between trust in middle leaders and the level of engagement among teaching staff within the polytechnic. The cultivation and preservation of communicative spaces by middle leaders have emerged as pivotal virtues, fostering an environment conducive to the development of trust. These conditions, in turn, serve as catalysts for the realization of interactive and effective teaching and learning processes, aligning with the broader goals of educational excellence.

Keywords: *Trust, middle leaders, working engagement, middle leadership.*

INTRODUCTION

Branson, Franken, and Penney (2016) illuminate the intricate dynamics of organizational relationships, particularly those between ranked authorities and collaborative commitments among colleagues. Within the framework of hierarchical structures, middle leaders find themselves navigating a delicate balance between exercising authority and fostering cooperation. The daily interactions involving facilitators and middle leaders underscore the perpetual challenge of managing relationships within a hierarchical system. To alleviate tensions, middle leaders often employ nuanced approaches such as transparent financial budgeting and responsive decision-making regarding staff requests. Despite holding line management power, middle leaders operate within parallel hierarchies, where their authority is challenged and reinforced by colleagues of varying seniority levels. The interplay between organizational roles and interpersonal dynamics underscores the complex nature of leadership within the workplace.

The role of middle leaders is further complicated by the expectations of senior and junior colleagues, who may strategically challenge their authority in established power networks. While middle leaders strive to foster collective responsibility and influence, they must contend with occasional disregard for their direction, especially from senior teaching staff. Managing disruptive behaviour among co-workers presents another hurdle for middle leaders trying to maintain harmony in the workplace. In navigating such complexity, middle leaders may defer certain decisions to higher management, thereby implying the importance of management support in legitimizing their authority. This study emphasizes the importance of trust in mediating power dynamics, emphasizing the important role of top management in validating the status and integrity of middle leaders in the organizational hierarchy. Specifically, this

study aims to determine whether there is a significant relationship between trust towards middle leaders and working engagement, particularly among technical teaching staff in Kuching.

LITERATURE REVIEW

Middle leaders play an important role because they do work that senior managers cannot do because of their increasing roles and responsibilities (Gramaje & Buenviaje, in press). They manage processes that enable things to run smoothly, overall administrative responsibilities that enable procedures to be well resourced and influence staff performance and outcomes positively and productively. Middle leadership is also described as relational leadership and recognizes that important relationships are not only between middle leaders and other colleagues, they lead but also between middle leaders and their leaders, as well as among middle leaders (Branson et al., 2016). Middle leaders in learning organizations are also identified as a link to create a stronger sense of connection where people are not only more grateful for their organization but also an additional sense of involving their part in its functioning. These previous studies confirm this view that correlation is at the core of middle leadership and emphasize the need to understand the awkward relational situations that middle leaders are challenged to maintain, handle and resolve (Gramaje & Buenviaje, in press; Branson et al., 2016). Undoubtedly, the relationship is essential to the reconstruction of this role of middle leaders. The role of middle leaders must be reviewed. However, the maintenance and establishment of a profitable relationship between middle leaders and leaders does not solely depend on the personal arrangement and judgment of middle leaders. Therefore, relationships must be maintained in a culture of reinforcement and reminders where organizational structures, policies and protocols encourage and support relationships.

Kaliannan and Adjovu (2015) have explained that employee work engagement is the "engine" in the talent management drive that infers its adaptability from the effectiveness of various situational factors in an organization. Previous studies have found that there is a significant relationship between organizational trust and job satisfaction and commitment (Altanchimeg, Odbayar, & Ariunaa, 2024). Consistent and tangible organizational trust is one of the elements of performance improvement and organizational managers have the right perception to bring employees to work appreciation and engagement. Systemic perceptions provide a foundational organizational belief for accurate prediction of the dependent variable, job satisfaction and organizational commitment. Working life and its survival depends on the strong relationship between mechanisms and factors. On the other hand, mistrust of job satisfaction affects the spirit of cooperation.

Accordingly, Bella (2023) considers that a strong relationship between employees and leaders not only fosters a healthy team environment but can also increase job satisfaction and productivity. When employees are engaged, their performance is high, which can positively affect the overall performance of the organization. Tabak and Hendy (2016) emphasize that social psychologists conceptualize trust as a phenomenon that can be created, enhanced, or inhibited by interpersonal relationships in the context of situational factors. In their research, they adopted this composition that trust formation is a relational phenomenon. As a result of reliable interpretations of behaviour between leaders and employees in organizations, relational trust can serve as a personal resource available to all employees. Certainly, trust in leadership is significantly related to several job outcomes such as job satisfaction, organizational commitment, organizational citizenship behaviour and performance (Altanchimeh et al., 2024; Bella, 2023). As for engagement, they expect that employees who have a trusting relationship with their supervisor are likely to be more engaged in their work.

RESEARCH METHODOLOGY

This study uses a quantitative research approach in which processed data is compiled after carrying out an analytical and orderly explanation of the phenomena that occurred (Basias & Pollalis, 2018). Accordingly, this study was carried out in a cross-sectional manner as the researcher did not manipulate the variables and only recorded information. Typically, this design is a census study in which a population is surveyed at one point in time, to describe the characteristics of that population including age, gender, and geographic location, among other characteristics (Cummings, 2018). Random study

sampling was used in this study as explained by Kothari (2020), this sampling method is from a finite population, which gives the same probability for each possible combination of selected samples, and each unit among the entire population can be selected. Once a unit is selected as a sample, it cannot occur again in the sample because sampling is without replacement. A total of 480 technical lecturers were contacted via email to complete an online survey. This number includes engineering lecturers currently serving in institutions. Therefore, 214 responses were received, with a response rate of approximately 45 percent for data analysis purposes. This figure is considered satisfactory based on Masson's (n.d.) suggestion that an acceptable survey response rate is between 5% and 30%. Anything above 30% is considered excellent.

The instrument used is in the form of a set of questionnaires consisting of three parts. Part A refers to the gender of the respondents. Part B uses the McAllister Trust Scale for measuring the trust towards the middle leaders, as well as Part C, which is UWES for the work engagement, to investigate the correlation between the two variables. For Part B, trust in the leader is measured according to two dimensions, which are effect-based trust (five items) and cognition-based trust (six items) which are measured using a six-point Likert scale where 1-Strongly Disagree and 6-Strongly Agree. Next, the simplified version of UWES-9 has been adapted in this study to measure employee engagement, which contains nine items in total consisting of the dimensions of absorption (three items), dedication (three items), and vigor (three items). Each item is rated on a 6-point Likert-type scale ranging from 0 (never) to 5 (always).

RESEARCH FINDINGS AND DISCUSSION

A total of 71 respondents participated in this study consisting of 32 male respondents (45 percent) and female respondents (55 percent). All the respondents who took consisted of technical lecturers who are currently serving in technical educational institutions located in Kuching. Next, to determine the level of trust towards middle and working engagement, the researcher has analyzed and decided that 1.00-3.42 is the lower level, the mean score of 3.43-4.08 is the below-average level, the mean score of 4.09-4.85 is the above-average level, and so on high for a mean score of 4.86-6.00.

Descriptive findings on trust towards leaders and working engagement.

The findings shown in Table 1 found that two items have been detected as below-average levels where the respondents have the view that middle leaders will respond constructively and caringly if they share a problem ($M=3.80$, $S.D.=1.390$). In addition, most respondents with 69 percent agreed that they made considerable emotional investments in the relationship between leaders and followers ($M=4.07$, $S.D.=1.324$). The item "We would both feel a sense of loss if one of us was transferred and we could no longer work together" has obtained the highest mean score under the affect-based trust dimension which is 3.80 ($S.D.=1.179$). As for the cognition-based trust dimension, items CBT3 and CBT4 have each been categorized as an above-average level where respondents agree that they can rely on the person not to make the job more difficult by careless work and they also respect most people as coworkers. The analysis also found that most respondents with a rate as high as 67.6 agreed that middle leaders in the workplace are professional and dedicated ($M=3.93$, $S.D.=1.377$). Overall, both dimensions of affect-based trust and cognition-based trust have obtained mean scores as high as 4.19 and 3.98 respectively. This finding has shown that cognition-based trust has a lower position than affect-based trust.

Table 1
Mean and standard deviation on trust (N=71)

Mean and Standard Deviation on Trust (N = 12)		Likert Scale						Mean	S.D.
Num.	Item	1	2	3	4	5	6		
Dimension: Affect-Based Trusts (ABT)								4.19	.8921
ABT1	We can both freely share our ideas, feelings, and hopes.	2	4	15	20	19	11	4.17	1.2534
		2.8	5.6	21.1	28.2	26.8	15.5		
ABT2	I can talk freely to this individual about difficulties I am having at work and know that (s)he will listen.	4	1	9	26	17	14	4.31	1.2828
		5.6	1.4	12.7	36.6	23.9	19.7		
ABT3	We would both feel a sense of loss if one of us was transferred and we could no longer work together.	3	1	5	19	29	14	4.58	1.1791
		4.2	1.4	7.0	26.8	40.8	19.7		
ABT4	If I shared my problems with this person, I know (s)he would respond constructively and caringly.	3	12	14	17	17	8	3.80	1.3900
		4.2	16.9	19.7	23.9	23.9	11.3		
ABT5	I would have to say that we have both made considerable emotional investments in our working relationship.	2	8	12	21	17	11	4.07	1.3237
		2.8	11.3	16.9	29.6	23.9	15.5		
Dimension: Cognition-Based Trusts (CBT)								3.98	.8448
CBT1	This person approaches his/ her job with professionalism and dedication.	4	8	11	24	14	10	3.93	1.3766
		5.6	11.3	15.5	33.8	19.7	14.1		
CBT2	Given this person's track record, I see no reason to doubt his/ her competence and preparation for the job.	4	9	13	18	19	8	3.89	1.3892
		5.6	12.7	18.3	25.4	26.8	11.3		
CBT3	I can rely on this person not to make my job more difficult by careless work.	2	2	2	20	22	23	4.79	1.1822
		2.8	2.8	2.8	28.2	31.0	32.4		
CBT4	Most people, even those who aren't close friends of this individual, trust and respect him/her as a coworker.	4	7	7	19	22	12	4.18	1.1822
		5.6	9.9	9.9	26.8	31.0	16.9		
CBT5	Other work associates of mine who must interact with this individual consider him/her to be trustworthy.	23	17	16	8	6	1	2.44	1.3494
		32.4	23.9	22.5	11.3	8.5	1.4		
CBT6	If people knew more about this individual and his/her background, they would be more concerned and monitor his/her performance more closely (rev).	2	1	6	20	22	20	4.68	1.1805
		2.8	1.4	8.5	28.2	31.0	28.2		
	*								
*(rev) reversed scored item									

The findings in Table 2 have shown that the dedication dimension for the working engagement variable obtained a mean score of 4.31 (S.D.=.894). The analysis found that respondents who were enthusiastic about their jobs were above average. Accordingly, the analysis also showed that the respondents stated that the work done inspires them with a mean score of 4.42 (S.D.=1.411). For the dimension of vigor (M=4.19, S.D. 1.042), the analysis shows that item VI1 which is "At my work, I feel bursting with energy" has obtained the highest score of 4.56 (S.D.=1.251). Interestingly, almost 65 percent of respondents said they felt ready to work with a mean score of only 3.87. The absorption dimension also obtained a mean score of 3.86 (S.D.=1.032) detected as a below-average level. In this regard, the analysis also reported that only 55 percent of respondents feel happy when they are working intensely (S.D.=1.731).

Table 2
Mean and standard deviation on employee engagement

Num.	Item	Likert Scale						Mean	S.D.
		1	2	3	4	5	6		
Dimension: Absorption								3.86	1.0323
AB1	I feel happy when I am working intensely.	13	13	6	11	20	8	3.51	1.7310
		18.3	18.3	8.5	15.5	28.2	11.3		
AB2	I am immersed in my work.	3	4	11	18	15	20	4.38	1.4078
		4.2	5.6	15.5	25.4	21.1	28.2		
AB3	I get carried away when I'm working.	12	10	6	11	24	8	3.69	1.7037
		16.9	14.1	8.5	15.5	33.8	11.3		
Dimension: Dedication								4.31	.8940
DE1	I am enthusiastic about my job.	3	2	8	16	20	22	4.61	1.3361
		4.2	2.8	11.3	22.5	28.2	31.0		
DE2	My job inspires me.	3	6	5	21	16	20	4.42	1.4108
		4.2	8.5	7.0	29.6	22.5	28.2		
DE3	I am proud of the work that I do.	5	11	8	18	21	8	3.89	1.4595
		7.0	15.5	11.3	25.4	29.6	11.3		
Dimension: Vigor								4.19	1.0415
VI1	At my work, I feel bursting with energy.	2	2	8	21	18	20	4.56	1.2505
		2.8	2.8	11.3	29.6	25.4	28.2		
VI2	At my job, I feel strong and vigorous.	2	7	15	14	21	12	4.14	1.3554
		2.8	9.9	21.1	19.7	29.6	16.9		
VI3	When I get up in the morning, I feel like going to work.	8	9	8	16	19	11	3.87	1.5940
		11.3	12.7	11.3	22.5	26.8	15.5		

Inferential finding on the correlation between trust towards middle leaders and working engagement

Pearson's correlation analysis has shown a significant and positive relationship between trust in middle leaders and work engagement at a high correlation coefficient of .578. As researched by Fard and Karimi (2015), this finding is in line with the results of previous studies showing an important and positive relationship between organizational trust and job satisfaction and commitment. Their investigation is important and ongoing where organizational trust is one aspect of performance improvement, and if organizational managers are accurate and perceptive to bring employees to work appreciation and engagement.

IMPLICATION AND CONCLUSION

The discourse on affect-based trust, middle leadership, and employee engagement illuminates critical dimensions of organizational dynamics essential for fostering thriving work environments. Rooted in interpersonal relationships, affect-based trust emphasizes emotional connections, competence, and reliance among working adults. The emphasis on trust underscores its pivotal role in promoting collaboration and constructive outcomes within organizations. Middle leaders emerge as linchpins in this narrative, tasked with fostering a culture of togetherness and facilitating effective communication and development initiatives. Their influence extends beyond hierarchical structures, as they play instrumental roles in promoting collaboration and enhancing work engagement among colleagues.

Central to the discourse is the profound correlation between trust in colleagues and work engagement, emphasizing the significance of relational bonds in driving vigour, dedication, and absorption in work. Educational institutes are urged to cultivate supportive cultures and fortify middle leadership to bolster communication and professional development endeavours. Moreover, the text advocates for a paradigm shift in leadership dynamics, urging authoritative leaders to embrace shared power and transparent communication, while human resources leaders are implored to deepen their understanding of employee engagement and satisfaction.

Effective management practices emerge as catalysts for cultivating trust and nurturing employee engagement. Open communication, recognition of efforts, and clear goal alignment are identified as pivotal strategies for enhancing organizational cohesion and promoting employee retention. The discourse underscores the imperative of empowering front-line supervisors with the requisite skills to foster collaboration and trust within their teams. By prioritizing these principles, organizations can not only foster positive work environments but also position themselves for sustained success amidst evolving organizational landscapes.

Harter and Mann (2017) emphasize that fostering a positive workplace culture not only encourages employee engagement but also enhances the bottom line. Their research underscores the notion that engaged employees consistently outperform their counterparts across various industries, company sizes, and economic conditions. Building upon this premise, the present study sheds light on the intricate relationship between trust and work engagement among polytechnic teaching staff. The findings affirm a significant correlation between trust and work engagement, suggesting that cultivating trust among middle leaders is paramount for enhancing workplace quality and fostering versatility among educators.

Considering the research outcomes, it becomes imperative for middle leaders to introspect their levels of trust towards one another, recognizing its pivotal role in shaping the quality of interactions within the workplace. By fostering an environment of trust and transparency, middle leaders can imbue their teams with good virtues, thereby facilitating the delivery of quality teaching in higher learning environments. These efforts, rooted in fostering trust and engagement, hold the potential to contribute to lifelong dedication among educators, ultimately fostering positive and meaningful human relationships that underpin effective teaching and learning processes.

In conclusion, the implications of this research extend beyond the immediate context of polytechnic education, resonating with broader organizational principles of trust, engagement, and quality relationships. By embracing these insights, educational institutions and leaders can nurture environments conducive to excellence, innovation, and sustained growth within the teaching and learning community.

REFERENCES

- Altancuneg, Z., Odbayar, L., & Ariunaa, S. (2024). A study on the relationship between organizational trust and job satisfaction. *International Research of Economics and Management Studies*, 3(1), 284-254.
- Basias, N., & Pollalis, Y. (2018). Quantitative and qualitative research in business & technology: Justifying a suitable research methodology. *Review of Integrative Business and Economics Research*, 7, 91-105.
- Bella, K. M. J. (2023). Exploring the impact of workplace relationship and employee job satisfaction. *International Journal of Scientific Research in Modern Science and Technology*, 2(8), 55-62. <https://doi.org/10.59828/ijrmst.v2i8.136>
- Branson, C. M., Franken, M., & Penney, D. (2016). Middle leadership in higher education: A relational analysis. *Educational Management Administration & Leadership*, 44(1), 128-145.
- Cummings, C. L. (2018). Cross-sectional design. *The SAGE Encyclopaedia of Communication Research Methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications Inc.
- De Nobile, J., & Ridden, P. (2014). Middle leaders in schools: Who are they and what do they do? *Australian Educational Leader*, 36(2), 22-25.

- Gramaje, J. A. D., & Buenviaje, J. T. (in press). The roles of middle leaders in reinforcing academic optimism. *Educational Management Administration & Leadership*.
- Harter, J., & Mann, A. (2017). *The right culture: Not just about employee satisfaction*. The Gallup Organization. Retrieved from Employee Engagement vs. Employee Satisfaction and Organizational Culture (gallup.com)
- Kaliannan, M., & Adjovu, S. N. (2015). Effective employee engagement and organizational success: a case study. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 172, 161-168.
- Kothari, C. R. (2020). *Research methodology methods and techniques*. Willey Eastern Limited.
- McAllister, D. J. (1995). Affect-and cognition-based trust as foundations for interpersonal cooperation in organizations. *Academy of Management Journal*, 38(1), 24-59.
- Schaufeli, W. B., & Bakker, A. B. (2003). UWES – Utrecht Work Engagement Scale: Test Manual. Utrecht, The Netherlands: Department of Psychology, Utrecht University.
- Tabak, F., & Hendy, N. T. (2016). Work engagement: Trust as a mediator of the impact of organizational job embeddedness and perceived organizational support. *Organization Management Journal*, 13(1), 21-31.

TAHAP MOTIVASI DAN PENCAPAIAN PELAJAR SIJIL TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM KURSUS BAHASA KEBANGSAAN A DI KOLEJ KOMUNITI GERIK

Yuzlin Yaccob¹, Zetty Asnira Abdul Rashid², Syaza Raihan Sukri³
Kolej Komuniti Gerik

ABSTRAK

Motivasi penting dalam proses pembelajaran bagi mencapai sesuatu matlamat. Tahap motivasi yang tinggi akan memberi impak positif kepada prestasi akademik. Justeru, satu kajian telah dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji tahap motivasi dan pencapaian pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM) dalam kursus Bahasa Kebangsaan A di Kolej Komuniti Gerik. Sampel kajian terdiri daripada 68 orang pelajar STM. Teknik persampelan rawak berkelompok telah dipilih bagi memudahkan pemilihan responden dan keseragaman sampel. Kajian ini telah menggunakan Soal Selidik Strategi Bermotivasi (*Motivated Strategies for Learning Questionnaire*) yang telah diubahsuai dari kajian lepas. Data telah dikumpul menggunakan borang soal selidik secara dalam talian dan dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 23. Nilai Alpha Cronbach instrumen ialah 0.864. Analisis deskriptif digunakan untuk mengetahui tahap motivasi pelajar STM dan tahap pencapaian pelajar dalam kursus Bahasa Kebangsaan A. Dapatan kajian menunjukkan daripada 24 item yang digunakan 14 item mendapat interpretasi skor sederhana tinggi manakala 9 item mendapat skor tinggi dan 1 item lagi mendapat skor sederhana rendah. Keseluruhan skor min tahap motivasi pelajar STM adalah sederhana tinggi ($M=3.76$, $S.P.=0.43$). Manakala bagi tahap pencapaian pelajar majoriti pelajar mendapat gred A dalam kursus Bahasa Kebangsaan A. Seramai 37 responden (54.5%) mendapat gred A, 26 responden (38.2%) pula mendapat gred B, 4 responden (5.9%) mendapat gred C dan seorang responden (1.5%) mendapat gred D. Ini bermakna majoriti pelajar berada dalam status sangat cemerlang, cemerlang, kepujian dan baik. Hanya seorang pelajar sahaja yang berstatus lulus bersyarat. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan motivasi memainkan peranan penting bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar namun beberapa penambahbaikan harus dilaksanakan khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan program intervensi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Kata Kunci : *Motivasi, pencapaian akademik, bahasa kebangsaan*

PENGENALAN

Motivasi memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian akademik seseorang pelajar. Ia penting dalam proses pembelajaran bagi mencapai sesuatu matlamat. Motivasi pembelajaran seseorang pelajar bergantung kepada keinginan untuk mengubah sikap. Ia juga adalah perubahan tenaga di dalam diri seseorang individu yang ditandai dengan dorongan dalam diri untuk mencapai sesuatu matlamat (Maryam, 2016). Perubahan ini turut menyumbang kepada keaktifan seseorang individu semasa sesi pembelajaran (Yuli et al., 2020).

Dua kategori motivasi menjadi elemen penting dalam peningkatan prestasi akademik seseorang pelajar. Motivasi intrinsik merupakan rangsangan dalaman manakala motivasi ekstrinsik wujud disebabkan oleh indikator luaran. Kedua-dua rangsangan ini boleh dianggap sebagai unsur yang membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di samping menjadikan proses pembelajaran berlaku dalam situasi yang lebih menyeronokkan serta memberi impak yang tinggi (Zamri & Sharlina, 2016). Berbanding motivasi ekstrinsik, motivasi intrinsik adalah lebih diperlukan oleh sebilangan pelajar. Dapatan Roghdaryanti dan Maizatul Hayati (2019) dalam kajiannya turut menyatakan perkara yang sama iaitu motivasi instrinsik adalah lebih diperlukan kerana ia mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Pelajar tidak mengharapkan sebarang imbuhan setelah mereka melaksanakan sesuatu tugas malahan mereka berasa seronok dan berpuas hati apabila dapat menyelesaikan tugas yang diberi. Bandura menyatakan situasi tersebut sebagai *self-regulated learning* atau pembelajaran regulasi sendiri di mana seseorang individu mempunyai keinginan dan dorongan secara dalaman untuk mencapai matlamat belajar bagi meningkatkan prestasi akademik (Siti Suminarti Fasikhah & Siti Fatimah, 2013). Prestasi akademik pula boleh dinilai berdasarkan sistem gred yang merujuk kepada sesuatu yang boleh diukur bagi membezakan tahap-tahap yang telah dicapai (Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020). Peningkatan dan penurunan prestasi akademik ini boleh dilihat dari beberapa faktor serta boleh dijadikan sebagai kayu ukur dengan melihat beberapa ciri penting yang ada pada pelajar.

Oleh itu, sebagai seorang pendidik pelbagai langkah dan kaedah boleh digunapakai untuk memberi impak positif kepada tahap motivasi pelajar supaya prestasi akademik pelajar boleh ditingkatkan. Jika prestasi akademik pelajar semakin menurun pelbagai rangsangan boleh diberikan.

Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap motivasi dalam kalangan pelajar STM dan juga mengenal pasti pencapaian Bahasa Kebangsaan A dalam kalangan pelajar STM di Kolej Komuniti Gerik.

Modul Bahasa Kebangsaan A ini merupakan modul yang wajib diambil oleh pelajar-pelajar yang tidak kredit dalam Bahasa Melayu di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tidak kredit merujuk kepada pencapaian gred D dan E dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM. Ia telah termaktub dalam kurikulum yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Namun begitu, berbeza bagi pelajar-pelajar STM. Modul ini wajib diambil oleh semua pelajar berbanding program lain pada semester lepas.

PENYATAAN MASALAH

Kelemahan penguasaan Bahasa Melayu berkait rapat dengan beberapa faktor. Antaranya sikap dan motivasi pelajar itu sendiri. Kedua-dua aspek ini merupakan faktor penting dalam menentukan kejayaan dan kecemerlangan seseorang individu. Misalnya, penggunaan bahasa rojak dan bahasa ibunda oleh sebilangan pelajar sebagai medium pertuturan boleh menyebabkan penguasaan Bahasa Melayu kurang lancar. Penggunaan bahasa rojak boleh dikaitkan dengan budaya modenisasi bahasa yang kini semakin menular terutamanya dalam kalangan gen Z. Ini kerana mencampuradukkan bahasa telah menjadi kebiasaan kepada pelajar (Siti Nurul Jannah et al., 2023). Manakala keengganan untuk mempelajari bahasa ibunda dan kurangnya minat untuk belajar Bahasa Melayu boleh mengakibatkan penurunan motivasi dan prestasi akademik. Ada dalam kalangan pelajar terutamanya pelajar bukan Melayu pula lebih selesa untuk bertutur dalam bahasa ibunda mereka ketika berada di institusi pendidikan. Pernyataan ini turut dipersetujui oleh Che Radiah dan Lay Hoon (2012) yang menyatakan penggunaan bahasa ibunda di rumah dan institusi pendidikan boleh mempengaruhi tahap penguasaan bahasa seseorang individu. Kajian Juwairiah et al., (2018) turut menyatakan permasalahan yang sama. Ramai pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang lebih berminat bertutur bahasa ibunda mereka berbanding Bahasa Melayu walaupun modul yang diambil adalah Bahasa Melayu. Meskipun

respondennya berbeza namun impaknya terhadap penguasaan Bahasa Melayu dan peningkatan tahap motivasi pelajar adalah sama.

Oleh itu, berdasarkan faktor tersebut ia boleh mempengaruhi tahap motivasi seseorang pelajar. Tahap motivasi pelajar yang rendah terutamanya dalam subjek Bahasa Melayu boleh memberi impak terhadap pencapaian akademik pelajar. Kurangnya motivasi boleh mengakibatkan kurangnya minat dalam mempelajari bahasa Melayu, yang kemudiannya boleh menghalang proses pembelajaran dan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dapatan Nancy dan Zamri (2017) menyatakan tahap motivasi pelajar yang lemah merupakan penyumbang kepada penguasaan bahasa Melayu yang kurang memuaskan dalam kalangan pelajar Melanau. Tahap motivasi pelajar dapat ditingkatkan jika mereka berusaha dan bertekad untuk berjaya menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Begitu juga dengan tahap motivasi dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti terutamanya dalam modul Bahasa Kebangsaan A yang masih perlu ditambah baik. Dorongan perlu diberi kepada pelajar kerana sebilangan besar pelajar hanya lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM. Ia bertepatan dengan syarat kemasukan ke Kolej Komuniti yang hanya memerlukan bakal pelajar lulus Bahasa Melayu di peringkat SPM. Oleh sebab itu, sebagai seorang pensyarah dorongan boleh diberikan dan dijadikan sebagai sumber utama untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar.

Dorongan yang baik akan memberi impak yang lebih baik. Ini kerana seseorang individu akan melaksanakan sesuatu perkara jika dalam dirinya telah ada motivasi sendiri yang baik (Sunarti, 2021).

KAJIAN LITERATUR

Motivasi bermaksud mendorong, mengarah dan mengekalkan tingkah laku. Ia merupakan dorongan dalam diri seseorang untuk melaksanakan sesuatu dengan bersemangat, tekun dan sabar bagi mencapai matlamat yang diinginkan (Zuraini et al., 2016). Motivasi juga merupakan perkara penting yang perlu dititikberatkan dan diberi fokus utama. Motivasi belajar seseorang dan keterlibatan dalam PdP adalah perkara yang saling berkait antara satu sama lain. Ia juga adalah elemen penting yang menggerakkan aktiviti PdP bagi sesuatu modul. Tanpa motivasi, sesuatu pembelajaran yang berkesan tidak akan terhasil. Malahan ia menjadi isu utama jika para pelajar dan institusi menghadapi masalah penurunan pencapaian akademik. Jublin et al., (2021) menyatakan motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan tingkat usaha pelajar. Ia turut selari dengan dapatan kajian oleh Hazwani Mohd Najib et al., (2017) yang mengaitkan motivasi mempunyai pengaruh yang signifikan dengan prestasi seseorang pelajar serta dapatan kajian daripada Siti Hajar Bidin et al., (2019) yang mendapati semakin tinggi tahap motivasi seseorang semakin tinggi keinginan untuk berjaya.

Dalam konteks akademik pencapaian dalam kajian ini boleh diukur dengan markah yang diperoleh pelajar. Terdapat sebilangan pelajar yang mendapat markah yang tinggi dan ada selebihnya yang mendapat markah yang rendah. Konsep pencapaian ini turut diakui oleh Zulyna Adila dan Faridah (2021) yang menyatakan pencapaian akademik boleh diukur dalam dua aspek iaitu tahap tinggi bagi yang mendapat markah tinggi manakala tahap rendah adalah mereka yang memperoleh markah yang rendah. Huraian secara terperinci turut dinyatakan oleh Hashim (2012) dalam Nor Aroma et al., (2021). Pengkaji menyatakan pencapaian akademik yang tinggi adalah berkait dengan pelajar yang aktif semasa dalam kelas dan di luar kelas manakala bagi pelajar yang rendah pencapaian akademiknya adalah pelajar yang pasif. Oleh sebab itu para pelajar ini juga mempunyai tahap motivasi yang berbeza antara satu sama lain.

METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif melalui borang soal selidik sebagai instrumen. Responden terdiri daripada pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM) semester 2 dan 3 dari Kolej Komuniti Gerik yang telah mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A pada semester pertama. Teknik persampelan rawak berkelompok telah dipilih bagi memudahkan data mengikut kelas diperoleh. Seramai 68 orang responden yang terdiri daripada pelajar kelas STM 3A, STM 2A dan STM 2B telah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian telah diadaptasi dari Soal Selidik Strategi Bermotivasi (*Motivated Strategies for Learning Questionnaire*) (MSLQ) dan telah diubahsuai daripada kajian lepas (Suzie, 2023) Soal selidik ini mengandungi 24 item yang merangkumi dua bahagian iaitu bahagian A meliputi latar belakang diri responden manakala bahagian B merangkumi pengaruh motivasi responden terhadap pencapaian akademik pelajar. Skala Likert lima pilihan

digunakan bagi responden menyatakan darjah persetujuan terhadap setiap item yang dikemukakan. Data dianalisis menggunakan Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 23. Hasil analisis mendapati secara keseluruhannya nilai Alpha Cronbach ialah 0.864. Bagi menganalisis tahap motivasi, pengkaji telah menggunakan analisa statistik secara deskriptif. Skor min yang diperoleh dinilai dengan merujuk kepada skor min yang dicadangkan oleh Nunally (1978) seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Skor min

Skor min	Interpretasi skor
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.00 - 2.00	Rendah

Sumber: Nunally (1978)

Dapatan dan perbincangan

Bahagian ini dijalankan adalah untuk melihat objektif yang dinilai. Dapatan kajian ini telah dianalisis secara deskriptif. Ia terdiri daripada maklumat profil responden dan analisis data yang berkaitan.

1. Profil Responden

Jadual 2 : Taburan Data Peribadi dan Demografi Responden (n=68)

Pembolehubah Demografi	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	29	42.6
Perempuan	39	57.4
Umur		
18 – 19 tahun	48	70.6
20 – 21 tahun	19	27.9
24 tahun ke atas	1	1.6
Kelas		
STM 2A	30	44.1
STM 2B	28	41.2
STM 3	10	14.7
Semester pengajian		
Dua	58	85.3
Tiga	10	14.7
Jumlah Responden	68	

Jadual 2 menunjukkan taburan data peribadi dan demografi responden. Daripada 68 responden, 29 responden (42.6%) adalah lelaki manakala 39 responden (57.4%) pula adalah perempuan. Responden yang paling ramai adalah dalam lingkungan umur 18 hingga 19 tahun iaitu 48 responden (70.6%). Manakala selebihnya berada dalam lingkungan umur 20 hingga 21 tahun iaitu seramai 19 responden (27.9%) dan seorang responden berumur 24 tahun ke atas (1.6%). Kelas yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar dari kelas STM 2A, 2B dan STM 3. Responden yang paling ramai terdiri daripada pelajar semester 2 iaitu seramai 58 responden (85.3%). Sementara pelajar semester 3 pula adalah seramai 10 responden (14.7%).

2. Tahap Motivasi Pelajar Sijil Teknologi Maklumat (STM)

Jadual 3 : Analisis Tahap Motivasi Responden (n=68)

Item	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi Skor
B1 : Saya pasti saya boleh membuat kerja dengan cemerlang dalam menyelesaikan tugas yang diberikan di dalam kelas.	4.17	0.87	Tinggi
B2 : Saya yakin bahawa saya akan mendapat gred yang baik di dalam kelas.	4.14	0.88	Tinggi
B3 : Saya rasa kemahiran belajar saya sangat baik berbanding pelajar lain di dalam kelas ini.	3.48	0.78	Sederhana Tinggi
B4 : Saya rasa saya banyak mengetahui tentang subjek yang dipelajari di dalam kelas berbanding dengan pelajar yang lain.	3.38	0.81	Sederhana Tinggi
B5 : Saya tahu bahawa saya dapat belajar dengan hanya bahan yang disediakan oleh pensyarah semasa di dalam kelas.	3.67	0.81	Sederhana Tinggi
B6 : Saya lebih suka tugas yang mencabar untuk mempelajari sesuatu yang baharu.	3.63	0.84	Sederhana Tinggi
B7 : Amat penting bagi saya untuk mempelajari semula (mengulang kaji) apa yang telah diajar di dalam kelas.	4.35	0.78	Tinggi
B8 : Saya suka modul yang saya pelajari di dalam program pengajian ini.	4.01	0.74	Tinggi
B9 : Walaupun saya gagal di dalam peperiksaan, saya cuba untuk belajar daripada kesilapan saya.	4.45	0.67	Tinggi
B10 : Memahami sesuatu subjek amatlah penting.	4.44	0.72	Tinggi
B11 : Saya sangat gementar semasa menyiapkan soalan penilaian sehingga tidak dapat mengingati fakta yang telah saya pelajari di dalam kelas.	3.11	1.15	Sederhana Tinggi
B12 : Saya mempunyai perasaan yang kurang menyenangkan semasa menjawab soalan penilaian berterusan.	3.04	1.11	Sederhana Tinggi
B13 : Saya berasa sangat risau apabila pensyarah ingin memberi soalan penilaian berterusan.	2.79	1.14	Sederhana Rendah
B14 : Apabila menyelesaikan penilaian berterusan, saya merasakan bahawa saya tidak melakukan yang terbaik.	3.17	1.06	Sederhana Tinggi
B15 : Apabila saya membuat persediaan untuk menyiapkan penilaian berterusan, saya akan mengumpulkan maklumat yang diperoleh di dalam kelas.	3.89	0.81	Sederhana Tinggi
B16 : Apabila saya membuat persediaan untuk menyiapkan penilaian berterusan, saya akan mengumpulkan maklumat daripada bahan rujukan yang lain seperti buku dan sumber internet.	4.05	0.70	Tinggi
B17 : Semasa membuat tugas, saya cuba untuk mengingati apa yang pensyarah telah sampaikan di dalam kelas supaya soalan yang dijawab betul.	4.10	0.75	Tinggi
B18 : Semasa mengulangkaji, saya akan menyalin nota untuk meningkatkan tahap pemahaman bahan pembelajaran.	3.97	0.77	Sederhana Tinggi
B19 : Apabila pensyarah memberi soalan penilaian, saya akan menghafal fakta penting yang telah diberitahu.	3.83	0.70	Sederhana Tinggi
B20 : Apabila saya sedang mempelajari sesuatu topik, saya cuba menyesuaikan topik tersebut dengan isu semasa.	3.75	0.76	Sederhana Tinggi
B21 : Saya bertanya kepada diri sendiri untuk memastikan bahawa saya memahami apa yang saya pelajari.	4.07	0.69	Tinggi
B22 : Apabila saya merasakan bahawa tugas tersebut sukar, saya akan berputus asa dan mempelajari sesuatu yang mudah untuk difahami terlebih dahulu.	3.27	1.09	Sederhana Tinggi
B23 : Sebelum saya mula belajar, saya akan merancang agenda terlebih dahulu.	3.51	0.81	Sederhana Tinggi
B24 : Saya akan berusaha untuk mendapatkan gred yang baik walaupun saya tidak berminat untuk mempelajari subjek tersebut.	4.00	1.10	Sederhana Tinggi

Bagi mengukur tahap motivasi pelajar sebanyak 24 item soalan telah diajukan kepada responden. Interpretasi skor yang diperolehi adalah merujuk kepada Jadual 1. Hasil daripada analisis tersebut dinyatakan seperti di Jadual 3. Jadual 3 menunjukkan daripada 24 item yang digunakan 14 item mendapat interpretasi skor sederhana tinggi manakala 9 item mendapat interpretasi skor tinggi dan 1 item lagi mendapat interpretasi skor sederhana rendah. Analisis menunjukkan item B13 (Saya berasa sangat risau apabila pensyarah ingin memberi soalan penilaian berterusan) telah mendapat skor min paling rendah iaitu 2.79 (SP=1.14) manakala item B9 (Walaupun saya gagal di dalam peperiksaan, saya cuba untuk belajar daripada kesilapan saya) mendapat skor min tertinggi iaitu 4.45 (SP=0.67). Bagi skor min paling rendah interpretasi skor berada pada tahap sederhana rendah manakala bagi skor min paling tinggi interpretasi skor berada pada tahap tinggi.

Walaupun skor min menunjukkan ada responden yang mendapat skor tinggi, sederhana tinggi dan sederhana rendah tetapi majoriti pelajar masih berada dalam lingkungan mempunyai tahap motivasi tinggi.

Kesimpulannya, hasil analisis deskriptif di Jadual 3 boleh dinilai secara keseluruhan berdasarkan nilai min yang diperolehi. Keseluruhan nilai min menunjukkan pelajar STM yang mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A mempunyai tahap motivasi sederhana tinggi ($M=3.76$, $S.P.=0.43$). Daripada kajian yang dilaksanakan, responden bersedia untuk melaksanakan tugas penilaian berterusan (PB) yang diberi oleh pensyarah. Sebelum melaksanakan PB pelajar juga akan cuba untuk mencari maklumat-maklumat penting sama ada di internet atau bertanya kepada pensyarah terlebih dahulu. Selain itu, pelajar juga dilihat mempunyai keyakinan diri untuk mendapat keputusan yang baik dalam kursus Bahasa Kebangsaan A. Dapatan ini seiring dengan Zainuddin dan Perera (2017) dalam Wan Naliza dan Siti Mistima (2020) yang menyatakan pelajar yang bermotivasi akan berusaha sedaya upaya mencari kaedah terbaik untuk mencapai matlamat yang diinginkan tanpa dipengaruhi oleh faktor-faktor sekeliling.

3. Pencapaian Bahasa Kebangsaan A dalam kalangan pelajar STM di Kolej Komuniti Gerik

Prestasi pelajar bagi PB di Kolej Komuniti merujuk kepada sistem gred seperti di Jadual 4.

Jadual 4 : Sistem Gred Kolej Komuniti

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus Bersyarat
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal

Sumber : Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi Pertama, segala arahan di dalam buku ini berkuat kuasa bermula Sesi II : 2023/2024.

Jadual 5 : Gred Pencapaian Kursus Bahasa Kebangsaan A Mengikut Gred

Gred	Bilangan	Peratus
Gred A	37	54.5
Gred B	26	38.2
Gred C	4	5.9
Gred D	1	1.5

Jadual 5 merujuk kepada Gred Pencapaian Bahasa Kebangsaan A responden. Gred ini telah dikategorikan (berdasarkan jadual 4) bagi memudahkan pengkaji untuk menganalisis data dengan baik. Majoriti pelajar mendapat gred A bagi kursus Bahasa Kebangsaan A iaitu seramai 37 responden (54.5%). 26 responden (38.2%) pula mendapat gred B. Manakala gred C hanya melibatkan 4 responden (5.9%) berbanding gred D hanya seorang responden (1.5%) sahaja. Ini bermakna majoriti pelajar berada dalam status Sangat Cemerlang, Cemerlang, Kepujian dan Baik. Hanya seorang pelajar sahaja yang berstatus Lulus Bersyarat. Berdasarkan pencapaian tersebut didapati pencapaian pelajar dalam Bahasa Kebangsaan A adalah membanggakan. Pencapaian tersebut boleh dikaitkan dengan tahap motivasi pelajar yang majoritinya adalah sederhana tinggi dan tinggi. Pernyataan ini turut dipersetujui oleh Nik Mohd Rahimi, Zamri dan Kamarulzaman (2008) menyatakan motivasi dan pencapaian pelajar adalah berkait dan seiring.

Selain itu, hasil dapatan ini juga dapat memberi input kepada tenaga pengajar untuk membuat penambahbaikan bagi mengatasi masalah pelajar yang lulus bersyarat. Walaupun pelajar lain mendapat keputusan yang baik namun sebagai seorang tenaga pengajar yang kompeten dan sentiasa inginkan pelajaranya cemerlang beberapa kursus atau bengkel boleh dihadiri bagi meningkatkan kompetensi pensyarah sekaligus mempelbagaikan kaedah PdP Secara tidak langsung, kaedah PdP yang menarik dapat meningkatkan motivasi pelajar dan juga pencapaian mereka dalam penilaian berterusan yang dilaksanakan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, motivasi memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan prestasi akademik seseorang individu namun beberapa penambahbaikan harus dilaksanakan bagi memberi impak yang lebih baik kepada pencapaian akademik pelajar khususnya dalam kursus Bahasa Kebangsaan A. Oleh itu, beberapa program intervensi boleh dilaksanakan oleh pihak Kolej Komuniti Gerik sebagai program sokongan untuk meningkatkan tahap motivasi pelajar. Kerjasama Unit Akademik dan Unit Psikologi boleh dilaksanakan bagi menganjurkan beberapa program yang bersesuaian sekaligus dapat mencapai matlamat program.

Selain itu, peranan yang lebih khusus juga boleh dimainkan oleh pensyarah modul untuk mempelbagaikan kaedah PdP sedia ada. Kaedah PdP yang lebih interaktif boleh memberi impak yang lebih tinggi kepada pencapaian pelajar. Dapatan tersebut juga memberi gambaran kepada tenaga pengajar bahawa bimbingan dan pendedahan dalam merancang PdP masih perlu untuk menyokong emosi dan motivasi pelajar secara seimbang. Dapatan ini juga boleh dikaitkan dengan Teori Determinasi Diri yang menyatakan motivasi pelajar dapat ditingkatkan sekiranya keperluan asas dapat dipenuhi. Antara fokus keperluan asas yang boleh dikaitkan adalah kompetensi pensyarah (Wan Naliza & Siti Mistima, 2020). Fokus tersebut seiring dengan dapatan yang dinyatakan oleh Anuar dan Nelson (2015) bahawa semua guru harus kompeten dalam bidang masing-masing. Oleh itu, sebagai seorang tenaga pengajar, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang masing-masing adalah sangat diperlukan supaya PdP kita dapat memberi impak positif kepada pelajar sekaligus dapat meningkatkan tahap motivasi pelajar untuk belajar.

RUJUKAN

- Che Radiah, M., & Lay Hoon, A. (2012). Masalah Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Etnik Cina di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 5(2), 215-226.
- Hazwani, M., Noor Raudhiah, A., & Norziah, O. (2017). E-Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Selangor. *Malaysian Online Journal of Education*, 1(1), 74-82.
- Jublin, N., Saemah, R., & Shahlan, S. (2021). Motivasi Menggunakan E Pembelajaran dan Pencapaian Sejarah dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(3), 454-464.
- Juwairiah, O., Jamilah Bebe, M., Anis Nabilla, A., & Jamal Rizal, R. (2018). Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 9, 61-79.
- Maryam, M. (2016). Pengaruh Motivasi dalam Pembelajaran. *Lantanida Journal*, 4(2), 87-97.
- Muhammad Ikmal Rezal, O., Nurazwa, A., & Nor Kamariah, K. (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTHM. *ResearchGate*, 45-52. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/346678814>
- Nancy, A., & Zamri, M. (2017). Sikap, Minat dan Motivasi Murid Melanau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 8, 47-58.
- Nik Mohd Rahimi, N., Zamri, M., & Kamarulzaman, A. (2008). Motivasi Pembelajaran Kemahiran Mendengar Bahasa Arab dan Hubungannya dengan Pencapaian Pelajar. *Jurnal Pendidikan* 33, 3-18.
- Nor Aroma, A., Khairul Zaidy, M., Puvaneswary, B., & Zetty Nurzuliana, R. (2021). Tahap Motivasi Belajar dalam Kalangan Murid di Dua Buah Sekolah di Daerah Hilir Perak. *:khairul.mansor@moe.gov.myEvaluation Studies in Social Sciences*, 2, 56-63.
- Roghdaryanti, H., & Maizatul Hayati, M. (2019). Hubungan antara Motivasi dan Penerimaan dengan Pencapaian Akademik Pelajar dalam Pelajaran Menggunakan M-Pembelajaran di Kolej Vokasional. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(4), 89-94.
- Siti Hajar, B., Hiyama Junko, A., Nurul Sabrina, Z., Zulida, A., & Rosmahalil, A. (2019). Faktor Sikap, Motivasi dan Jantina Mempengaruhi Penguasaan Pembelajaran Bahasa Jepun Tahap 1 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 16(1), 105-115.
- Siti Nurul Jannah, F., Junaini, K., & Siti Norayu, M. (2023). Pengamalan Bahasa Melayu Generasi Z dalam Era Revolusi Industri 4.0 dari Perspektif Sosiokognitif. *Journal of Human Development and Communication*, 12, 90-106
- Siti Suminarti Fasikhah, & Siti Fatimah. (2013). Self-Regulated Learning(Srl) Dalam Meningkatkan Prestasi Akademik Pada Mahasiswa. *Jurnal Ilmiah Psikologi Terapan*, 01(01), 145-155.
- Sunarti, R. (2021). Pentingnya Motivasi Belajar dalam Meningkatkan Hasil Belajar. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Dasar*, 289-302.

- Suzie, A. (2023). Hubungan Motivasi Dengan Prestasi Akademik Dalam Kalangan Pelajar Bachelar Di Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu. Jabatan Sains Sosial Dan Pengurusan, Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains, Universiti Putra Malaysia
- Wan Naliza, W., & Siti Mistima, M. (2020). Hubungan antara motivasi dengan pencapaian matematik dalam kalangan murid sekolah luar bandar. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 10(1), 39-48.
- Yuli, S., Ulfah, & Opan, A. (2020). Upaya Meningkatkan Motivasi Peserta Didik dalam Pembelajaran. *Jurnal Al-Amar (JAA)*, 1(1), 1 - 10.
- Zamri, M., & Sharlina, M. (2016). Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Sekolah Rendah Luar Bandar, Daerah Meradong, Bintangor, Sarawak. *Pertanika Journals*, 3(1), 69-84.
- Zulyna Adila, Z., & Faridah, M. (2021). Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Motivasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Perempuan Jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 180 - 190.
- Zuraini, J., Fadzilah, A., Norazlina, M., & Samsilah, R. (2016.). Motivasi Belajar dan Keterlibatan dalam Pembelajaran Kemahiran Mengarang Bahasa Melayu. *Journal of Social Science and Humanities*, 11(1), 213-226.

INOVASI PENGURUSAN KEJOHANAN SUKAN MEMANAH: MyARCHERY

Hasniza binti Tawyer¹, Hanirah binti Mohamad Nur¹, Suriati binti Mustaffa¹

¹ Kolej Komuniti Kota Tinggi, JOHOR

ABSTRAK

Kemajuan teknologi kini, menyebabkan permintaan untuk menyediakan platform digital yang memudahkan penyelenggaraan acara sukan. Pengurus dan atlet memerlukan sistem yang mudah digunakan, cekap, dan boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana. Oleh itu, Pembangunan Sistem Pengurusan Kejuhanan Memanah (MyArchery) merupakan platform yang dibangunkan untuk membantu pengurusan dan penyelenggaraan kejuhanan sukan memanah. MyArchery menyediakan pelbagai fungsi termasuk pendaftaran peserta, penjadualan acara, penyimpanan rekod, dan pelbagai lagi. Sistem ini boleh membantu dalam memudahkan proses pengurusan dan memastikan kelancaran kejuhanan sukan memanah. Penyataan masalah di sebalik pembangunan sistem MyArchery adalah disebabkan oleh kesukaran pengurusan manual di mana penyelenggara kejuhanan memanah menghadapi kesulitan dalam menguruskan acara secara manual. Proses seperti pendaftaran peserta, penjadualan acara dan penyimpanan rekod memerlukan banyak masa dan sumber. Dalam pengurusan manual, terdapat risiko kehilangan maklumat yang penting seperti maklumat peserta, keputusan pertandingan, dan rekod prestasi. Ini boleh menyebabkan kesilapan dan ketidakpastian dalam penyelenggaraan kejuhanan. Di samping itu, ketidakcekapan komunikasi antara penyelenggara kejuhanan dan peserta kurang efisien. Informasi mengenai butiran acara, jadual, dan perubahan sukar untuk disampaikan dengan tepat kepada semua pihak yang berkepentingan. Aplikasi pembangunan yang digunakan dalam membangunkan MyArchery termasuk Integrated Development Environment (IDE) ialah Visual Studio Code bagi Database Management System (DBMS) ialah MySQL. Dengan pembangunan sistem seperti MyArchery ini dapat membantu mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penganjur kejuhanan sukan memanah dan menyediakan platform yang lebih efisien, teratur, dan mudah diakses untuk semua pihak yang terlibat. Pada masa hadapan MyArchery akan ditambah baik dengan menyediakan keperluan analitik dan pelaporan untuk menganalisis data prestasi peserta, menyediakan laporan prestasi untuk meningkatkan pengurusan dan penganjuran kejuhanan pada masa akan datang.

Kata Kunci: *Pengurusan Kejuhanan, Memanah, Sistem Pengurusan, Pembangunan Perisian dan Keselamatan Data*

ABSTRACT

The advancement of technology today has led to the demand for digital platforms that facilitate the organization of sporting events. Managers and athletes require a system that is user-friendly, efficient, and accessible anytime, anywhere. Therefore, the development of the Archery Championship Management System (MyArchery) is a platform designed to assist in the management and organization of archery sporting events. MyArchery provides various functions including participant registration, event scheduling, record keeping, and more. This system can help streamline the management process and ensure the smooth running of archery championships.

The problem statement behind the development of the MyArchery system is due to the difficulty of manual management where archery event organizers face challenges in managing events manually. Processes such as participant registration, event scheduling, and record keeping require a lot of time and resources. In manual management, there is a risk of losing important information such as participant details, match results, and performance records. This can lead to errors and uncertainties in event organization. Furthermore, inefficient communication between event organizers and participants is less effective. Information about event details, schedules, and changes is difficult to accurately convey to all stakeholders.

The development tools used in developing MyArchery include the Integrated Development Environment (IDE) Visual Studio Code for the Database Management System (DBMS) MySQL. With a system development like MyArchery, it can help overcome the challenges faced by archery event organizers and provide a more efficient, organized, and accessible platform for all parties involved. In the future, MyArchery will be further improved by providing analytical requirements and reporting to analyze participant performance data, providing performance reports to enhance management and organization of future events.

Keywords: *Tournament Management, Archery, Management System, Data Security and System Development*

PENGENALAN

Menurut Saaidin, Masarudin, Mohd Radhi, & Mohamed (2023) teknologi maklumat (IT) merangkumi penggunaan sistem komputer, rangkaian, dan perisian untuk menyimpan, memproses, dan menghantar data. Ia melibatkan kajian, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan, sokongan, dan pengurusan sistem maklumat berasaskan komputer. IT memainkan peranan penting dalam pelbagai industri, membolehkan organisasi menyelaraskan operasi, meningkatkan komunikasi, dan meningkatkan kecekapan melalui penggunaan teknologi. Oleh itu, IT telah meningkatkan prestasi organisasi dari masa ke masa. Teknologi baru sentiasa digunakan, terutamanya dalam IT berkaitan komputer. Perisian berasaskan web adalah kelas perisian yang agak baharu yang membolehkan akses mudah dan cepat ke pelbagai maklumat melalui laman web. Ini telah membawa kepada pembangunan Sistem Pengurusan Kelab E-Sport berasaskan web untuk UIAM menggunakan aplikasi web (PHP) untuk menyelaraskan aktiviti kelab, acara, pertandingan, dan jualan barangan (Abdullah Zahri & Aman, 2021). Selain itu juga, pembangunan IT dimanfaatkan juga dalam pembangunan sistem penyeliaan Ujian Kecergasan Jasmani Kebangsaan (UKJK) bagi mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Sistem ini bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis data kecergasan pelajar dalam bentuk digital, membolehkan guru dan jurulatih memantau prestasi kecergasan mereka secara berterusan. Sistem ini juga termasuk ciri-ciri seperti ujian kecergasan, kaunseling, analisis, dan pemfailan. Kajian ini melibatkan kajian perintis dan kajian sebenar, dengan subjek dari latar belakang pendidikan dan kumpulan umur yang berbeza. Sistem ini direka untuk menyimpan data kecergasan secara digital dan menyediakan analisis automatik untuk membantu meningkatkan prestasi kecergasan pelajar (Omar & Othman, 2010).

PENYATAAN MASALAH

Persatuan Memanah Daerah Kota Tinggi (PMDKT) saban tahun menganjurkan Kejohanan Memanah Terbuka Kota Tinggi (KOTA). Tahun 2024 merupakan penganjuran KOTA bagi kali Ke-Enam. Namun saban tahun juga terdapat permasalahan dalam pengurusan kejohanan kerana pengurusan kejohanan menggunakan Google Form dan Google Sheet. Di mana rekod pasukan atlet diuruskan secara manual. Kesukaran pengurusan manual ini menyebabkan penyelenggara kejohanan memmanah menghadapi kesulitan dalam menguruskan acara secara manual. Proses seperti pendaftaran peserta, penjadualan acara, pemantauan prestasi, dan penyimpanan rekod mungkin memerlukan banyak masa dan sumber. Dalam pengurusan manual, terdapat risiko kehilangan maklumat yang penting seperti maklumat peserta, hasil pertandingan, dan rekod prestasi. Ini boleh menyebabkan kesilapan dan ketidakpastian dalam penyelenggaraan kejohanan.

Di samping itu, komunikasi antara penyelenggara kejohanan dan peserta tidak efisien. Informasi mengenai butiran acara, jadual, dan perubahan mungkin sukar untuk disampaikan dengan tepat kepada semua pihak yang berkepentingan. Dengan mengenal pasti masalah-masalah ini, pembangunan sistem seperti MyArchery dapat membantu mengatasi cabaran-cabaran yang dihadapi oleh penyelenggara kejohanan memmanah dan menyediakan platform yang lebih efisien, teratur, dan mudah diakses untuk semua pihak yang terlibat.

OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah merekabentuk dan membangunkan inovasi sistem pengurusan kejohanan memanah secara dalam talian yang mesra pengguna dan maklumat kejohanan dapat diurus dengan lebih baik.

SKOP KAJIAN

Merekabentuk dan membangunkan inovasi sistem pengurusan kejohanan dalam menguruskan semua aspek acara dengan lebih mudah dan efisien, mengurangkan kerumitan pengurusan manual dan meningkatkan pengalaman peserta. Fungsi utama MyArchery termasuk pendaftaran peserta secara dalam talian, penjadualan acara, pemantauan prestasi, penyimpanan rekod, komunikasi antara peserta dan penyelenggara, serta analitik prestasi untuk penambahbaikan masa depan.

Teknologi Maklumat dalam Pembangunan Sistem bagi Pengurusan Kejohanan Sukan

Teknologi maklumat penting dalam pengurusan kejohanan kerana ia memperkembangkan proses penganjur, mendaftar dan menguruskan kejohanan. Ia membolehkan komunikasi yang cekap dengan peserta, mengesan pendaftaran, menjadualkan acara, menyediakan platform untuk menguruskan keputusan kejohanan dan menjadikan proses pengurusan lebih cekap dan tepat. Selain itu, ia dapat meningkatkan pengalaman keseluruhan peserta dan penonton dengan menyediakan kemas kini masa nyata, akses kepada maklumat yang relevan dan menyediakan sistem berpusat untuk menguruskan semua aspek kejohanan, memudahkan penganjur mengendalikan pelbagai tugas. Penggunaan teknologi maklumat dalam pengurusan kejohanan adalah penting untuk memperkembangkan organisasi dan pelaksanaan acara sukan (Abdullah Zahri & Aman, 2021; Saaidin, Masarudin, Mohd Radhi, & Mohamed, 2023).

Selain itu, IT dapat memudahkan analisis data, membantu penganjur membuat keputusan termaklum dan memperbaiki kejohanan masa depan. (Sharif, et al., 2023)

Menurut Mazlan & Yaakub, (2021) pula pelaksanaan analisis data dalam pengurusan kejohanan adalah penting untuk membuat keputusan dan kesimpulan yang tepat. Teknik ini membantu dalam menganalisis prestasi pemain dengan melihat faktor-faktor seperti keputusan peperiksaan dan disiplin. Prestasi akademik boleh mempengaruhi prestasi sukan pelajar, jadi B-Top Sport menggunakan analisis data untuk menguruskan pelajar dengan berkesan dengan menyediakan kaunseling dan nasihat untuk meningkatkan kualiti mereka sebagai pemain. Selain itu, analisis data boleh digunakan untuk meramalkan peningkatan prestasi pelajar. Oleh itu, teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam meningkatkan pengurusan kejohanan melalui analisis data.

Visual Studio Code

Menurut laman web rasmi Visual Studio Code (2024), Visual Studio Code (VS Code) adalah sebuah editor teks sumber terbuka yang dikembangkan oleh Microsoft. Ia terkenal dengan keupayaannya yang kuat untuk pengaturan dan penyusunan kod, serta pelbagai fungsi tambahan yang memudahkan pengaturan projek pembangunan perisian. Ia menyediakan antara muka pengguna yang bersih dan sederhana untuk mengedit teks. Di mana ia menyokong penyorotan sintaks untuk pelbagai bahasa pemrograman, memudahkan penggunaan kod yang lebih mudah difahami. Selain itu, VS Code mempunyai integrasi git yang kuat, membolehkan pengguna menguruskan projek mereka langsung dari dalam editor. Ia menyediakan antaramuka untuk mengkaji perubahan, mengurus cabaran, dan melaksanakan tugas-tugas git lain secara terus.

Salah satu kekuatan utama VS Code adalah ekstensibilitinya. Pengguna boleh memasang pelbagai ekstensi yang memperluas fungsi asas editor, seperti alat bantu debug tambahan, penambah kebolegunaan, atau penyorot sintaks untuk bahasa-bahasa tertentu. VS Code menyediakan terminal terpadu yang membolehkan pengguna menjalankan arahan shell langsung dari dalam editor. Ini memudahkan pengaturan projek dan menjalankan skrip secara langsung.

Ia menyediakan sokongan untuk penyelesaian masalah (*debugging*) yang terintegrasi dengan pelbagai bahasa pengaturcaraan. Pengguna boleh menetapkan titik henti, melaksanakan kod langkah demi langkah, dan melihat pembolehubah semasa dalam sesi penyelesaian masalah. VS Code mempunyai sistem pengaturan yang fleksibel yang membolehkan pengguna menyesuaikan editor mengikut keperluan mereka. Ini termasuk pemilihan tema, konfigurasi penyokong bahasa, dan banyak lagi. Sebagai projek sumber terbuka, VS Code mempunyai komuniti yang aktif yang menyokongnya

dengan pembangunan dan penyelenggaraan. Ini bermakna terdapat banyak sumber daya, penambahbaikan, dan ekstensi yang disumbangkan oleh komuniti pengguna (Visual Studio Code Documentation, 2024).

PHP

PHP (*Hypertext Preprocessor*) adalah bahasa pengaturcaraan yang digunakan terutamanya untuk pengembangan laman web. Ia adalah bahasa skrip yang dilaksanakan di pihak pelayan, yang bermaksud kod PHP dijalankan di pelayan web berbanding pelayar web pengguna. Kelebihan ciri-ciri PHP antaranya boleh digunakan untuk membuat laman web statik dan dinamik, serta aplikasi web kompleks. Di samping itu, PHP adalah sumber terbuka, dan terdapat banyak sumber daya percuma serta sokongan masyarakat yang besar. Ia dapat berintegrasi dengan pelbagai pangkalan data, termasuk MySQL, PostgreSQL, dan banyak lagi. Selain itu, PHP adalah bahasa yang mudah dipelajari, terutamanya untuk mereka yang mempunyai pengalaman dalam HTML dan PHP mempunyai perpustakaan yang lebih luas, sokongan dan sumber daya (What is PHP?, n.d.). Kebolehpercayaan PHP menjadikannya pilihan yang popular dalam pembangunan laman web dan aplikasi web.

MySQL


Menurut MySQL, n.d., MySQL adalah sistem pengurusan pangkalan data yang popular dan sering digunakan dalam pembangunan aplikasi web. Ia menawarkan beberapa ciri yang membuatnya sesuai untuk pelbagai keperluan antaranya ialah MySQL boleh digunakan untuk aplikasi kecil hingga besar, dengan keupayaan untuk mengendalikan jutaan rekod tanpa mengurangkan prestasi. Di samping itu, MySQL menawarkan pelbagai ciri keselamatan termasuk kawalan akses, pengesahan, dan enkripsi data untuk melindungi maklumat sensitif. Ia menawarkan prestasi yang baik dalam pengendalian dan pertanyaan pangkalan data, yang penting untuk aplikasi web yang memerlukan akses cepat kepada data. MySQL mempunyai komuniti yang besar dan aktif yang menyediakan sokongan, sumber daya, dan perpustakaan yang meluas dan MySQL mudah dipasang dan dikonfigurasi, dengan alat pengurusan grafik dan baris perintah yang mudah digunakan.

Metodologi Pembangunan Sistem

Metodologi Pembangunan Sistem adalah menstruktur, merancang dan mengawal proses sebuah pembangunan sistem aplikasi perlu dilaksanakan dan ia bergantung kepada kesesuaian sesebuah organisasi, keupayaan dan keperluan teknikal serta jenis dan pasukan projek. (Bahagian Perundingan ICT, 2022)

MyArchery dibangunkan dengan mengaplikasikan metodologi *Rapid Application Development* (RAD). Rajah 1 menunjukkan proses metodologi RAD berlaku. RAD merangkumi empat (4) fasa pembangunan iaitu perancangan keperluan, reka bentuk, pembangunan dan pelaksanaan. Matlamat utama metodologi ini adalah pembangunan sistem yang berkualiti tinggi secara cepat di mana pembangun sistem berkerjasama rapat dengan pengguna dan sistem yang dibangunkan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna

Tahap Analisa dan Reka bentuk merupakan tahap awal dalam suatu pengembangan sistem, di mana pada tahap ini dilakukan identifikasi masalah dan pengumpulan data yang diperoleh dari pengguna atau stakeholder pengguna yang bertujuan untuk mengidentifikasi maksud akhir atau tujuan dari sistem dan keperluan informasi yang diinginkan. Tahap kitar hayat prototaip terdiri daripada bangunkan, demonstrasi dan sempurnakan. Proses kitaran ini dilakukan secara berulang-ulang kali sehingga keperluan dan kehendak pengguna dipenuhi. Pada tahap ini, pengguna memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai objektif pembangunan sesuatu sistem. Pada tahap uji pula, pengguna akan memberikan maklum balas sistem memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Tahap akhir bagi metodologi ini adalah tahap implementasi/laksana. Pada tahap ini, pasukan pembangun sistem akan menyelesaikan pengembangan sistem, melakukan ujian akhir, dan memberikan latihan kepada pengguna untuk memakai sistemnya. Kemudian, penyelenggaraan akan dilakukan supaya tidak ada bug dalam sistem dan dapat memastikan bahawa sistem tersebut berfungsi dan efektif.



Rajah 1: Metodologi RAD (Bahagian Perundingan ICT, 2022)

Modul-Modul Sistem

MyArchery sangat mudah dan mesra pengguna sama ada menggunakan komputer ataupun secara telefon pintar. Berikut merupakan antaramuka sistem MyArchery dari paparan telefon pintar melalui <https://myarchery.omisplus.com>. My Archery terdiri daripada dua (2) modul iaitu modul pentadbir sistem dan modul pengguna. Modul Pentadbir sistem terdiri daripada *Dashboard*, *Profile*, *Tournament Setting*, *Tournament Management*, *Organization*, *User Data* dan *Announcement*. Manakala bagi modul pengguna terdiri daripada modul Modul Athlete dan Modul Team Manager. Bagi Modul Team Athlete ia terdiei daripada modul Dashboard, Profile dan Athlete Records. Manakala bagi modul Team Manager pula terdiri daripada Profile, Team Management. Berikut merupakan antaramuka yang terdapat di dalam sistem MyArchery


Log Masuk

Pengguna perlu memasukan ID Pengguna dan katalaluan yang betul dan tepat.

Rajah 2 Antaramuka Login Pengguna

Kemaskini Maklumat

Paparan utama yang memaparkan menu utama, *profile* pengguna dan ruangan tempahan. Pengguna boleh mengemaskini *profile* pengguna.



Rajah 3 Antaramuka Kemaskini Maklumat Pengguna

Pendaftaran Kejohanan

Pengguna boleh membuat pendaftaran kejohanan yang ingin diikuti.



Rajah 4 Antaramuka Pendaftaran Kejohanan

Pengurusan Kejohanan

Bagi modul pengurusan kejohanan adalah terdiri daripada *Tournament Information*, *Team List*, *Participant List By Event*, *Fee Status*, *Participant Award* dan *Tournament Certificate*. Setiap satunya mempunyai fungsi tersendiri.



Rajah 5 Antaramuka Pengurusan Kejohanan

Tournament Information

Dimuatkan segala maklumat mengenai kejohanan memanah yang dianjurkan. Contoh maklumat kejohanan adalah seperti Rajah 5.1

 SEKAYA OPEN INDOOR ARCHERY TOURNAMENT 2004 24 - 26 MEI 2024 KOMPLEKS SUKAN AIR DAN UDARA DESARU (KRAMSAU), BANDAR PENAWAR, KOTA TINGGI JOHOR		
Search:		
Bil	Title	Dokumen
1	Lokasi Kejohanan / Venue of Tournament	View
2	WhatsApp Group Kejohanan / Tournament	View
3	Maklumat Kejohanan / Tournament Information	View
4	Jadual Kejohanan / Schedule of Tournament	View
5	Jemputan SEKAYA / SEKAYA Invitation	View
6	Poster Kejohanan	View

Rajah 5.1 Antaramuka *Tournament Information*

Team List

Rajah 5.2 menunjukkan antaramuka *Team List*. Di dalam *Team List* ini disenaraikan semua pasukan yang mendaftar/menyertai kejohanan tersebut.

[← Back](#)
[Print](#)

[+ Register Tournament Team](#)



SEKAYA OPEN INDOOR ARCHERY TOURNAMENT 2004


24 - 26 MEI 2024
KOMPLEKS SUKAN AIR DAN UDARA DESARU (KRAMSAU), BANDAR PENAWAR, KOTA TINGGI JOHOR

Bil	Team Name	Team Manager	Total Officer	Total Athlete	Action
1	:		0	0	View Edit Delete All Form
2	COJA : COJA ACADEMY	SHAMSUDIN JAMASERI	0	1	View Edit Delete All Form
3	DSA : D'SEMENTA ARCHERY	MOHD FAIZUL BIN MD TAIB	1	1	View Edit Delete All Form
4	KTAC : KOTA TINGGI ARCHERY CLUB	MOHAMMAD NAGUIB	0	0	View Edit Delete All Form
5	SHARC : STRAIGHT SHOOTER ARCHERY CLUB	MOHD FAIZAL SUBAHAR	0	0	View Edit Delete All Form
6	SMART : SMART ARCHERY	ZAHARI ZAHAR BIN YUSOF	8	14	View Edit Delete All Form

Rajah 5.2 Antaramuka *Team List*

Participant List By Event

Antaramuka sebagaimana Rajah 5.3 menunjukkan bahawa tersenarainya bilangan peserta bagi semua kategori yang dipertandingkan. Pengguna boleh menyemak bilangan peserta bagi setiap kategori yang dipertandingkan.




No	Code	Event	Category	Total Participation	Action
1	RU10M	RECURVE UNDER 10 MEN	TEAM	8	View
2	RU10W	RECURVE UNDER 10 WOMEN	TEAM	8	View
3	RU12M	RECURVE UNDER 12 MEN	TEAM	0	View
4	RU12W	RECURVE UNDER 12 WOMEN	TEAM	0	View
5	RU15M	RECURVE UNDER 15 MEN	TEAM	0	View
6	RU15W	RECURVE UNDER 15 WOMEN	TEAM	0	View
7	RU21M	RECURVE UNDER 21 MEN	TEAM	0	View
8	RU21W	RECURVE UNDER 21 WOMEN	TEAM	0	View

Rajah 5.3 Antaramuka Participant List By Event

Fee Status

Rajah 5.4 menunjukkan bahawa status pembayaran yuran bagi setiap pasukan yang menyertai kejohanan yang dianjurkan.



Bil	Team Name	Team Manager	Payment Status	Payment Method	Total Payment	Action
1	:		Pending	-		Update
2	KTAC : KOTA TINGGI ARCHERY CLUB	MOHAMMAD NAGUIB	Pending	-		Update
3	SHARC : STRAIGHT SHOOTER ARCHERY CLUB	MOHD FAIZAL SUBAHAR	Pending	-		Update
4	DSA : D'SEMENTA ARCHERY	MOHD FAIZUL BIN MD TAIB	Waiting	2-Online Banking	120.00	Update
5	SMART : SMART ARCHERY	ZAHARI ZAHAR BIN YUSOF	Waiting	1-Cash		Update
6	COJA : COJA ACADEMY	SHAMSUDIN JAMASERI	Pending	-		Update

Rajah 5.4 Antaramuka Fee Status

Participant Award

Pentadbir sistem bertanggungjawab untuk memasukkan pencapaian pasukan dan individu dalam kejohanan yang dipertandingkan.

No	Team	Athlete	Event	Award	Action
No data available in table					

Rajah 5.5 Antaramuka *Participant Award*

Tournament Certificate

Rajah 5.6 pula menunjukkan antaramuka Tournament Certificate membolehkan pengguna memuat turun sijil penyertaan, pencapaian dan penghargaan bagi kejohanan yang disertai.

Bil	Team Name	Team Manager	Action
1	:		View
2	KTAC : KOTA TINGGI ARCHERY CLUB	MOHAMMAD NAGUIB	View
3	SHARC : STRAIGHT SHOOTER ARCHERY CLUB	MOHD FAIZAL SUBAHAR	View
4	DSA : D'SEMENTA ARCHERY	MOHD FAIZUL BIN MD TAIB	View
5	SMART : SMART ARCHERY	ZAHARI ZAHAR BIN YUSOF	View
6	COJA : COJA ACADEMY	SHAMSUDIN JAMASERI	View

Rajah 5.6 Antaramuka *Tournament Certificate*

KESIMPULAN

MyArchery adalah sebuah inovasi yang bertujuan untuk meningkatkan pengurusan dan pengalaman peserta dalam kejohanan memanah. Dengan mengintegrasikan teknologi dalam proses pendaftaran, penjadualan, komunikasi, dan analitik, MyArchery membawa manfaat yang signifikan kepada penyelenggara dan peserta kejohanan. Penggunaan metodologi RAD membolehkan sistem dapat dibangunkan dengan pantas dan fleksibel.

Melalui peningkatan komunikasi, dan penyediaan data analitik yang komprehensif, MyArchery membantu penyelenggara dalam menguruskan acara dengan lebih cekap dan membuat keputusan yang lebih berinformasi. Sementara itu, peserta mendapat kemudahan dalam mendaftar, mengikuti perubahan jadual, dan memantau prestasi mereka sendiri.

Keselamatan data yang diperkuat dan antara muka pengguna yang memudahkan adalah ciri-ciri utama yang menjadikan MyArchery sebagai sistem pengurusan kejohanan yang unggul. Dengan memperbaiki antara muka pengguna, meningkatkan fungsionaliti, dan terus memperbaharui sistem mengikut maklum balas pengguna, MyArchery akan terus berkembang sebagai platform yang membantu dalam penyelenggaraan kejohanan memanah yang berjaya dan berkesan.

RUJUKAN

- Abdullah Zahri, A., & Aman, H. (2021). Sistem Pengurusan Kelab E-Sukan Untuk UIAM (ECIUM) Menggunakan Web Aplikasi (PHP). *Applied Information Technology and Computer Science Vol. 2 No. 1*, 011-035.
- Bahagian Perundingan ICT, U. P. (2022). *Metodologi Pembangunan Sistem Aplikasi*. Dipetik dari Portal Jaminan Kualiti Perisian (SQA) Aplikasi Sektor Awam:
<https://sqa.mampu.gov.my/index.php/ms/1-2-metodologi-pembangunan-sistem-aplikasi>
- Mazlan, M., & Yaakub, M. (2021). *Pembangunan Portal Akademi B-Top Sport dan Implementasi Data Analitik*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Microsoft, *Visual Studio Code*. (2024). Dipetik dari Visual Studio Code:
<https://code.visualstudio.com/>
- MySQL. (2023). Dipetik dari MySQL: <https://dev.mysql.com/doc/>
- Omar, A., & Othman, N. (2010). PEMBANGUNAN SISTEM PENYELIAAN UJIAN KECERGASAN JASMANI KEBANGSAAN. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.
- PHP. (2023). Dipetik dari What is PHP?: <https://www.php.net/manual/en/intro-what-is.php>
- Saaidin, M., Masarudin, M., Mohd Radhi, M., & Mohamed, J. (2023). Pembangunan Aplikasi Deportes Fitness. *Multidisciplinary Applied Research and Innovation Vol. 4 No. 2*, 125–131.
- Sharif, S., Gunathevan, E., Mohd Suradi, N., Mamat, S., Aman, M., Vellapandian, P., . . . Imran, F. (2023). Pembangunan Indeks Budaya Sukan Holistik. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) Volume 8, Issue 9*.
- Visual Studio Code Documentation. (2024). Dipetik dari Visual Studio Code Documentation:
<https://github.com/microsoft/vscode-docs>

KAJIAN TAHAP PEMAHAMAN TENTANG COVID-19 DAN ADAPTASI PERSEKITARAN PELAJAR SEMASA MENJALANI KUARANTIN SEBAGAI KONTAK RAPAT : KAJIAN KES DI KOLEJ KOMUNITI TELUK INTAN

Saliza bt Ghazali¹ M.Shariff bin Aziz² Noorlinda bt Bundawan³
¹²³Kolej Komuniti Teluk Intan, Perak

ABSTRAK

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah memberi impak yang ketara kepada proses PdP dalam kalangan pelajar, khususnya di Kolej Komuniti Teluk Intan (KKTi). Pantasnya Covid-19 merebak menyebabkan Prosedur Operasi Standard semakin ketat. Tidak sekadar pelajar yang terkena virus, malah yang menjadi kontak rapat juga perlu menjalani proses kuarantin yang ketat. Dengan suasana disiplin yang serba baru dan bertukar cepat, memahami dan patuh kepada arahan menjadi suatu kemestian bagi menghindari penularan wabak ini dalam kalangan pelajar lain. Cabaran utama adalah memahami persekitaran yang berbeza-beza. Sebahagian pelajar tinggal di rumah sewa, manakala yang lain bersama keluarga. Walaupun begitu, mereka perlu mampu membawa adaptasi disiplin baru dalam kerangka kehidupan sedia ada.

Kata kunci: *Covid-19, adaptasi, persekitaran, kontak rapat.*

PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pemahaman mengenai COVID-19 di kalangan pelajar sijil. Sampel kajian terdiri daripada pelajar sijil dari Kolej Komuniti Teluk Intan. Kajian ini menggunakan pendekatan soal selidik untuk mengumpulkan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman pelajar sijil mengenai COVID-19 adalah berbeza-beza. Sebahagian besar pelajar mempunyai pemahaman asas mengenai virus ini, seperti gejala-gejala dan cara penularannya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kesalahan pemahaman dan kekeliruan mengenai perkara seperti vaksinasi, rawatan, dan langkah-langkah pencegahan yang sepatutnya diambil. Kajian ini mengesahkan keperluan untuk meningkatkan pendidikan dan kesedaran mengenai COVID-19 di kalangan pelajar sijil

Adaptasi persekitaran sewaktu COVID-19 merujuk kepada penyesuaian dan perubahan yang dilakukan dalam lingkungan atau konteks sosial, ekonomi, dan persekitaran fizikal dalam menangani impak pandemik COVID-19. Ia melibatkan pengenalan langkah-langkah baru untuk memastikan keselamatan dan kesihatan individu serta meminimumkan penyebaran virus. Contoh adaptasi persekitaran termasuk pelaksanaan kerja dari rumah, pengenalan langkah-langkah keselamatan seperti penggunaan pelitup muka dan penjarakan sosial, peningkatan sanitasi dan kebersihan, serta penyesuaian dalam cara pengurusan perniagaan, pendidikan, dan aktiviti sosial. Adaptasi persekitaran adalah penting untuk menjaga keseimbangan antara menjaga kehidupan harian dan melindungi komuniti daripada risiko jangkitan COVID-19.

Pelajar yang menjalani kuarantin sebagai kontak rapat dan tinggal di kediaman sama ada rumah sewa mahupun kediaman keluarga adalah pelajar yang telah terdedah kepada individu yang telah disahkan positif COVID-19 dan dianggap berisiko tinggi untuk jangkitan. Selama tempoh kuarantin, pelajar tersebut diarahkan untuk tinggal di dormitory atau tempat tinggal yang ditetapkan untuk mengurangkan risiko penyebaran virus kepada orang lain. Mereka diberi arahan untuk mengikuti langkah-langkah pencegahan yang ketat, seperti memakai pelitup muka, menjaga jarak sosial, dan meningkatkan amalan kebersihan. Pelajar juga mungkin dikenakan pantauan kesihatan berkala untuk mengesan sebarang gejala atau perkembangan jangkitan. Tujuan kuarantin adalah untuk melindungi pelajar dan komuniti

daripada penyebaran COVID-19 dan memastikan pemulihan yang selamat sebelum mereka dibebaskan daripada kuarantin.

Ismail mensarankan insentif dan persediaan yang telah dilakukan oleh pihak Inapan Siswa dalam menyediakan pusat kuarantin bagi pelajar terlibat, dengan tujuan mengendalikan penyebaran COVID-19 yang semakin merebak. Persediaan ini termasuk sistem penjagaan dan kawalan yang diperhatikan semasa pelajar menjalani proses kuarantin. Pengawasan yang ketat diberikan kepada pelajar yang perlu mengasingkan diri atau menjalani kuarantin untuk mencegah penyebaran wabak COVID-19, sama ada pelajar itu terhindar atau telah dijangkiti oleh wabak tersebut. Setiap pelajar yang menjalani kuarantin diberikan bilik tersendiri untuk melaksanakan aktiviti harian mereka. Di peringkat kolej komuniti penginapan pelajar merujuk kepada kediaman rumah sewa pelajar.

SOROTAN KAJIAN

Penularan wabak virus covid-19 menyebabkan pelajar Kolej Komuniti Teluk Intan terkesan dan memerlukan kuarantin. Zahari menyatakan saranan kuarantin diruang rumah kediaman selari dengan perspektif Islam iaitu “Duduk Rumah”, Stay at Home. Ini kerana rumah dijadikan sebagai kubu yang memberi perlindungan peribadi kepada manusia daripada gangguan luar dan persekitaran. Adi Syahid yang membuat kajian tentang pelajar di peringkat universiti menyatakan secara keseluruhan, pelajar yang tinggal di kolej kediaman semasa Perintah Kawalan Pergerakan menghadapi tekanan psikososial yang dikawal. Fokus utama adalah kebajikan, kesihatan, dan keselamatan pelajar dengan penyediaan makanan percuma tiga kali sehari dan barang keperluan asas oleh universiti. Pusat kesihatan universiti menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, manakala kaunseling disediakan secara dalam talian. Langkah-langkah awal ini bertujuan untuk mengurangkan tekanan psikososial pelajar. Tambahan pula, pelajar mengambil inisiatif untuk menganjurkan pelbagai aktiviti bagi kekal aktif dan sihat. Program-program keagamaan juga dijalankan. Kerjasama antara pengurusan dan pelajar sendiri membantu mengawal tekanan psikososial pelajar dengan intervensi daripada pengurusan universiti. Melihat pendekatan di peringkat Tertier ini membolehkan pengurusan Kolej Komuniti Teluk Intan menilai semula peranan yang perlu dilakukan hal ehwal pelajar, Penyelaras Covid dan Unit Keselamatan Kesihatan di peringkat kolej terhadap pelajar di peringkat sijil kolej komuniti yang pada asasnya memerlukan pemantauan khusus memandangkan umur pelajar diperingkat sijil kolej komuniti mempunyai perbezaan gaya hidup yang ketara berbanding pelajar universiti yang boleh bertindak secara sistematik dan terkawal semasa menjalani kuarantin.

Kajian ini penting bagi melihat pemahaman pelajar KKTi tentang covid-19 dan adaptasi pelajar dengan persekitaran sewaktu menjalani kuarantin sebagai kontak rapat. Hasil dapatan ini dapat menjadi panduan dan perbandingan sejauh mana pelajar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi beradaptasi semasa menjalani kuarantin kontak rapat.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dijalankan melalui tinjauan. Sampel kajian adalah terdiri daripada 39 pelajar dari Kolej Komuniti Teluk Intan yang mempunyai pengalaman kuarantin. Kaedah pungutan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah pensampelan rawak mudah menggunakan borang soal selidik digunakan sebagai Instrumen kajian. Data kajian yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif iaitu untuk mendapatkan skor peratusan menggunakan SPSS v.22. Instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data - borang selidik. Item-item kajian adalah adaptasi dari *Centre for Disease Control and Prevention* (2020). Penentuan tahap-tahap dalam analisis item kajian akan diukur berdasarkan nilai skor purata sebagaimana ditunjukkan dalam yang merujuk kepada jadual peratusan tahu dan peratusan tidak tahu.

Hasil Kajian

a. Analisis demografi responden

Jadual 1: Latar belakang responden

Item		%
Jantina	Lelaki	41.0
	Perempuan	59.0
Umur	1 -	89.7
	2 -	10.3
Kediaman pelajar semasa kuarantin	Rumah keluarga	33.3
	Dorm atau rumah sewa	66.7
Program pengajian	1 – Tapak Bina	56.4
	2 – Animasi 3D	43.6
Sejarah kesihatan	1- Normal	100
	2- Berisiko	0.00
Pendapatan ibu bapa pelajar	1 – kurang RM4850	94.9
	2 – lebih RM4851	5.1

Analisis demografi responden adalah seperti Jadual 2. Berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa 41.0% adalah pelajar lelaki iaitu seramai 16 orang manakala pelajar perempuan adalah 59.0 % iaitu seramai 23 orang. Pelajar yang tinggal di rumah sendiri ialah seramai 13 orang mewakili 33.3% dan yang tinggal di dorm atau rumah sewa ialah seramai 26 orang iaitu 66.7%. Pelajar dari program Sijil Penyeliaan Tapak Bina seramai 22 orang mewakili 56.4% dan pelajar Sijil Animasi 3D iaitu seramai 17 orang mewakili 43.6%. Bagi analisis sejarah kesihatan responden pula seramai 39 orang adalah pelajar yang mempunyai tahap kesihatan normal iaitu mewakili 100%.

Bagi pelajar yang pendapatan ibu bapa dalam kalangan B40 seramai 37 orang iaitu mewakili 94.9%. Pelajar yang mempunyai sumber pendapatan ibu bapa M40 seramai 2 orang iaitu mewakili 5.1%.

b. Analisis item kajian

Berikut adalah jadual peratusan dapatan untuk pernyataan-pernyataan yang diberikan oleh responden :

i) Tahap pemahaman tentang COVID-19

Jadual 2: Peratusan Dapatan Tahap Pemahaman Tentang COVID-19

Item	Pernyataan	% Tahu	% Tidak Tahu
A1	Apakah itu COVID-19	100	0
A2	Bagaimana COVID-19 merebak	97.4	2.6
A3	Apakah langkah-langkah pencegahan COVID-19	100	0
A4	Apakah kriteria disyaki menghidap COVID-19	97.4	2.6
A5	Siapakah golongan berisiko tinggi	97.4	2.6

A6	Apakah rawatan penyakit COVID-19	92.3	7.7
A7	Apakah tindakan selanjutnya sekiranya keputusan ujian COVID-19 disahkan positif	100	0
A8	Bagaimana pengesanan kontak dilakukan	89.7	10.3
A9	Apakah yang dimaksudkan dengan kontak rapat	94.9	5.1
A10	Mengapa kuarantin perlu dilakukan sekiranya kontak rapat	97.4	2.6
A11	Berapa tempoh hari kuarantin sekiranya kontak rapat dan positif COVID-19	100	0

Dengan mengenal pasti pernyataan-pernyataan dengan persentase "tahu" yang tinggi dan rendah, strategi komunikasi yang sesuai dapat dilaksanakan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan mengenai COVID-19, terutamanya dalam aspek pengesanan kontak, rawatan, dan definisi kontak rapat.

Jadual 2 di atas menggambarkan pengetahuan pelajar tentang COVID-19 dan langkah-langkah yang berkaitan dengannya. Sebahagian besar pelajar (100%) mempunyai pengetahuan tentang COVID-19, langkah-langkah pencegahan, serta tindakan yang perlu diambil jika keputusan ujian COVID-19 adalah positif. Hampir semua pelajar (97.4%) tahu bagaimana COVID-19 merebak, kriteria disyaki menghidap COVID-19, golongan berisiko tinggi, dan mengapa kuarantin perlu dilakukan dalam konteks kontak rapat. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki, dengan 7.7% pelajar yang tidak mengetahui tentang rawatan penyakit COVID-19 dan 10.3% yang tidak memahami bagaimana pengesanan kontak dilakukan. Kebanyakan pelajar (94.9%) memahami apa yang dimaksudkan dengan kontak rapat dan 97.4% tahu berapa tempoh hari kuarantin yang perlu dijalani sekiranya kontak rapat dan positif COVID-19. Kesimpulannya, kebanyakan pelajar mempunyai pengetahuan yang baik tentang COVID-19, tetapi terdapat beberapa aspek yang memerlukan peningkatan pemahaman.

ii) Adaptasi persekitaran

Jadual 3: Peratusan Dapatan Adaptasi Persekitaran

Item	Pernyataan	% Praktik	% Tidak Praktik
B1	Saya sentiasa memakai pelitup muka apabila berada di kawasan umum	100	0
B2	Saya sentiasa mengamalkan 3W (Wear a mask, Wash your hands, Watch your distance)	97.4	2.6
B3	Saya segera mendapatkan rawatan apabila didapati bergejala	92.3	7.7
B4	Saya melakukan ujian sendiri apabila didapati bergejala	97.4	2.6
B5	Saya mampu untuk membeli sendiri kit ujian COVID-19	94.9	5.1
B6	Saya yakin vaksin dan booster dapat melindungi saya daripada dijangkiti COVID-19	100	0
B7	Saya mengambil makanan tambahan untuk melindungi diri	74.4	25.6
B8	Saya sentiasa menscan di aplikasi MySejahtera apabila masuk bangunan Kolej Komuniti Teluk Intan	100	0
B9	Saya sentiasa menscan di aplikasi MySejahtera apabila masuk ke mana-mana premis	100	0
B10	Saya scan suhu setiap kali masuk ke premis	97.4	2.6
B11	Saya pernah menggunakan perkhidmatan talian sokongan psikososial COVID-19 (Perkhidmatan ini dikendalikan oleh petugas psikologi KKM dan sukarelawan MERCY)	25.6	74.4

Dapatan dari Jadual 3 di atas menunjukkan tahap praktik pelajar dalam mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19. Sebahagian besar pelajar menunjukkan amalan yang baik, dengan 100% dari mereka memakai pelitup muka di kawasan umum dan menscan aplikasi MySejahtera ketika memasuki

bangunan atau premis. 97.4% pelajar mengamalkan 3W (memakai pelitup muka, mencuci tangan, menjaga jarak), serta melakukan ujian sendiri dan pemindaian suhu ketika bergejala. Walau bagaimanapun, terdapat aspek yang perlu diperbaiki, seperti hanya 74.4% pelajar yang mengambil makanan tambahan untuk melindungi diri dan hanya 25.6% yang menggunakan perkhidmatan sokongan psikososial dalam talian. Kesimpulannya, sebahagian besar pelajar telah mengamalkan langkah-langkah pencegahan COVID-19, tetapi masih terdapat ruang untuk peningkatan dalam beberapa bidang tertentu.

Jadual 4: Peratusan Dapatan Kuarantin Sebagai Kontak Rapat

Item	Pernyataan	% Praktik	% Tidak Praktik
C1	Saya terus membuat ujian sendiri apabila dimaklumkan saya adalah kontak rapat	89.7	10.3
C2	Saya tidak keluar ke mana-mana sepanjang tempoh kuarantin	97.4	2.6
C3	Saya menjalani kuarantin dalam tempoh yang ditetapkan	100	0
C4	Saya membataskan pergaulan sesama ahli keluarga/rakan-rakan	92.3	7.7
C5	Saya gagal memberi tumpuan apabila kelas tetap juga diadakan secara online	35.9	64.1
C6	Saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan sepanjang tempoh kuarantin	48.7	51.3
C7	Saya sentiasa memaklumkan keadaan diri saya kepada pensyarah kelas	74.4	25.6
C8	Saya sentiasa memaklumkan keadaan diri saya kepada ahli keluarga	97.4	2.6
C9	Saya berasa tertekan kerana apabila berlaku kehilangan dalam kalangan keluarga terdekat semasa tempoh kuarantin, merumitkan untuk menziarah atau berkabung	64.1	35.9


Dapatan dari Jadual 4 di atas pula memberikan gambaran tentang amalan pelajar semasa menjalani kuarantin sebagai kontak rapat. 89.7% pelajar mengambil inisiatif untuk menjalani ujian sendiri apabila dimaklumkan sebagai kontak rapat, dan sebahagian besar (97.4%) tidak keluar dari tempat tinggal sepanjang tempoh kuarantin. 100% pelajar mematuhi tempoh kuarantin yang ditetapkan. Meskipun demikian, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar, seperti 35.9% yang mengalami kesulitan memberi tumpuan dalam kelas dalam talian dan 48.7% yang menghadapi kesukaran dalam mendapatkan makanan semasa kuarantin. Terdapat juga beberapa pelajar (64.1%) yang merasakan tekanan apabila terdapat kehilangan dalam keluarga dan menghadapi kesulitan dalam melakukan kunjungan atau berduka. Kesimpulannya, sebilangan besar pelajar mematuhi langkah-langkah kuarantin, tetapi terdapat cabaran dan kesan emosi yang perlu diperhatikan dan disokong semasa tempoh tersebut.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, tahap pemahaman para pelajar Kolej Komuniti Teluk Intan tentang Covid-19 berada pada tahap yang baik hingga cemerlang. Ini disebabkan info berkenaan Covid-19 mudah di akses secara di hujung cari. Penggunaan MySejahtera juga menjadi medium yang memberi panduan kepada pelajar untuk beradaptasi dengan persekitaran sewaktu pandemik.

Selepas kajian ini dilaksanakan, pihak pengurusan Kolej Komuniti Teluk Intan iaitu Unit Keselamatan & Kesihatan telah menjadualkan satu carta alir untuk memudahkan pelajar mengikuti SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan Covid-19. Carta alir tersebut adalah seperti di Gambarajah 1. Kolej Komuniti Teluk Intan juga boleh menambah baik pengurusan semasa proses kuarantin pelajar dengan cara memberi sumbangan makanan dan menyediakan Test Kit Covid-19.

Walaupun pandemik COVID-19 membawa banyak impak negatif, terdapat beberapa kesan positif yang muncul terutama dalam konteks pemeraksanaan pembelajaran secara dalam talian. Antara impak positif yang dapat dilihat adalah penggunaan teknologi dalam pendidikan. Pensyarah dan pelajar telah dipaksa untuk menjadi lebih mahir dalam menggunakan pelbagai platform pembelajaran dalam talian seperti Zoom, Google Classroom, dan lain-lain. COVID-19 telah mengubah landskap pendidikan dengan cara yang drastik dan membuka jalan kepada transformasi positif dalam cara pembelajaran dijalankan yang mana membawa manfaat jangka panjang kepada pelajar dan pendidik.



Gambarajah 1 : Carta Alir Proses Pengurusan Kesihatan Pelajar Kolej Komuniti Teluk Intan.

RUJUKAN

CDC retrieve from https://www.cdc.gov/mmwr/mmwr_additional_resources.html?topics=%22Covid-19%22

Zahari bin Mahad Musa & Mohd izhar Arif bin Mohd Kashim (2021). Kuarantin dan rumah kediaman dalam Islam: Perspektif Hadis Rasulullah SAW. Covid-19 daripada perspektif Fiqh & Usul Fiqh. Irwan Mohd Subri. Penerbit Usim.

Adi Syahid M. Solehah Tenah Dan Rakan. (2021) Tahap Tekanan Psikososial Pelajar Universiti Yang Tinggal Di Kolej Kediaman Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Semasa Pkp Pandemik Covid-19: Pengalaman Awal Pandemik Covid-19. Full-Proceedings-Ishad-V2.Pdf (Uum.Edu.My).

Ismail, N. S., Binti Mahmood, N. B. I., Bin Saiful, H., Binti Azman, S. U., Min, Y. J., Binti Mahamod, R. I., & Binti Fadzli, N. F. (2021). Kesianaan Pusat Penginapan Dan Pelajar Dalam Mengendalikan Krisis Di Inapan Siswa Sebagai Pusat Kuarantin. In International Seminar on Student Housing And Development (Ishad 2021) (P. 31).

Lampiran 1

Jadual 5 : Item Kajian

KOD ITEM	ITEM KAJIAN
	Tahap pemahaman tentang COVID-19
P1	Apakah itu COVID-19
P2	Bagaimana COVID-19 merebak
P3	Apakah langkah-langkah pencegahan COVID-19
P4	Apakah kriteria disyaki menghidap COVID-19
P5	Siapakah golongan berisiko tinggi
P6	Apakah rawatan penyakit COVID-19
P7	Apakah tindakan selanjutnya sekiranya keputusan ujian COVID-19 disahkan positif
P8	Bagaimana pengesanan kontak dilakukan
P9	Apakah yang dimaksudkan dengan kontak rapat
P10	Mengapa kuarantin perlu dilakukan sekiranya kontak rapat
P11	Berapa tempoh hari kuarantin sekiranya kontak rapat dan positif COVID-19
	Adaptasi persekitaran
L1	Saya sentiasa memakai pelitup muka apabila berada di kawasan umum
L2	Saya sentiasa mengamalkan 3W (Wear a mask, Wash your hands, Watch your distance)
L3	Saya segera mendapatkan rawatan apabila didapati bergejala
L4	Saya melakukan ujian sendiri apabila didapati bergejala
L5	Saya mampu untuk membeli sendiri kit ujian COVID-19
L6	Saya yakin vaksin dan booster dapat melindungi saya daripada dijangkiti COVID-19
L7	Saya mengambil makanan tambahan untuk melindungi diri
L8	Saya sentiasa menscan di aplikasi MySejahtera apabila masuk bangunan Kolej Komuniti Teluk Intan
L9	Saya sentiasa menscan di aplikasi MySejahtera apabila masuk ke mana-mana premis
L10	Saya sentiasa menscan di aplikasi MySejahtera apabila masuk bangunan kolej
	Saya scan suhu setiap kali masuk ke premis
L11	Saya pernah menggunakan perkhidmatan talian sokongan psikososial COVID-19 (Perkhidmatan ini dikendalikan oleh petugas psikologi KKM dan sukarelawan MERCY)
	Kuarantin sebagai kontak rapat
B1	Saya terus membuat ujian sendiri apabila dimaklumkan saya adalah kontak rapat
B2	Saya tidak keluar ke mana-mana sepanjang tempoh kuarantin
B3	Saya menjalani kuarantin dalam tempoh yang ditetapkan
B4	Saya membataskan pergaulan sesama ahli keluarga/rakan-rakan
B5	Saya gagal memberi tumpuan apabila kelas tetap juga diadakan secara online

B6	Saya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan sepanjang tempoh kuarantin
B7	Saya sentiasa memaklumkan keadaan diri saya kepada pensyarah kelas
B8	Saya sentiasa memaklumkan keadaan diri saya kepada ahli keluarga
B9	Saya berasa tertekan kerana apabila berlaku kehilangan dalam kalangan keluarga terdekat semasa tempoh kuarantin, merumitkan untuk menziarah atau berkabung

KEBERKESANAN 1STOP CENTRE KKSA DALAM PENGURUSAN DAN KAWALAN DOKUMEN KERJA DIKALANGAN KAKITANGAN KOLEJ KOMUNITI SHAH ALAM

Mazrul Hisyam Bin Ab Malik¹Fairuz Binti Ahmad Fadillah²

^{1 2}Kolej Komuniti Shah Alam, Selangor

ABSTRAK

Keberkesanan capaian maklumat pengurusan merujuk kepada sejauh mana organisasi dapat mengakses, menggunakan, dan memanfaatkan maklumat untuk mencapai objektif pengurusan mereka. Keberkesanan ini dapat diukur melalui beberapa faktor, termasuk efisiensi, produktiviti, kepuasan pelanggan, dan pencapaian matlamat organisasi. sekumpulan pegawai seramai tiga (3) orang yang terdiri daripada Pengarah KKSA, Timbalan Pengarah & Pegawai Pengambilan Pelajar telah membuat satu inisiatif inovasi dalam pengurusan dan pentadbiran, mengkhususkan pengurusan dan kawalan dokumentasi, dengan membina satu laman sesawang atau portal dalaman menggunakan landasan Google Site, diberi nama 1Stop Centre KKSA. Portal ini merupakan satu landasan dimana semua pegawai dapat berkongsi maklumat dan dokumen untuk rujukan semua pegawai KKSA melalui atas talian di mana sahaja mereka berada. Kawalan keselamatan capaian sistem 1Stop Centre KKSA ini hanya menggunakan email rasmi pegawai. Inovasi dengan Google Sites bermaksud mengambil kelebihan sepenuhnya dari ciri dan alat yang disediakan untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang lebih efektif dan menarik. Google Sites adalah platform pembinaan laman web yang disediakan oleh Google, yang membolehkan pengguna dengan mudah membuat laman web tanpa memerlukan pengetahuan teknikal yang mendalam. Kita boleh menggunakan Google Sites untuk membina capaian maklumat dalam pelbagai konteks, termasuk untuk kegunaan perniagaan, pendidikan, atau projek khas. Inovasi menggunakan Google Sites melibatkan pemanfaatan pelbagai ciri dan fungsi yang disediakan oleh platform tersebut untuk mencapai matlamat tertentu. Inovasi 1Stop Centre KKSA ini adalah sangat efektif dalam membantu pegawai dalam melaksanakan tugas. Keseluruhan staff berpendapat sangat setuju bahawa Google Site 1Stop Centre KKSA ini melancarkan dan memudahkan mereka bagi capaian serta pengurusan dokumentasi dan kawalan dokumen pengurusan, pentadbiran, kewangan, perolehan dan akademik. Semua pegawai sangat bersetuju 1Stop Centre KKSA ini memudahkan capaian maklumat dan dokumentasi berkaitan tugas-tugas dan memberi kesan yang efisien dalam pengurusan kerja harian.

Kata kunci: *Pengurusan, Pentadbiran, Kawalan Dokumen, Google Sites*

1.0 PENDAHULUAN

Kolej Komuniti Shah Alam (KKSA) merupakan kolej komuniti kluster 3 yang menawarkan satu program pengajian iaitu Sijil Rekabentuk Dalam (SRD) sejak tahun 2010. KKSA diperkuatkan dengan 14 orang pegawai pentadbiran dan pengurusan serta 10 orang pensyarah. Keberkesanan capaian maklumat pengurusan merujuk kepada sejauh mana organisasi dapat mengakses, menggunakan, dan memanfaatkan maklumat untuk mencapai objektif pengurusan mereka. Keberkesanan ini dapat diukur melalui beberapa faktor, termasuk efisiensi, produktiviti, kepuasan pelanggan, dan pencapaian matlamat organisasi. Berikut adalah beberapa aspek yang mempengaruhi keberkesanan capaian maklumat pengurusan:

Jadual 1.0: Aspek Yang Mempengaruhi Keberkesanan Capaian Maklumat Pengurusan

Kebolehpercayaan Maklumat	Maklumat yang diperoleh perlu boleh dipercayai. Sistem yang menyediakan maklumat yang tepat pada masa yang betul akan meningkatkan keberkesanan pengurusan.
Kecepatan Capaian	Keberkesanan capaian maklumat turut bergantung pada kecepatan dalam mendapatkan maklumat. Sistem yang membolehkan capaian cepat dapat membantu pengurusan membuat keputusan yang lebih cepat.
Integrasi Sistem	Sistem pengurusan maklumat yang berfungsi dengan baik harus dapat mengintegrasikan maklumat dari pelbagai sumber dan sistem. Integrasi yang baik dapat meningkatkan keseluruhan keberkesanan capaian maklumat.
Analisis Maklumat	Keberkesanan capaian maklumat juga bergantung pada keupayaan untuk menganalisis maklumat. Sistem analitik yang cekap dapat membantu organisasi mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang data mereka.
Keselamatan dan Privasi Maklumat	Keselamatan dan privasi maklumat adalah faktor penting dalam menentukan keberkesanan capaian maklumat. Sistem yang menyediakan lapisan keselamatan yang kukuh dan menjaga privasi maklumat akan meningkatkan kepercayaan dalam penggunaan maklumat.
Keselarasan dengan Matlamat Organisasi	Capaian maklumat harus selaras dengan matlamat dan strategi organisasi. Sistem pengurusan maklumat yang berfokus pada keperluan organisasi dapat meningkatkan keberkesanan penggunaan maklumat.

Google Sites adalah platform pembinaan laman web yang disediakan oleh Google, yang membolehkan pengguna dengan mudah membuat laman web tanpa memerlukan pengetahuan teknikal yang mendalam. Kita boleh menggunakan Google Sites untuk membina capaian maklumat dalam pelbagai konteks, termasuk untuk kegunaan perniagaan, pendidikan, atau projek khas. Inovasi menggunakan Google Sites melibatkan pemanfaatan pelbagai ciri dan fungsi yang disediakan oleh platform tersebut untuk mencapai matlamat tertentu. Berikut adalah beberapa cara untuk mengintegrasikan inovasi dalam penggunaan Google Sites:

Oleh itu, satu kajian keberkesanan penggunaan 1Stop Centre ini telah dilaksanakan kepada semua staff KKSA. Kaji selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas semua kakitangan KKSA terhadap keberkesanan 1Stop Centre KKSA bagi capaian serta pengurusan dokumentasi dan kawalan dokumen pengurusan, pentadbiran, kewangan, perolehan dan akademik.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Keberkesanan capaian maklumat pengurusan adalah hasil daripada pelbagai faktor yang berkaitan dengan penyediaan, kualiti, dan penggunaan maklumat dalam konteks organisasi. Sistem pengurusan maklumat yang baik dapat membantu meningkatkan keberkesanan operasi dan pengambilan keputusan organisasi. KKSA tidak mempunyai satu mobiliti capaian maklumat, hanya menggunakan folder atau simpanan dalaman secara sistem intranet. Keadaan ini menyukarkan para pegawai untuk mendapatkan maklumat dengan pantas dan efisien apabila berada di luar jabatan ataupun ketika bertugas luar.

Setiap organisasi perlu melaksanakan program pengurusan rekod dan fail yang seragam. Di Malaysia, standard pengurusan rekod dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia. Semua agensi kerajaan perlu patuh kepada kaedah dan tatacara yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia berdasarkan Akta Arkib Negara Malaysia 2003. Agensi-agensi kerajaan juga perlu menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 Panduan Pengurusan Pejabat yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (Malaysia, 2012).

Fail-fail yang mengandungi rekod perlu diuruskan secara sistematik dan teratur selaras dengan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa bagi memastikan rekod rasmi organisasi adalah terpelihara dan boleh diakses dengan pantas apabila diperlukan oleh pegawai yang ditetapkan. Sebaliknya, pengurusan fail yang tidak efisien boleh mengganggu perjalanan tugas seharian selain memberi impak yang kurang baik kepada sesebuah organisasi.

3.0 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah Peranan 1STOP Centre KKSA?
2. Sejauhmanakah tahap keberkesanan 1Stop Centre KKSA dalam memudahkan kerja dan capaian kerja bagi mendapatkan maklumat dan dokumen yang diperlukan?
3. Apakah cabaran penggunaan 1STOP Centre KKSA?
- 4.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

1. Menghuraikan peranan 1STOP Centre KKSA.
2. Menilai tahap keberkesanan 1Stop Centre KKSA dalam memudahkan kerja dan capaian kerja bagi mendapatkan maklumat dan dokumen yang diperlukan.
3. Menghuraikan cabaran penggunaan 1STOP Centre KKSA.

5.0 LITERASI KAJIAN

5.1 Pengurusan Rekod & Fail

Walaupun pengurusan rekod dan maklumat merupakan komponen penting dalam meningkatkan prestasi, akauntabiliti dan ketelusan organisasi, penemuan kajian yang dijalankan ke atas majoriti organisasi awam di Malaysia mendedahkan tahap pengurusan rekod, dokumen dan maklumat yang rendah (Mutula & Wamukoya, 2007). Oleh yang demikian, pelaksanaan pengurusan rekod mesti berlandaskan dasar yang kukuh, telus dan menyeluruh.

Program piawai untuk mengurus fail dan rekod mesti dilaksanakan oleh setiap syarikat. Arkib Negara Malaysia ialah badan yang mengeluarkan piawaian pengurusan rekod di Malaysia. Akta Arkib Negara Malaysia 2003 mewajibkan semua entiti kerajaan mematuhi dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia. Panduan Pengurusan Pejabat Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan 5 Tahun 2007 juga perlu digunakan oleh entiti kerajaan.

Untuk menjamin bahawa rekod rasmi organisasi diselenggarakan dan kakitangan yang diberi kuasa boleh mengaksesnya dengan segera apabila diminta, fail yang mengandungi rekod mesti diuruskan secara berkaedah dan teratur mengikut undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini. Sebaliknya, pengurusan fail yang tidak berkesan bukan sahaja memberi kesan negatif kepada sesebuah organisasi tetapi juga menghalang tugas harian.

Kitaran hayat rekod berfungsi sebagai asas untuk aplikasi pengurusan rekod, menurut ARMA International. Organisasi akan membuat atau menerima rekod semasa fasa pertama. Selepas itu, rekod akan diedarkan kepada pegawai yang bertanggungjawab, menandakan permulaan fasa kedua. Rekod tersebut akan digunakan dalam fasa ketiga untuk membantu dalam membuat keputusan dan pengambilan tindakan yang penting. Salah satu fasa yang paling penting ialah yang keempat, penyelenggaraan rekod. Pengurusan rekod sepanjang fasa ini mesti mengambil kira penyimpanan, akses, keselamatan, pemeliharaan dan pemeliharaan rekod. Fasa pelupusan adalah peringkat akhir. Rekod akan dinilai pada ketika ini sama ada untuk kemusnahan atau penyimpanan jangka panjang.

5.2 Dasar Pengurusan Rekod Kerajaan

Kerajaan amat menitikberatkan pengurusan rekod kerajaan atau rekod awam yang cekap dan berkesan. Setiap maklumat dan rekod diurus dengan baik untuk menjamin integriti dan kebolehpercayaannya. Arkib Negara Malaysia (ANM) ialah sebuah agensi kerajaan yang dilantik untuk bertanggungjawab dalam perancangan dan pelaksanaan program pengurusan rekod awam. ANM melalui Pindaan Akta Arkib Negara Malaysia 2003 dan Akta Rahsia Rasmi 1972 telah merangka piawaian, dasar dan peraturan yang berkaitan dalam melaksanakan pengurusan rekod di jabatan kerajaan.

Asas dan panduan untuk membolehkan pengurusan rekod yang berkesan dan cekap dalam sektor awam disediakan melalui pewujudan dasar, piawaian, dasar dan dokumen peraturan seperti Arahan Pentadbiran Pengurusan Rekod Bil. 1/2018, Dasar Pengurusan Rekod Kerajaan, Pengurusan Fail Panduan, Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 1997 (Peraturan Pemeliharaan Rekod Kerajaan), dan sebagainya.

Secara ringkasnya, kerajaan amat menitikberatkan kepada keberkesanan dan kecekapan dalam pengurusan rekod berikutan rekod merupakan bukti kepada setiap keputusan dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan.

5.3 Pengurusan Rekod Elektronik

Oleh kerana format konvensional dan elektronik berbeza, pengurusan rekod elektronik mengikut metodologi yang agak berbeza sambil mengekalkan kitaran rekod yang sama. Dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), rekod elektronik menjadi satu trend. Komputer dan telefon pintar ialah contoh peranti elektronik yang digunakan untuk mencipta, menyimpan, mengakses dan berkongsi rekod. Membina sistem pengurusan rekod elektronik yang cekap adalah salah satu cara untuk meningkatkan pengurusan organisasi (Yusof & Chell, 2002).

Sektor kerajaan akan menerima banyak impak daripada penggunaan rekod elektronik, terutamanya dari segi penyampaian perkhidmatan masyarakat. Ia boleh mengurangkan masa untuk menyediakan maklumat kepada pengguna dan pihak berkepentingan jika dokumen dan rekod mudah diakses.


Dalam hal ini, kerajaan Malaysia telah menguruskan rekod kerajaan dengan cara yang sangat kreatif. Salah satu projek yang akan menghasilkan daya saing dalam menghadapi Industri 4.0 ialah penggunaan Electronic Government, atau e-Government. Kejayaan penerimaan kerajaan elektronik akan disokong kuat oleh pengurusan rekod elektronik yang cekap. Pengurusan rekod elektronik perlu dilaksanakan bagi semua agensi dalam Kerajaan Negeri dan setiap kementerian. Untuk dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara perindustrian lain dalam konteks keberkesanan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan, setiap agensi kerajaan perlu memanfaatkan setiap ruang dan peluang yang ada.

Semasa menjalankan tugas biasa dan menerima cabaran baharu, penjawat awam harus fleksibel dan bersedia menggunakan ICT. Menurut Asma' Mokhtar & Mohammad Yusof (2009), semua penjawat awam perlu mendapat latihan menyeluruh tentang cara mengendalikan dan mengurus rekod elektronik sebagai sebahagian daripada peralihan kepada paradigma baharu ini. Keberkesanan pengurusan rekod elektronik, yang memastikan penjimatan dari segi ruang, masa, tenaga, dan wang, sangat bergantung kepada latihan seperti ini.

6.0 KERANGKA KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan rangka kerja untuk menggambarkan hubungan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar. Berdasarkan Mcgaghie et al., (2001), rangka kerja penyelidikan menetapkan peringkat untuk perwakilan objektif yang mendorong penyiasatan dilaporkan berdasarkan pernyataan masalah. Pernyataan masalah kajian mengemukakan huraian tentang sesuatu isu yang menyebabkan pengkaji menjalankan kajian. Pengkaji juga menggunakan kerangka ini untuk mengintegrasikan literatur sedia ada dan objektif kajian. Model rangka kerja kajian ini ditunjukkan dalam rajah 2.

Rajah 2: Kerangka Kajian Faktor Yang Memepengaruhi Keberkesanan Laman Sesawang 1Stop Centre KKSA



7.0 METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menganggap menggunakan interpretivisme sebagai paradigma penyelidikan. Menurut Cresswell (2013), reka bentuk kajian ialah satu bentuk penyiasatan yang akan memberi perincian dan arahan bagi sesuatu teknik menggunakan metodologi kajian. Pengkaji menggunakan analisis data kuantitatif. Pengkaji memilih semua kakitangan KKSA untuk kajian ini bagi mengenal pasti keberkesanan Tapak 1Stop Centre KKSA mempengaruhi kecekapan mereka dalam melakukan tugas harian. Satu kajian telah diadakan kepada 24 staff KKSA.

Untuk kajian ini, satu instrumen penyelidikan 4 skala *Likert Google Form* telah dibangunkan. Instrumen telah diberikan kepada staff yang telah menggunakan 1Stop Centre KKSA sebagai rujukan kajian.

8.0 DAPATAN KAJIAN

Soalan Kaji Selidik Keberkesanan 1Stop Centre KKSA

Carta 8.0: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre mengandungi maklumat yang diperlukan.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 62.5% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini mengandungi maklumat yang diperlukan bagi melancarkan proses kerja dan tugas mereka di pejabat, manakala 33% menyatakan setuju. Ini kerana di dalam laman sesawang 1Stop Centre ini mempunyai 12 *folder* mengikut unit KKSA, maka, setiap staff dapat mengakses maklumat yang diperlukan dari setiap unit yang diperlukan.

Carta 8.1: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre mempunyai dokumen kewangan.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 62.5% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini mempunyai semua dokumen berkaitan pengurusan kewangan yang diperlukan bagi melancarkan proses kerja dan tugas mereka di pejabat, manakala 37.5% menyatakan setuju. Segala dokumen kewangan seperti borang permohonan kewangan, borang tuntutan perjalanan dan lain-lain dimuatnaik untuk capaian semua staff.

Carta 8.2: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre mengandungi dokumen pengurusan perolehan Kerajaan.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 62.5% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini mempunyai semua dokumen berkaitan pengurusan perolehan Kerajaan dan 37.5% menyatakan setuju. Semua dokumen berkaitan perolehan kerajaan dimuat naik dalam laman sesawang 1Stop Centre ini seperti borang pergerakan e-Perolehan, carta alir dan lain-lain dokumen berkaitan ePerolehan.

Carta 8.3: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre mempercepatkan menyediakan dokumentasi.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 65.2% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini dapat mempercepatkan mereka untuk menyediakan dokumentasi yang diperlukan dalam melaksanakan dan menyiapkan kerja, manakala 34.8% menyatakan setuju. 1Stop Centre KKSA ini menggunakan platform Google, maka, ianya boleh diakses Dimana sahaja, diluar waktu pejabat mahupun ketika bertugas luar. Oleh itu, setiap staff yang memerlukan dokumen atau maklumat dengan segera, dapat mendapatkan maklumat tersebut dengan mudah dan pantas.

Carta 8.4: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre memudahkan capaian maklumat yang diperlukan.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 66.7% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini memudahkan mereka untuk mencapai segala maklumat dan dokumen yang diperlukan dalam melaksanakan kerja, manakala 33.33% menyatakan setuju. 1Stop Centre KKSA ini menggunakan platform Google, maka, ianya boleh diakses Dimana sahaja, diluar waktu pejabat mahupun ketika bertugas luar. Oleh itu, setiap staff yang memerlukan dokumen atau maklumat dengan segera, dapat mendapatkan maklumat tersebut dengan mudah dan pantas.

Carta 8.5: Peratus pendapat terhadap KKSA 1Stop Centre membantu menjalankan tugas dan menyelesaikan tugas.



Berdasarkan carta diatas, sebanyak 70.8% responden sangat setuju bahawa Laman Sesawang 1Stop Centre ini membantu mereka dalam menjalankan tugas serta menyelesaikan kerja yang diperlukan, manakala 29.2% menyatakan setuju. 1Stop Centre KKSA ini menggunakan platform Google, maka, ianya boleh diakses Dimana sahaja, diluar waktu pejabat mahupun ketika bertugas luar. Oleh itu, setiap staff yang memerlukan dokumen atau maklumat dengan segera, dapat mendapatkan maklumat tersebut dengan mudah dan pantas.

9.0 PERBINCANGAN

Analisis pantas ini menunjukkan sejauh mana inovasi Pusat 1Stop KKSA menyokong polis dalam menjalankan tugas mereka. Apabila KKSA Pusat 1Stop Google Site diperkenalkan, 70.8% responden sangat bersetuju bahawa ia memudahkan mereka menyelenggara dan mengakses bahan pengurusan, pentadbiran, kewangan, pemerolehan dan akademik. Semua pegawai amat bersetuju bahawa Pusat 1Stop KKSA menambah baik pengurusan kerja harian dengan memudahkan akses maklumat dan dokumentasi mengenai tugas. Semua pegawai KKSA mendapat banyak manfaat daripadanya dari segi menjalankan tugas dan bertukar-tukar maklumat, secara ringkasnya.

RUJUKAN

- Asma'Mokhtar, U., & Mohammad Yusof, Z. (2009). Electronic records management in the Malaysian public sector: the existence of policy. *Records Management Journal*, 19(3), 231–244.
- Cresswell, J. (2013). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches*. Malaysia, A. N. (2012). *Dasar Pengurusan Rekod Kerajaan*. Arkib Negara Malaysia.
- Mcgaghie, W., Bordage, G., & Shea, J. (2001). Problem statement, conceptual framework, and research question. *Academic Medicine*, 76, 923–924.
- Mutula, S., & Wamukoya, J. (2007). *Web Information management: a cross-disciplinary textbook*. Elsevier.
- Yusof, Z. M., & Chell, R. W. (2002). Towards a theoretical construct for records management. *Records Management Journal*, 12(2), 55–64.

KESEDIAAN PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KOTA MELAKA MENCEBURI KERJAYA KEUSAHAWANAN

Rohaida Hani binti Sabarem¹, Nooraziana binti Anua²

^{1 2}Kolej Komuniti Kota Melaka

ABSTRAK

Program keusahawanan dilaksanakan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) adalah untuk menerapkan pendedahan tentang kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, mengenalpasti sejauh manakah tahap kefahaman pelajar terhadap keusahawanan dan sejauh mana minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya serta sejauh mana kemahiran pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti lompong kefahaman tentang keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang Terapi Kecantikan dan Spa (TK) dan Dandanan Rambut (DR) serta juga kepada Kolej Komuniti Kota Melaka (KKKM) untuk membolehkan pihak kolej merangka program atau aktiviti bagi mengisi kelompangan di atas sekaligus dapat membantu kolej dalam mencapai *Key Performance Index* (KPI) atau sasaran yang telah ditetapkan. Dengan menggunakan kajian tinjauan dengan 117 responden dari pelajar TK dan DR yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang telah dipilih. Maklumbalas dan data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26.0. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Hasil dapatan kajian secara keseluruhannya bagi skor min ketiga-tiga objektif iaitu kefahaman pelajar terhadap keusahawanan, minat pelajar menceburkan diri sebagai usahawan dan kemahiran pelajar menceburi bidang keusahawanan berada di tahap tinggi antara 3.68 - 4.21. Sungguhpun hasil dapatan adalah memuaskan, namun terdapat beberapa aspek berkaitan perlu ditingkatkan dan dimantapkan.

Kata kunci: *Keusahawanan, Kecantikan dan Spa, Kesianan Pelajar, Dandanan Rambut*

PENGENALAN

Program Keusahawanan dilaksanakan di kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) agar dapat diterapkan pendedahan nilai-nilai dan kemahiran keusahawanan yang merangkumi aspek kepimpinan, inovasi, kreativiti, berdaya tahan, berdaya saing, berdikari, berani mengambil risiko dan kebolehan untuk mengenal pasti dan membuka peluang yang sedia ada. Bagi memantapkan program ini, Dasar Pembangunan Keusahawanan Institusi Pengajian Tinggi telah dilancarkan pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik. Pelaksanaan inisiatif berpanduan dasar tersebut bertujuan melahirkan siswazah/lepusan IPT yang mempunyai nilai, pemikiran dan atribut keusahawanan; meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan siswazah/ lulusan IPT iaitu mereka yang benar-benar berkecimpung dalam bidang perniagaan sebagai pemangkin kepada pencapaian transformasi ekonomi negara daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan pada masa yang sama melahirkan ahli akademik yang mempunyai nilai, kemahiran, pemikiran dan atribut keusahawanan.

KPT telah mengeluarkan satu Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2021-2025 (Berita Harian, 2021) yang bermatlamatkan untuk mentransformasikan landskap keusahawanan di IPT daripada keusahawanan yang berasaskan keperluan kepada yang berasaskan peluang. Strategi dan inisiatif yang dirangka dalam pelan ini dapat membantu menggalakkan pelajar IPT menceburi bidang keusahawanan atau perniagaan selepas bergraduasi.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) melalui 10 Lonjakan yang digariskan meletakkan wawasan melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan serta seimbang di Lonjakan 1 menunjukkan betapa kementerian memberi perhatian yang serius dalam usaha mengubah paradigma graduan dari pencari kerja kepada penjana kerja (*job seeker to job creator*).

LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang membangun. Dalam proses pembangunan ini, negara memerlukan bilangan usahawan yang ramai dan berkualiti. Melalui bidang keusahawanan ia akan dapat meningkatkan taraf kehidupan sesebuah masyarakat dan pada masa yang sama dapat meningkatkan pembangunan negara.

Setiap tahun ramai siswazah yang keluar daripada institusi pengajian tinggi awam atau swasta. Tentulah bilangan yang begitu ramai akan mencari pekerjaan dan sudah tentu bukan semua akan mendapat pekerjaan. Ini kerana kerja yang ada dengan bilangan yang mencari tidak sama banyak. Kepada mereka yang bertegas ingin makan gaji walau susah mana sekalipun, mungkin terpaksa menganggur untuk beberapa tahun.

Masih terdapat segelintir individu yang tidak menceburi bidang keusahawanan ini kerana pada pandangan mereka bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah sepertimana bekerja makan gaji dalam sektor awam mahupun swasta. Selain itu, persepsi negatif terhadap kerjaya keusahawanan di kalangan mahasiswa dalam memulakan perniagaan sendiri masih tidak relevan (Obschonka & Stuetzer, 2017). Ini berlaku kerana kurangnya pendedahan dan kefahaman terhadap ilmu berkaitan keusahawanan dalam diri pelajar. Namun begitu, menurut Barjayai (2000), kurangnya penglibatan belia dalam bidang keusahawanan ini adalah kerana kurangnya penghayatan tentang konsep dan falsafah keusahawanan dalam diri individu itu sendiri. Kini terdapat banyak institusi-institusi pendidikan tinggi yang sedar akan kepentingan penerapan kemahiran keusahawanan diperingkat pengajian tinggi, maka pelbagai cara dan kaedah dilakukan untuk menerapkan ilmu ini bagi menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang kurang pemahaman tentang konsep keusahawanan yang menyebabkan penglibatan mereka dalam bidang ini masih kurangnya penglibatan usahawan dalam bidang keusahawanan ini.

Dengan ini satu kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti tahap kemahiran pelajar IPTA untuk menceburkan diri dalam kerjaya usahawan. Data daripada kajian tinjauan ke atas pelajar sarjana muda di empat buah IPTA di Malaysia telah dikumpulkan menggunakan Soal selidik Kesyediaan Keusahawanan Pelajar IPT. Kemahiran pelajar dilihat daripada aspek pilihan kerjaya sebagai usahawan dan alasan untuk menceburi bidang keusahawanan atau sebaliknya. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 46.7 peratus pelajar berkeinginan untuk menjadi usahawan atas pelbagai alasan seperti minat, inginkan ganjaran serta pelbagai alasan lain. Dapatan tinjauan menunjukkan pelajar IPTA mempunyai tahap kesiediaan sikap yang sederhana tinggi secara keseluruhannya. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar IPTA mempunyai keinginan dan kemahiran sikap untuk menjadi usahawan. (Hashim, Norashidah and Buang, Nor Aishah and Othman, Norasmah (2008).

Berlandaskan kepada beberapa masalah yang telah dikenal pasti tersebut, kajian dibuat untuk meninjau sejauh mana minat, kefahaman dan kemahiran boleh mendorong pelajar-pelajar di Kolej Komuniti Kota Melaka untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan ataupun menjadi seorang usahawan kelak.

PERNYATAAN MASALAH

Secara umumnya, kursus Keusahawanan telah diperkenalkan dalam setiap silibus pelajar kolej komuniti di Malaysia. Bagi memastikan objektif utama penawaran kursus ini iaitu menyediakan dan melengkapkan pelajar dengan ilmu dan kemahiran dalam keusahawanan, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah bekerjasama erat dengan *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dalam merancang kandungan silibus pengajaran, pemberian latihan kepada tenaga pengajar serta kursus-kursus pendedahan kepada pelajar. Melalui penawaran kursus ini kepada pelajar-pelajar Dandan dan Rambut dan Terapi Kecantikan dan Spa, ingin dilihat adakah pelajar bersedia untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti sejauhmana tahap kefahaman pelajar bidang dandan rambut dan terapi kecantikan dan spa terhadap keusahawanan dan seterusnya mengenalpasti faktor – faktor yang mempengaruhi minat serta tahap kemahiran pelajar menceburi bidang keusahawanan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif dalam kajian ini adalah:

1. Untuk mengenalpasti tahap kefahaman pelajar terhadap keusahawanan.
2. Untuk mengenalpasti minat pelajar menceburi diri sebagai usahawan.
3. Untuk mengenalpasti kemahiran pelajar menceburi bidang keusahawanan.

1. Skop Kajian

Tumpuan kajian ini untuk mengkaji tahap kesediaan pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan dari aspek kefahaman, minat dan kesediaan pelajar. Kajian ini adalah dikhususkan kepada pelajar dandanan rambut dan terapi kecantikan dan spa untuk mendapatkan respon daripada mereka tentang keusahawanan. Responden kajian ini terdiri dari 117 pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka yang aktif.

2. Kepentingan Kajian

2.1 Kepentingan Kepada Pelajar

Melalui kajian ini, diharapkan akan dapat memberikan motivasi kepada pelajar disamping mereka dapat menilai potensi diri sendiri sebelum melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

2.2 Kepentingan Kolej Komuniti Kota Melaka

Diharapkan melalui kajian yang dijalankan dapat membantu pihak Kolej Komuniti Kota Melaka meneliti dan memperkemaskan lagi program-program keusahawanan yang dianjurkan bagi mengukuhkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Lebih penting lagi kajian yang dijalankan akan dapat digunakan oleh Kolej Komuniti Kota Melaka dalam mengenalpasti potensi pelajar dalam bidang keusahawanan. Seterusnya mempelbagaikan kaedah dan pendekatan untuk memupuk pelajar mendekatkan diri dalam bidang ini.

LITERATUR KAJIAN

Huraian dibuat merujuk kepada tiga perkara iaitu tahap kefahaman pelajar, minat dan kemahiran pelajar menceburi bidang keusahawanan digital. Selain itu, merujuk dari pelbagai fakta yang menyokong dalam kajian ini. Penyelidik juga turut menyertakan dan menerangkan teori yang mempunyai kaitan dengan kajian yang dijalankan.

1. Kefahaman

Bermula daripada kajian (Ab. Aziz Yusof, 2009) usahawan boleh mendapatkan kemahiran-kemahiran baru daripada pembelajaran atau pendidikan yang diikuti. Ini menjelaskan bahawa tahap pembelajaran dan pendidikan mempengaruhi peringkat pembangunan keusahawanan. Oleh yang demikian, ilmu keusahawanan perlu dipelajari oleh semua pelajar walaupun mereka belajar di dalam bidang yang berlainan seperti bidang kejuruteraan, undang-undang dan sebagainya. Pengetahuan dan kemahiran dalam keusahawanan boleh dipelajari untuk menjadi lebih kreatif dan produktif dan dalam pada masa yang sama dapat menghasilkan individu yang sanggup menghadapi cabaran, berani menanggung risiko, pandai mengambil peluang yang sedia ada dan inovatif

Menurut Salwani dan Safarin, (2013) mencadangkan kurikulum pendidikan keusahawanan yang digubal haruslah lebih menekankan aspek pembangunan nilai dalaman manusia jika dibandingkan dengan aspek teknikal pengurusan yang sewajarnya merupakan sebahagian kecil sahaja tetapi penting bagi menimbulkan unsur cabaran. Pembangunan nilai dalaman manusia juga bererti membangunkan diri pelajar dari segi mental, emosi, dan sahsiah supaya minat dan motivasi pelajar terhadap kerjaya usahawan ini dapat dipertingkatkan secara berkesan dalam sanubari mereka.

2. Minat

Penerapan ilmu keusahawanan perlu dilakukan sejak peringkat sekolah rendah bagi mencungkil bakat dan mengasah minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan (Berita Harian Online, 16 Mac 2022). Ini bermaksud pembentukan usahawan perlu bermula sejak di bangku sekolah lagi. Pada peringkat ini, pelajar perlu didedahkan dengan ilmu keusahawanan supaya timbul minat untuk

menceburi bidang keusahawanan. Kejayaan selalunya mengiringi usahawan yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi melalui dapatan kajian telah membuktikan bahawa tahap pendidikan dalam bidang perniagaan mempunyai kaitan yang positif dengan tahap kejayaan seseorang usahawan (Zaidatol Akmaliah dan Habibah Elias, 1997).

Menurut Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), perkara utama yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan itu adalah bergantung kepada kemampuan dan kesungguhan dalam mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Minat juga dikatakan sebagai satu kecenderungan bagi seseorang untuk mengetahui, mempelajari sesuatu perkara yang menjurus mereka kepada pilihan yang diinginkan.

3. Kemahiran

Pendidikan formal membantu menyediakan seseorang ke arah menjadi usahawan berjaya kerana melalui pendidikan para usahawan dapat memahami peluang perniagaan yang boleh diterokai (Zaidatol Akmaliah dan Habibah Elias, 1997). Namun masih banyak peluang yang belum diterokai dan negara memerlukan usahawan yang boleh bergerak maju dan berdaya saing di masa hadapan bagi menjana pertumbuhan ekonomi yang stabil dan kukuh.

Kemahiran sebelum menceburi keusahawanan adalah berani untuk mengambil risiko. Cunnighom dan Lischeron (1991) menyatakan bahawa mengambil risiko adalah antara kemahiran utama yang perlu ada dalam diri seorang usahawan. Kemahiran ini amat diperlukan dalam diri seorang usahawan kerana seorang usahawan perlu mencuba sesuatu yang baru dan belum pernah dilakukan oleh orang lain dan perkara baru tersebut mempunyai risiko diterima dan tidak diterima oleh masyarakat. Kepercayaan kepada diri sendiri amat penting agar tidak ragu-ragu untuk membuat keputusan. Menurut Wan Liz Othman (2000), kelemahan usahawan adalah disebabkan oleh sikap negatif, perniagaan “Ali Baba dan Atas Angin”, rendah kemahiran dalam perniagaan, kurangnya maklumat perniagaan, lemah pengurusan syarikat, masalah kewangan dan pembiayaan dan lemah budaya niaga. Namun begitu kadar kegagalan boleh dikurangkan melalui motivasi usahawan yang tinggi.

KAEDAH METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini termasuk pengumpulan data. Di antara kaedah yang dijalankan adalah seperti mengenalpasti sampel, kawasan kajian dan responden dalam membuat kajian tersebut.

1. Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat untuk mendapatkan maklumat. Menurut Dr. Kamarul (2015), kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan mentadbir tinjauan atau soal selidik kepada sampel atau keseluruhan populasi bagi memperihalkan sikap, pandangan, perlakuan atau ciri-ciri populasi.

2. Kaedah Pengumpulan Data

Data didapati daripada hasil soal selidik yang diedarkan kepada responden untuk dijawab. Soal selidik yang telah dijawab oleh responden akan dikumpulkan di *Google Drive* sebelum di analisis. Proses untuk mendapatkan data ini melibatkan penentuan apakah masalah penyelidikan yang ingin dikaji, diikuti pula dengan pembentukan soalan kajian supaya penyelidik mudah mengetahui apa sebenarnya yang hendak dikaji. Kemudian, diikuti pula dengan pembentukan reka bentuk penyelidikan, pemungutan data, penyediaan data dan analisis.

3. Populasi dan Sampel

Populasi kajian adalah sebanyak 134 orang terdiri daripada pelajar Dandanan Rambut dan Terapi Kecantikan dan Spa. Sampel yang dipilih daripada populasi kajian adalah seramai 117 orang. Kajian dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti kesediaan pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawanan melalui kaedah soal selidik. Dalam kajian ini, responden kajian adalah terdiri daripada pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka yang mengambil kursus keusahawanan.

4. Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan kajian ini, terdapat dua kaedah pengumpulan data dan maklumat telah dilakukan iaitu menerusi langkah-langkah kuantitatif. Matlamat kajian kuantitatif adalah untuk mendapatkan secara langsung maklumbalas dan maklumat-maklumat yang diperlukan dari responden yang terlibat dalam menilai kesediaan pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu Bahagian I dan Bahagian II. Bahagian I mengandungi soalan-soalan yang menjurus kepada latar belakang responden iaitu jantina, jabatan dan bangsa. Bahagian II mengandungi 24 soalan dan dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu 8 soalan tentang kefahaman, 8 soalan berkaitan dengan minat dan 8 soalan lagi berkaitan dengan kemahiran. Di bahagian II ini, responden akan menjawab dengan menggunakan kala likert 5 mata (rujuk Jadual 1).

Jadual 1: Markat, Skala Likert dan Pernyataan

Markat	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Sangat Setuju

5. Penilaian Alat Kajian

Soal selidik yang dibentuk telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya bagi memastikan soalan yang diberikan benar-benar dapat menguji pembolehubah yang dikaji. Kebolehpercayaan soal selidik telah dianalisis mengikut jenis kompetensi. Kompetensi yang dikaji adalah menilai kesediaan pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan merangkumi tiga persoalan kajian.

Mengikut Hair (2003), tahap penerimaan kebolehpercayaan sesuatu instrumen kajian menunjukkan responden telah menjawab soalan atau pernyataan dalam keadaan konsisten. Beliau telah memberi garis panduan mengenai nilai Cronbach Alpha yang menerangkan kekuatan hubungan seperti di dalam jadual 2.

Jadual 2 Pekali Saiz Alpha Cronbach

Alpha Coefficient Range	Kekuatan Hubungan
<0.6	Lemah
0.6 < 0.7	Sederhana
0.7 < 0.8	Baik
0.8 < 0.9	Sangat Baik
0.9	Terbaik

Satu ujian rintis telah dijalankan terhadap borang soal selidik yang telah dibina sebelum kajian sebenar dibuat. Ujian rintis dijalankan ke atas 20 orang sampel untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan item kajian. Data ini kemudiannya akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for The Social Science for Microsoft Windows Release 26* (SPSS). Hasil analisis kebolehpercayaan yang diperolehi daripada kajian rintis adalah 0.919 yang menunjukkan kebolehpercayaan item soalan adalah dalam keadaan terbaik.

6. Tatacara Penganalisan Data

Borang soal selidik yang telah diterima dan dijawab dengan lengkap akan diproses dengan menggunakan perisian SPSS version 26.0 (*Statistical Package for Social Sciences for Microsoft Release 26*).

Selain itu, bagi analisis tahap pengukuran, skor min diukur berdasarkan Jadual 3 pengukuran skor min dan interpretasi oleh Pallant (2007). Jadual pengukuran tahap skor min oleh Pallant (2007) ini adalah berdasarkan kepada tiga tahap iaitu nilai skor min 1.00 hingga 2.33 adalah pada tahap rendah, nilai skor min 2.34 hingga 3.66 adalah pada tahap sederhana, dan nilai skor min 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi. Menurut Pallant (2007), skor min tiga tahap ini adalah lebih sesuai dan lebih mudah untuk melihat perbezaan tahap.

Jadual 3: Skor min dan interpretasinya

Skor min	Interpretasi (tahap)
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana
3.67 - 5.00	Tinggi

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

1. Latar Belakang Responden dan Pelajar

Bahagian ini melaporkan analisis latar belakang responden yang terdiri daripada pelajar bidang Dandan Rambut dan pelajar Sijil Terapi Kecantikan dan Spa. Kaedah peratusan digunakan untuk menganalisis item soalan. Analisis data latarbelakang kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 hingga 5.

Jadual 4.: Taburan Responden Berdasarkan Program

Program	Kekerapan	Peratus
Sijil Terapi Kecantikan dan Spa	47	40.2 %
Sijil Dandan Rambut	42	35.9 %
Diploma Dandan Rambut	28	23.9 %

Jadual 4 menunjukkan kategori program responden, iaitu sebanyak 40.2 peratus adalah dari Sijil Terapi Kecantikan dan Spa, 35.9 peratus adalah dari Sijil Dandan Rambut dan 23.9 peratus dari Diploma Dandan Rambut.

2. Analisis Dapatan Kajian Bahagian II

Dalam Bahagian II, sebanyak 24 item soalan telah dikemukakan kepada responden untuk menjawab mengikut arahan. Sebanyak 8 soalan telah diberikan bagi setiap kategori iaitu kefahaman, minat dan kemahiran. Responden telah diminta untuk menjawab item dalam soal selidik yang menggunakan 5 skala likert (Rujuk Jadual 5)

Jadual 5: Markat, Skala Likert dan Pernyataan

Markat	1	2	3	4	5
Skala Pernyataan	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana	Setuju	Sangat Setuju

2.1 Analisis Pembolehubah Kefahaman

Jadual 6: Analisis Min Bagi Pembolehubah Kefahaman

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAHAP
		STS	TS	SD	ST	SS		
	Aktiviti-aktiviti berikut meningkatkan kefahaman saya tentang keusahawanan:							
1	Pembelajaran kursus keusahawanan.	2 1.7%	4 3.4%	26 22.2%	52 44.4%	33 28.2%	3.94	Tinggi
2	Seminar keusahawanan anjuran kolej komuniti.	1 0.9%	4 3.4%	20 17.1%	60 51.3%	32 27.4%	4.00	Tinggi
3	Seminar keusahawana anjuran organisasi luar.	0 0%	6 5.1%	17 14.5%	60 51.3%	34 29.1%	4.04	Tinggi
4	Perkongsian ilmu bersama usahawan berjaya.	0 0%	4 3.4%	20 17.1%	55 47.0%	38 32.5%	4.09	Tinggi
5	Ekspo atau pameran keusahawanan.	0 0%	2 1.7%	18 15.4%	56 47.9%	41 35.0%	4.16	Tinggi
6	Pembelajaran sendiri.	1 0.9%	3 2.6%	24 20.5%	55 47.0%	34 29.1%	4.01	Tinggi
7	Perkongsian usahawan internet di laman sesawang.	0 0%	5 4.3%	20 17.1%	52 44.4%	40 34.2%	4.09	Tinggi

8	Pengaruh rakan sebaya yang menjadi usahawan.	0 0%	4 3.4%	20 17.1%	57 48.7%	36 30.8%	4.07	Tinggi
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan		0.44%	3.41%	17.63%	47.75%	30.79%	4.05	Tinggi

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, SD = Sederhana, ST = Setuju, SS = Sangat Setuju

Bahagian ini mempunyai 8 soalan, hasil dari analisis data yang dijalankan menunjukkan sebanyak 44.4% setuju bahawa pembelajaran kursus keusahawanan dapat meningkatkan kefahaman tentang keusahawanan. Manakala 1.7 % sangat tidak setuju dan 3.4 % tidak setuju dengan item soalan yang pertama ini. Skor min bagi pembelajaran kursus keusahawanan ialah **3.94**. Bagi item soalan kedua pula iaitu seminar keusahawanan anjuran kolej komuniti hanya 0.9% sahaja sangat tidak setuju. Manakala 3.4% tidak bersetuju, 17.1% sederhana, 51.3% setuju dan 27.4% sangat setuju. Skor min bagi seminar keusahawanan anjuran kolej komuniti ialah **4.00**. Penyataan bagi item ketiga iaitu seminar keusahawanan anjuran organisasi luar mendapat hasil analisis 5.1% tidak setuju, 14.5% sederhana, 51.3% setuju dan 29.1% sangat setuju. Skor min bagi seminar keusahawanan di anjurkan organisasi luar ialah **4.04**. Analisis data bagi penyataan item keempat menunjukkan 17.1% sederhana. Manakala, 47.0% setuju dan 32.5% sangat setuju dengan penyataan item keempat ini. Skor min bagi perkongsian ilmu bersama usahawan berjaya pula ialah **4.09**. Seterusnya bagi item soalan kelima pula para responden dapat mengklasifikasikan bahawa ekspo atau pameran keusahawanan, mencapai persetujuan dengan 47.9% setuju tetapi terdapat 1.7% yang tidak setuju. Skor min bagi item ekspo atau pameran keusahawanan ialah **4.16**. Penyataan bagi item keenam iaitu pembelajaran sendiri mendapat hasil analisis 47.0% setuju dengan penyataan ini. 2.6% tidak setuju dan 20.5% sederhana. Skor min bagi pembelajar sendiri pula ialah **4.01**. Bagi item ketujuh iaitu perkongsian usahawan internet di laman sesawang, 44.4% setuju dengan penyataan ini. 17.1% sederhana dan 4.3% merasakan tidak setuju. Skor min bagi perkongsian usahawan internet di laman sesawang ialah **4.09**. Seramai 48.7% responden setuju, manakala 30.8% sangat setuju dan 3.4% tidak setuju dengan item soalan yang kelapan iaitu pengaruh rakan sebaya yang menjadi usahawan digital dengan skor min **4.07**. Dari dapatan yang diperolehi bagi kesemua item soalan bahagian ini, tahap kefahaman pelajar tentang keusahawanan digital berada pada tahap tinggi dengan purata skor min sebanyak **4.05**.

2.2 Analisis Pembolehubah Minat

Jadual 7: Analisis Min Bagi Pembolehubah Minat

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAHAP
		STS	TS	SD	ST	SS		
	Saya berminat menceburi keusahawanan kerana :							
9	Potensi keuntungan yang tinggi.	1 0.9%	4 4.3%	12 10.3%	66 56.4%	34 29.1%	4.09	Tinggi
10	Jaringan perniagaan yang luas.	0 0%	3 2.6%	14 12.0%	55 47.0%	45 38.5%	4.21	Tinggi
11	Ia adalah trend terkini.	0 0%	3 2.6%	14 12.0%	56 47.9%	44 37.6%	4.20	Tinggi
12	Pasaran yang tidak terhad.	0 0%	4 4.3%	17 14.5%	56 47.9%	40 34.2%	4.13	Tinggi
13	Mahir dalam membangunkan platform perniagaan.	1 0.9%	5 4.3%	17 14.5%	55 47.0%	39 33.3%	4.08	Tinggi
14	Produk yang tidak terhad.	0 %	6 5.1%	15 12.8%	53 45.3%	43 36.8%	4.14	Tinggi
15	Masa kerja yang fleksibel.	1 0.9%	4 4.3%	23 19.7%	46 39.3%	43 36.8%	4.08	Tinggi
16	Boleh menentukan hala tuju sendiri.	1 0.9%	3 2.6%	18 15.4%	51 43.6%	44 37.6%	4.15	Tinggi
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan		0.45%	3.54%	13.9%	46.8%	35.49%	4.14	Tinggi

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, SD = Sederhana, ST = Setuju, SS = Sangat Setuju

Bahagian ini mempunyai 8 item soalan. Hasil dari analisis data yang dijalankan menunjukkan sebanyak 56.4% responden setuju bahawa menceburi keusahawanan dapat memberi potensi keuntungan yang tinggi. Manakala 4.3% merasakan ianya tidak setuju dan 0.9% sangat tidak setuju dengan item soalan yang pertama ini. Skor min bagi potensi keuntungan yang ini ialah **4.09**. Bagi item soalan kedua pula iaitu jaringan perniagaan yang luas, 47.0% responden setuju, 12.0% sederhana dan 2.6% tidak setuju. Skor min bagi jaringan perniagaan yang luas ialah **4.21**. Penyataan bagi item ketiga iaitu menceburi keusahawanan digital ia adalah trend terkini mendapat hasil analisis 47.9% setuju dengan pernyataan ini, 12.0% sederhana dan 2.6% tidak setuju. Skor min bagi item ia adalah trend terkini ialah **4.20**. Analisis data menunjukkan 47.0% setuju bahawa pasaran yang tidak terhad untuk menceburi keusahawanan digital, 4.3% merasakan tidak setuju dengan pernyataan item keempat ini. Skor min bagi pasaran yang tidak terhad pula ialah **4.13**. Bagi item soalan kelima pula, 47.0% para responden menunjukkan mahir dalam membangunkan platform perniagaan. 4.3% tidak setuju manakala 14.5% sederhana. Skor min bagi item mahir dalam membangunkan platform perniagaan ialah **4.08**. Penyataan bagi item keenam iaitu produk yang tidak terhad mendapat hasil analisis 45.3% setuju dengan pernyataan ini, 5.1% tidak setuju dan 12.8% sederhana. Skor min bagi produk yang tidak terhad pula ialah **4.14**. Bagi item ketujuh iaitu masa kerja yang fleksibel, 39.3% setuju dengan pernyataan ini, 19.7% sederhana dan 3.4% tidak setuju. Skor min bagi masa kerja yang fleksibel ialah **4.08**. Seramai 37.6% responden sangat setuju manakala 15.4% sederhana terhadap pernyataan item kelapan ini, iaitu menceburi keusahawanan boleh menentukan hala tuju sendiri dengan skor min **4.15**. Dari dapatan yang diperolehi bagi kesemua item soalan bahagian ini, tahap minat pelajar tentang keusahawanan berada pada tahap tinggi dengan purata skor min sebanyak **4.14**.

2.3 Analisis Pembolehubah Kemahiran

Jadual 8: Analisis Min Bagi Pembolehubah Kemahiran

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAHAP
		STS	TS	SD	ST	SS		
	Saya berminat untuk menceburi bidang keusahawanan kerana saya memiliki:							
17	Pengetahuan dalam bidang keusahawanan.	2 1.7%	14 12.0%	27 23.1%	50 42.7%	24 20.5%	3.68	Tinggi
18	Kemahiran dalam membangunkan platform perniagaan.	2 1.7%	8 6.8%	23 19.7%	56 47.9%	28 23.9%	3.85	Tinggi
19	Kemahiran dalam mencari peluang-peluang perniagaan.	2 1.7%	8 6.8%	22 18.8%	51 43.6%	34 29.1%	3.91	Tinggi
20	Kemahiran dalam mengenalpasti kehendak dan keperluan pasaran.	2 1.7%	2 1.7%	27 23.1%	56 47.9%	30 25.6%	3.94	Tinggi
21	Kemahiran dalam menentukan matlamat perniagaan.	1 0.9%	4 3.4%	28 23.9%	50 42.7%	34 29.1%	3.96	Tinggi
22	Kemahiran dalam pembuatan keputusan.	1 0.9%	3 2.6%	26 22.2%	56 47.9%	31 26.5%	3.97	Tinggi
23	Kemahiran dalam merancang, mengurus dan mengelola hal ehwal perniagaan.	1 0.9%	76.0%	21 17.9%	50 42.7%	38 32.5%	4.00	Tinggi
24	Kemahiran dalam pengurusan masa.	0 0%	6 5.1%	27 23.1%	40 43.2%	44 37.6%	4.04	Tinggi
Peratusan, Skor Min dan Tafsiran Keseluruhan		1.19%	5.55%	21.48%	43.7%	28.1%	3.92	Tinggi

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, SD = Sederhana, ST = Setuju, SS = Sangat Setuju

Bahagian ini mempunyai 8 item soalan. Hasil dari analisis data yang dijalankan menunjukkan sebanyak 42.7% responden setuju bahawa dapat memiliki pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Manakala 23.1% sederhana dan 12.0% tidak setuju dengan item soalan yang pertama ini. Skor min bagi pengetahuan dalam bidang keusahawanan ialah **3.68**. Bagi item soalan yang kedua pula iaitu kemahiran dalam membangunkan platform perniagaan, 47.9% responden setuju, 19.7% sederhana dan 6.8% tidak setuju. Skor min bagi kemahiran dalam membangunkan platform perniagaan ialah **3.85**. Pernyataan bagi item ketiga iaitu kemahiran dalam mencari peluang perniagaan mendapat hasil analisis 43.6% setuju dengan pernyataan ini, 18.8% sederhana dan 6.8% tidak setuju dan telah mendapat skor min **3.91**. Analisis data menunjukkan 47.9% peratus setuju bahawa memiliki kemahiran dapat mengenalpasti kehendak dan keperluan pasaran, 23.1% sederhana manakala 1.7% tidak setuju dengan pernyataan item keempat ini dengan skor min **3.94**. Bagi item soalan kelima pula, para responden menceburi bidang keusahawanan kerana memiliki kemahiran dalam menentukan matlamat perniagaan dengan sebanyak 42.7% setuju, 23.9% sederhana manakala 3.4% tidak setuju dengan pernyataan ini. Skor min bagi kemahiran dalam menentukan matlamat perniagaan ialah **3.96**. Pernyataan bagi item keenam iaitu kemahiran dalam pembuatan keputusan, dikalangan responden hasil analisis 47.4% setuju dengan pernyataan ini, 22.2% sederhana dan 2.6% tidak setuju. Skor min bagi kemahiran dalam pembuatan keputusan ialah **3.97**. Seterusnya bagi item ketujuh iaitu kemahiran dalam merancang, mengurus dan mengelola hal ehwal perniagaan pula terdapat 42.7% setuju dengan pernyataan ini, 17.9% sederhana manakala 6.0% tidak setuju terhadap pernyataan ini dengan skor min **4.00**. Sebanyak 37.6% responden sangat setuju, manakala 23.1% sederhana dan 5.1% tidak setuju terhadap pernyataan item kelapan ini, iaitu memiliki kemahiran dalam pengurusan masa dengan skor min **4.04**. Dari dapatan yang diperolehi bagi kesemua item soalan bahagian ini, tahap kemahiran pelajar tentang keusahawanan digital berada pada tahap tinggi dengan purata skor min sebanyak **3.92**.

3. Analisis Keseluruhan

Hasil dari analisis yang telah dijalankan, tahap kefahaman pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan berada pada tahap tinggi dengan purata skor min 4.04. Jika dilihat dari aspek bahagian yang dikaji, bahagian minat mempunyai tahap yang tinggi berbanding dari aspek yang lain. Jadual dibawah menunjukkan skor min yang diperolehi mengikut aspek bahagian yang dikaji.

Jadual 9: Analisis Keseluruhan

NO.	ITEM	MIN	TAHAP
1	Kefahaman	4.05	Tinggi
2	Minat	4.14	Tinggi
3	Kemahiran	3.92	Tinggi

Perbincangan

1. Tahap kefahaman pelajar bidang kejuruteraan menceburi kerjaya usahawan

Merujuk kepada jadual 6 di dapati bahawa skor min keseluruhan bagi persoalan kajian yang pertama mengenai kefahaman pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan adalah 4.05. Skor min yang diperolehi ini memberi tafsiran bahawa pelajar dapat meningkatkan kefahaman tentang keusahawanan melalui item 5 iaitu ekspso atau pameran keusahawanan dengan skor min paling tinggi 4.14. Walaubagaimanapun terdapat aspek yang perlu diberi perhatian iaitu item 1 pembelajaran kursus keusahawanan dimana skor minnya adalah 3.94, iaitu yang paling rendah dalam aspek kefahaman yang dikaji.

Kenyataan ini disokong dengan dapatan kajian oleh Ab. Aziz Yusof (2001), menyatakan bahawa usahawan boleh mendapatkan kemahiran-kemahiran baru daripada pembelajaran atau pendidikan yang diikuti. Ini menjelaskan bahawa tahap pembelajaran dan pendidikan mempengaruhi peringkat pembangunan keusaawanan. Oleh yang demikian, ilmu keusahawanan perlu dipelajari oleh semua pelajar walaupun mereka belajar di dalam bidang yang berlainan.

2. Minat pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan

Bagi persoalan kajian yang kedua pula, skor min keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 4.14. Kedudukan skor min ini boleh dilihat dengan lebih jelas pada data yang terdapat dalam jadual 8. Skor min yang diperolehi ini memberi tafsiran bahawa pelajar dapat meningkatkan kefahaman tentang

keusahawanan melalui item 12 iaitu *trend* terkini dengan skor minnya 4.14 dan memberikan jaringan perniagaan yang luas dalam item 10 di mana skor minnya 4.21, ini kerana teknologi yang semakin canggih, ramai orang mengambil peluang untuk berniaga secara atas talian memandangkan hebahan dapat dibuat melalui teknologi terkini. Manakala ada juga aspek yang kurang menarik minat pelajar dengan skor min 4.08 dalam item 13 iaitu mahir dalam membangunkan platform perniagaan. Maka dari situ kita dapat melihat pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka tidak berapa mahir untuk membangunkan platform perniagaan.

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian dari Utusan Malaysia, 28 Julai (2008), penerapan ilmu keusahawanan perlu dilakukan sejak peringkat sekolah rendah bagi mencungkil bakat dan mengasah minat mereka untuk menceburi bidang keusahawanan.

3. Kemahiran pelajar bidang kejuruteraan menceburi kerjaya usahawan

Bagi persoalan yang terakhir skor minnya adalah sebanyak 3.92. Kedudukan skor min ini boleh dilihat dengan lebih jelas pada data yang terdapat dalam jadual 9. Skor min yang diperolehi ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kemahiran mengurus masa pada item ke 24 dengan skor min 4.03. Manakala item 17 dengan skor minnya 3.68 menunjukkan pelajar kurang pengetahuan tentang bidang keusahawanan. Disini dapat ditafsirkan bahawa pelajar mempunyai cara bagaimana mereka hendak membahagikan masa sama ada kepada pembelajaran mahupun kepada masa lapang, adalah lebih baik masa lapang mereka diisi dengan aktiviti yang boleh mendatangkan keuntungan seperti berniaga. Walau bagaimanapun, mereka memerlukan pembelajaran dan penekanan yang lebih jelas mengenai perniagaan supaya mereka dapat sesuaikan kepakaran mengurus masa mereka dengan perniagaan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapat dilihat hasil kajian yang diperolehi daripada ketiga-tiga persoalan kajian telah menentukan perbandingan dari nilai skor min purata. Dapatan kajian menunjukkan kesediaan pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya usahawan adalah tinggi dan ini dapat dikenalpasti melalui min bagi keseluruhan item yang digabungkan mengikut objektif kajian seperti dalam jadual 9 di atas.

Merujuk kepada hasil sejauh mana tahap kefahaman pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya sebagai usahawan, kebanyakan pelajar mendapat kefahaman melalui ekspos atau pameran yang dianjurkan oleh pihak kolej komuniti atau anjuran luar tetapi ada segelintir pelajar masih kurang mempunyai kefahaman tentang keusahawanan kerana mereka tidak mengambil kursus keusahawanan.

Berdasarkan kajian sejauh mana kemahiran pelajar Kolej Komuniti Kota Melaka menceburi kerjaya sebagai usahawan mendapati bahawa ramai pelajar bersedia untuk menceburi bidang usahawan kerana mereka mempunyai kemahiran mengurus masa tetapi mereka kurang pengetahuan tentang keusahawanan. Oleh itu dicadangkan bahawa pelajar diberi penekanan tentang usahawan dan mempelajari kursus keusahawanan di dalam kelas supaya pelajar mempunyai lebih pengetahuan untuk menjadi usahawan pada masa akan datang.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004). *Prinsip Keusahawanan Edisi Kedua*. Prentice Hall: Pearson Malaysia Sdn.Bhd. "Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan." Nooraini Othman & Siti Soleha Binti Misman Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Aziz Yusof (1999). Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Smemester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan Di KUITTHO. Siti Aishah Binti Abd. Mutalif. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Ab. Aziz Yusof (2009). Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan. Siti Soleha Bt Misman. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof (2004), Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan. Siti Soleha Bt Misman. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Chu dan Schramm (1997: dalam Schramm dan Roberts, 1993). Kesediaan Untuk Menceburi Bidang Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Bumiputera Tingkatan Empat Di Tiga Buah Sekolah Sekitar Skudai, Johor. Yusof Bin Boon & Sapiah Binti Bohari Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Crow dan Crown (1980). Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Frazer (1959). Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan. Nooraini Othman & Siti Soleha Binti Misman Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Mohd Asri Hj. Abdullah (1997). "Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan." Nooraini Othman & Siti Soleha Binti Misman Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Maranville (1992). Entrepreneurship in the Business. Journal of Education for Business, 68(1), 27-31.
- Obschonka, M., & Stuetzer, M. (n.d.). Integrating psychological approaches to entrepreneurship: The Entrepreneurial Personality System (EPS) Work-relevant aspects of social change View project Population Aging and Entrepreneurship View project. <https://doi.org/10.1007/s11187-016>
- Pallant (2007). 3rd edition, Open University Press, 2007.
- Salwani Daud dan Mohd Safarin Nordin, (2023). Elemen Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan Dalam Program Latihan Kemahiran TVET: Suatu Penelitian Terhadap Masalah Dan Cabaran
- Nor Azam Abdullah, Berita Harian Online, 16 Mac 2022, Pergiati Program Keusahawanan Sejak Di Bangku Sekolah
- Wan Liz Othman (2000). Mengenal Pasti Tahap Motivasi Dan Kecenderungan Keusahawanan Di Kalangan Pelajar Smemester Akhir Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal: Satu Tinjauan Di Kuittho. Siti Aishah Binti Abd. Mutalif. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.

Zakaria (1998). Pembinaan dan pengujian modul latihan keusahawanan pertanian di kalangan pelajar sekolah menengah. Tesis Phd. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaidatol Akmaliah dan Habibah Elias (1997). Persepsi Terhadap Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SH Dalam Bidang Keusahawanan. Siti Soleha Bt Misman. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.

Zanariah Abd Mutalib, Berita Harian, 19 Februari 2021, 3 Teras Pelan Tindakan Keusahawanan IPT 2021 - 2025

PERSEPSI TENTANG PENGETAHUAN DAN SIKAP TERHADAP PELAJAR KELAINAN UPAYA: SATU TINJAUAN DI KOLEJ KOMUNITI GERIK

Norhafinas Abd Latib¹, Mohd Nizam Edrusi²
Kolej Komuniti Gerik

ABSTRAK

Kewujudan pelajar kelainan upaya (OKU) di kawasan kampus memerlukan keprihatinan yang tinggi bagi seluruh warganya. Kolej Komuniti Gerik merupakan sebuah institusi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan Program Sijil Asas Ukiran Kayu untuk pelajar kelainan upaya masalah pembelajaran. Pelajar yang terpilih akan mengikuti pengajian selama 2 tahun di KKGP dan mempelajari tentang ilmu pembuatan perabot. Justeru, kajian ini dijalankan terhadap warga KKGP seramai 44 orang yang terdiri dari staf akademik dan sokongan untuk mengenal pasti pengetahuan dan sikap mereka terhadap pelajar OKU. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif serta inferansi. Dapatan menunjukkan pengetahuan dan sikap warga KKGP terhadap pelajar OKU berada pada tahap yang tinggi. Analisis t-test juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan jantina dan jawatan terhadap pengetahuan dan sikap tentang pelajar OKU dalam kalangan warga KKGP. Oleh yang demikian, kewujudan pelajar OKU di KKGP sangat diambil berat dan diterima baik oleh semua pihak. Setiap program yang dianjurkan juga menerapkan kebersamaan antara pelajar normal dan OKU. Pihak KKGP turut komited dalam memastikan kemudahan dan sistem sokongan pendidikan secara berterusan diberikan kepada pelajar OKU yang belajar di KKGP.

Kata kunci: *Pengetahuan, sikap, pelajar kelainan upaya, masalah pembelajaran*

PENGENALAN

Di era globalisasi, pendidikan merupakan tunjang utama dalam melahirkan modal insan seiring dengan pembangunan negara. Dikenali sebagai golongan minoriti, Orang kelainan Upaya (OKU) memerlukan perhatian khusus agar golongan istimewa ini dapat terus membangun melalui pendidikan. Namun begitu, realiti yang dihadapi oleh pelajar OKU di pusat-pusat pengajian adalah berbeza merujuk kepada pengetahuan, sikap dan kemudahan kemudahan mesra OKU yang disediakan. Melalui pendidikan dan bimbingan yang betul tidak mustahil golongan ini dapat mempelajari sesuatu yang dapat memberi nilai kepada diri mereka pada masa akan datang.

Dalam memastikan golongan OKU tidak ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan, Politeknik dan Kolej Komuniti telah menawarkan pelbagai bidang pengajian bersesuaian dengan keupayaan pelajar OKU. Sebanyak 5 bidang di Politeknik dan 8 di Kolej Komuniti telah menawarkan bidang kemahiran khusus untuk golongan OKU. Penawaran program ini selari dengan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 yang menyatakan tentang pemerkasaan institusi latihan kemahiran dan vokasional bagi meningkatkan kebolehpasaran OKU dalam sektor pekerjaan. Bagi melahirkan modal insan yang berbakat dan berpotensi tinggi akses golongan OKU kepada pendidikan yang berkualiti dan inklusif di semua peringkat perlu diberi keutamaan (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat).

Kolej Komuniti Gerik merupakan salah satu institusi pengajian tinggi yang menawarkan Program Sijil Asas Ukiran Kayu untuk pelajar masalah pembelajaran. Pengambilan pertama adalah pada tahun 2017 dan masih ditawarkan hingga ke hari ini. Proses pemahaman dan pembentukan tingkah laku menjadi sukar apabila kurangnya pengetahuan dan sikap peduli tentang OKU dalam kalangan masyarakat Hazlin, Wan & Maizatul (2017). Menyedari betapa pentingnya kebersamaan dan keperluan fasiliti mesra OKU di sesebuah IPT, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana warga

KKGP tahu mengenai OKU dan sikap yang ditunjukkan terhadap pelajar ini sepanjang tempoh pengajian.

KAJIAN LITERATUR

Di Malaysia, peluang pendidikan untuk golongan kurang upaya amat dititikberatkan oleh pihak kerajaan. Pendidikan yang diberi meliputi pengetahuan dan kemahiran yang amat diperlukan oleh golongan ini. Dalam kajian Hasnah, Tajul, Mohd Hanafi, Mohd Mokhtar & Nur Hazwani (2010) menyatakan penekanan pengetahuan tentang OKU dapat membantu pendidik dan kakitangan institusi memahami dengan lebih baik tentang pelajar kurang upaya. Secara tidak langsung ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih inklusif dalam melahirkan pelajar yang berkualiti. Kajian Azri, Mohd & Nur (2018) mendapati sistem sokongan yang jitu turut membantu pelajar OKU untuk berdikari dan bergaul dengan individu normal dengan lebih selesa. Perbincangan dan perkongsian maklumat berkaitan pelajar OKU melalui medium perantaraan seperti telegram dan laman web institusi membantu meningkatkan lagi kefahaman dan penerimaan terhadap golongan ini. Namun begitu, kajian Suhaili & Syuhada (2014) dan Rezaul (2015) mendapati masih terdapat golongan masyarakat dan warga kampus yang tidak mengambil tahu tentang golongan kurang upaya dan tahap pengetahuan mengenainya berada pada tahap yang sederhana. Golongan ini juga dianggap sebagai golongan yang mendapat bantuan amal dan tidak berpeluang untuk menyambung pelajaran disebabkan kecatatan yang dialami. Justeru akan wujud jurang diskriminasi pada golongan ini dan akan mengakibatkan kualiti hidup yang lebih teruk.

Sementara itu, kajian Akin & Lisa (2019) menyatakan keperluan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar kurang upaya akan menggalakkan sikap empati dalam kalangan warganya. Sikap ini perlu ada pada semua warga institusi tidak kira golongan muda atau tua. Di samping itu, satu pendekatan proaktif adalah penting untuk terus meningkatkan kesedaran tentang warga OKU di dalam kampus bagi mendapatkan persefahaman dan penerimaan bersama. Melalui pendidikan sahaja dapat memperkasakan golongan OKU dan merealisasikan hasrat semua pihak agar golongan ini tidak ketinggalan dengan arus pembangunan yang semakin mampan. Justeru, kesedaran berkaitan golongan ini dari aspek pengetahuan, sikap dan kemudahan infrastruktur perlulah secara berterusan dan tidak berhenti setengah jalan. Menjadi tanggungjawab khususnya warga institusi pendidikan melengkapkan diri dengan kesedaran OKU, kemahiran berkaitan pendidikan inklusif termasuklah memahami jiwa dan keperluan pelajar OKU sepanjang keberadaan mereka di institusi.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu borang soal selidik dan diedarkan secara atas talian menggunakan Google Form. Populasi kajian ini terdiri daripada staf akademik dan sokongan Kolej Komuniti Gerik. Bilangan sampel adalah seramai 44 orang. Manakala soal selidik yang digunakan diadaptasi dari kajian Hasnah et. Al (2010). Terdapat 2 bahagian dalam soal selidik ini iaitu demografi responden dan tahap pengetahuan serta sikap. Dapatan kajian dianalisis menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1. Keputusan bagi kebolehpercayaan item soal selidik ditentukan menggunakan nilai Alpha Cronbach di mana nilai yang diperolehi adalah tinggi iaitu 0.66.

Jadual 1: Tafsiran Min Tahap

Min	Tahap
1.00-2.3	Tidak Setuju/Tidak Memuaskan
2.4-3.7	Kurang Setuju/Sederhana
3.8-5.0	Setuju/Baik

Sumber: Suaiza, Nurul dan Nazratulh (2017)

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menyatakan 2 konstruk utama iaitu pengetahuan dan sikap terhadap pelajar OKU berada pada tahap yang baik. Interpretasi skor min bagi sikap menunjukkan nilai tertinggi iaitu 4.18. Dapatan ini selari dengan kajian Jose & Antonio (2021) yang mendapati warga institusi pendidikan khususnya guru-guru menunjukkan sikap mengambil berat yang sangat baik kepada pelajar kurang upaya. Kehadiran pelajar OKU di institusi adalah untuk mendapat pendidikan yang sama rata dengan pelajar normal. Dalam hal ini, sikap positif dan rasa hormat terhadap kepelbagaian memainkan peranan penting bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan semua pihak di institusi.

Jadual 2: Min Keseluruhan

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
pengetahuan	44	3.10	4.60	3.9932	.37503
sikap	44	3.30	4.80	4.1841	.33822
Valid N (listwise)	44				

Bagi konstruk 1 seperti Jadual 3 menunjukkan semua item berada pada tahap yang baik kecuali bagi item 7 dan 9. Item 7 merupakan pernyataan berkaitan golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecatatan fizikal sahaja dengan skor min berada pada tahap tidak memuaskan. Ini menunjukkan warga KKGP mengetahui bahawa golongan OKU dikategorikan dengan pelbagai ciri-ciri tidak hanya kepada kecatatan fizikal. Manakala item 9 menunjukkan skor berada pada tahap sederhana iaitu prasarana institusi ini adalah mesra OKU. Kemudahan fasiliti yang mesra OKU sangat penting bagi memastikan pelajar dapat belajar dalam suasana yang baik.

Jadual 3: Min Penilaian Pengetahuan Tentang OKU

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
A1. Saya faham apa itu OKU	44	4.00	5.00	4.5455	.50369
A2. Saya tahu terdapat pelajar OKU di institusi	44	4.00	5.00	4.7955	.40803
A3. Saya tahu program yang diambil oleh pelajar OKU di institusi	44	2.00	5.00	4.6136	.68932
A4. Saya tahu program yang diambil oleh pelajar OKU di institusi	44	1.00	5.00	4.2500	.94315
A5. Saya sering membaca berita mengenai golongan OKU dari media cetak atau elektronik	44	2.00	5.00	3.8409	.80531
A6. Saya mengetahui ciri-ciri pelajar OKU	44	3.00	5.00	4.0682	.66114
A7. Golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecatatan fizikal sahaja	44	1.00	4.00	1.7273	.99682
A8. Saya tahu mengenai prasarana mesra OKU	44	1.00	5.00	4.0682	.84627
A9. Prasarana institusi ini adalah mesra OKU	44	1.00	5.00	3.5000	1.00000
A10. Golongan OKU layak menerima hak pendidikan yang sama seperti orang lain	44	3.00	5.00	4.5227	0.62835

Jadual 4 iaitu bagi konstruk penganjur menunjukkan skor min bagi semua item berada pada tahap yang baik kecuali item 1 (Saya kerap kali berjumpa atau berhubung dengan pelajar OKU). Item 1 berada pada tahap sederhana di mana pelajar OKU kebanyakan mempunyai kelas di bengkel dan jarang untuk melakukan aktiviti selain Pdp.

Jadual 4: Min Sikap Terhadap Pelajar OKU

Descriptive Statistics					
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
B1. Saya kerap kali berjumpa atau berhubung dengan pelajar OKU	44	1.00	5.00	3.3182	.95899
B2. Saya menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar normal yang lain	44	1.00	5.00	3.5227	1.15111
B3. Saya berasa selesa apabila berjumpa dengan pelajar OKU	44	3.00	5.00	4.2955	.63170
B4. Saya bersimpati terhadap keadaan yang dialami pelajar OKU	44	4.00	5.00	4.5909	.49735
B5. Pelajar OKU dilayan dengan adil semasa di institusi	44	2.00	5.00	4.4091	.65833
B6. Saya pernah menyapa pelajar OKU di institusi	44	2.00	5.00	4.5455	.62708
B7. Saya tidak malu jika berkawan dengan pelajar OKU	44	1.00	5.00	4.4318	.89955
B8. Saya tidak keberatan untuk makan bersama pelajar OKU	44	4.00	5.00	4.7045	.46152
B9. Pelajar OKU tidak melambatkan pentadbiran atau aktiviti di institusi	44	3.00	5.00	4.2273	.67733
B10. Pelajar OKU boleh berdikari sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada rakan dan pensyarah.	44	1.00	5.00	3.7955	.97836

Seterusnya, Jadual 5 menunjukkan ujian t-test yang dilakukan untuk melihat perbezaan jantina dan jawatan terhadap pengetahuan dan sikap tentang OKU. Data menunjukkan tiada terdapat perbezaan jantina dan jawatan terhadap pengetahuan dan sikap tentang OKU dalam kalangan warga KKGP. Nilai signifikan adalah melebihi 0.05.

Jadual 5: Ujian T Bagi Melihat Perbezaan Jantina dan Jawatan Terhadap Pengetahuan dan Sikap Tentang OKU

Independent Samples Test										
		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
pengetahuan	Equal variances assumed	1.058	.310	1.301	42	.200	.15667	.12042	-.09635	.39969
	Equal variances not assumed			1.246	22.987	.225	.15667	.12573	-.10343	.41676
sikap	Equal variances assumed	.462	.500	2.222	42	.032	.23286	.10478	.02141	.44431
	Equal variances not assumed			2.175	24.172	.040	.23286	.10707	.01195	.45376

PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan kajian, faktor pengetahuan dan sikap dalam kalangan warga KKGP berada pada tahap yang baik. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian Joan & Manisah (2022) dan Marshall & Price (2019) yang mendapati masyarakat menerima dan tahu mengenai golongan OKU dengan baik. Pada masa kini, pendedahan tentang OKU melalui medium secara atas talian membolehkan kesedaran tentang OKU semakin meningkat. Semakin banyak maklumat yang disalurkan di media masa atau pun media cetak, maka semakin tinggi penerimaan golongan OKU dalam masyarakat. Secara tidak langsung, persepsi yang positif akan mengatasi persepsi negatif terhadap golongan ini. Menurut kajian Muhamad dan Rosila (2016), persepsi positif merujuk kepada hati yang bersih, sumber inspirasi, suci dan insan istimewa. Manakala persepsi negatif ialah peminta sedekah, tidak boleh bekerja, menyusahkan orang, mengambil kesempatan dan lain-lain lagi. Pandangan negatif seumpama ini perlulah dielakkan khususnya pelajar OKU kerana mereka mudah merasa rendah diri dan hilang semangat untuk meneruskan pengajian.

Namun, dapatan ini tidak selari dengan kajian Raja (2018) dan Hasnah et.al (2010) yang mendapati staf sokongan masih mempunyai tahap pengetahuan yang rendah terhadap pelajar OKU. Mereka kurang mengambil tahu mengenai hal ehwal berkaitan pembelajaran pelajar OKU kerana kurang penglibatan dengan pelajar tersebut. Dapatan kajian turut menyatakan bahawa mereka berpendapat hanya mengetahui asas tentang OKU sudah mencukupi. Untuk membantu pelajar OKU, warga kampus perlu belajar untuk menunjukkan empati dan memahami halangan yang dihadapi mereka agar dapat menjaga kesejahteraan psikologi dan fizikal pelajar OKU.

Dapatan kajian ini turut mendapati bahawa tiada perbezaan jantina dan jawatan terhadap pengetahuan dan sikap tentang OKU. Justeru itu, kajian ini menunjukkan bahawa setiap warga KKGP memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pelajar OKU tidak merasa tersisih dan mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kampus dengan cepat. Sikap ambil peduli terhadap pelajar OKU seiring dengan penerapan WE CARE yang diamalkan di KKGP.

KESIMPULAN

Seiring peredaran zaman, pengetahuan dan sikap yang ditunjukkan masyarakat terhadap golongan OKU adalah semakin baik. Semua golongan mempunyai peluang dan hak untuk akses kepada pendidikan yang disediakan oleh kerajaan. Suasana pembelajaran akan menjadi seronok jika semua pihak tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan bersatu hati dan saling ambil peduli antara satu sama lain. Pengetahuan dan sikap warga kampus terhadap pelajar OKU merupakan antara dua faktor penting dalam pendidikan inklusif kerana ianya memberi kesan kepada sikap pelajar itu kelak di mana mereka ini memerlukan perhatian yang lebih berbanding pelajar normal. Sekiranya terdapat halangan dan cabaran ianya perlu ditangani secara bersama agar pelajar istimewa ini mendapat pengalaman yang bermakna sepanjang pengajian mereka. Tuntasnya, pelbagai aspek boleh dipertingkatkan dari masa ke semasa untuk membantu pelajar-pelajar OKU agar mereka mampu berdikari dan menjalani kehidupan kampus dengan selesa.

RUJUKAN

- Akin, D.& Huang, L. M. (2019). Perceptions of College Students with Disabilities. *Journal of Postsecondary Education and Disability*,32(1), 21-33.
- Azri Ardila, N., Mohd Nazir, R., & Nur Amira Syafiqah, B. (2018). Are we disabled among the disabled? Disability awareness among University of Malaya students. *Journal of Administrative Science*, 15(1).
- Hazlin Falina, R., Wan Amizah, W. & Maizatul Haizan, M. (2017). Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kelainan Upaya (OKU) Di Malaysia Dari Perspektif Media. *Proceedings The International Conference on Media and Communication*. e-ISBN 978-983-2795-39-1.
- Hasnah, T., Muhamad, T., Yasin, M., Tahar, M. M.& Hamzah, N. (2010). Knowledge and Attitude of Peers towards Students with Disabilities in Malaysian Public Institute of Higher Education. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*.
- Joan, K. & Manisah, M. (2022). Penerimaan Masyarakat Iban Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU): Satu Kajian Kes. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH) (e-ISSN: 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 8, e001727.
- Jose Luis Gallego-Ortega & Antonio Rodriguez-Fuentes (2021). Teaching Attitudes towards Students with Disabilities. *Mathematics* 2021, 9, 1637. <https://doi.org/10.3390/math9141637>
- Marshall, J., Doone, E.& Price, M. (2019). Cultural Models of Child Disability: Perspectives of Parents in Malaysia. *Disability and Rehabilitation*, 41(22), 2653-2662.
- Muhamad Nadhir, A. & Rosila Bee, M. (2016). Kancan Stigma Dalam Kalangan Mahasiswa Kurang Upaya Di Sebuah Universiti Di Malaysia. *SARJANA* Volume 31, No. 2, 2016, pp. 71–87.
- Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 (2016). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dicapai dari [https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU\(EMAIL\).pdf](https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/JPOKU/PelanTindakan_OKU(EMAIL).pdf)
- Raja Nur Fakhriah, R. (2018). Isu dan Cabaran Pelajar Kurang Upaya Penglihatan di Institusi Pengajian Tinggi (Issues and Challenges of Students with Visual Impairment at Higher Learning Institution). *Jurnal Psikologi Malaysia* 32 (3) (2018): 131-145 ISSN-2289-8174
- Rezaul Islam, M. (2015). Rights of People with Disabilities and Social Exclusion in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(2), 171-176.
- Suaiza, K., Nurul Izza, R., & Nazratulhuda, H. (2017). Persepsi Majikan Terhadap Pelajar Oku Pendengaran Di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Yang Menjalani Latihan Industri. *Proceedings of the International Conference on Special Education Vol.2* (2017) / e-ISSN 2948-4731 (289-297)
- Suhail, S., & Syuhada, A. (2014). A Preliminary Study: Awareness, Knowledge and Attitude of People Towards Children with Autism. Pp. 322-332. United Nations (2006). Convention on the Rights of Persons of Disabilities. New York: United Nations.

PENERIMAAN TERHADAP POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK SEBAGAI INSTITUSI PEMBELAJARAN PILIHAN

Ruzaini binti Abd.Razak¹, Aren Lah Kebing², Hasimah binti Salleh³

¹³Jabatan Perdagangan Politeknik Metro Betong Sarawak

²Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, Politeknik Metro Betong Sarawak

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dijalankan kerana terdapat kekurangan pendaftaran pelajar di Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS). Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap sebagai institusi pembelajaran pilihan di daerah Betong. Seramai 60 orang responden kajian yang terdiri daripada orang awam dan pelajar baharu PMBS. Persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak. Kaedah kuantitatif digunakan dalam kajian ini dan analisis kajian adalah menggunakan analisis deskriptif untuk menentukan tahap penerimaan. Data kajian dikumpul menggunakan soal selidik skala likert 5 mata yang diedarkan menggunakan borang dalam talian (Google Form). Hasil kajian mendapati bahawa tahap penerimaan PMBS sebagai institusi pembelajaran pilihan adalah pada tahap rendah iaitu 2.594 skor min. Antara faktor yang menjadi halangan dalam pemilihan tersebut adalah faktor kediaman, kawasan persekitaran politeknik dan kurangnya minat untuk belajar di PMBS.

Kata kunci: *Institusi pilihan, tahap penerimaan, PMBS*

PENGENALAN

Dalam bidang pendidikan moden, konsep institusi pembelajaran telah berkembang melangkaui penubuhan akademik konvensional. Dengan penekanan yang semakin meningkat untuk memupuk set kemahiran yang pelbagai dan memupuk persekitaran pembelajaran yang dinamik, peranan institusi pembelajaran elektif telah mendapat daya tarikan yang ketara. Politeknik Metro Betong Sarawak (PMBS), yang terletak di tengah-tengah Sarawak, muncul sebagai institusi perintis dalam konteks ini, menawarkan pendekatan tersendiri terhadap pendidikan yang memperkasakan pelajar untuk meneruskan minat akademik mereka sambil melibatkan diri dalam pengalaman praktikal dan teori. Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis kebolehlaksanaan, implikasi, dan faedah mengubah PMBS menjadi sebuah institusi pembelajaran elektif, memenuhi aspirasi unik pelajar dan melengkapkan mereka dengan set kemahiran serba boleh untuk berkembang maju dalam landskap global yang kompetitif.

Untuk menjadikan PMBS menjadi sebuah institusi pembelajaran pilihan pelajar dan ibu bapa, perlu selari dengan keperluan anjakan paradigma dalam model pendidikan tradisional. Daripada mematuhi kurikulum yang ketat, pendekatan pembelajaran perlu memberikan pelajar autonomi untuk menyesuaikan perjalanan pendidikan mereka agar sesuai dengan minat, kekuatan dan aspirasi kerjaya masing-masing. Dengan memupuk persekitaran pembelajaran yang dinamik dan berfikiran terbuka, pelajar digalakkan untuk meneroka pelbagai subjek, memanfaatkan potensi kreatif mereka dan mengasah kepakaran merentasi pelbagai disiplin.

Tambahan pula, PMBS berdedikasi untuk mempromosikan pendekatan holistik terhadap pendidikan, menekankan bukan sahaja kecekapan teknikal tetapi juga menyemai nilai integriti, kerja berpasukan, dan pembelajaran sepanjang hayat. Institusi ini berbangga dengan fakultinya yang

berpengalaman dan bersemangat, yang komited untuk membimbing dan membimbing pelajar sepanjang perjalanan akademik mereka. Dengan kemudahan terkini dan perkongsian industri, Politeknik ini akan memudahkan latihan praktikal dan peluang latihan praktikal yang berharga, memastikan graduan bersedia untuk memenuhi permintaan pasaran pekerjaan yang sentiasa berkembang. Sebagai mercu tanda kecemerlangan pendidikan di rantau ini, PMBS terus memainkan peranan penting dalam memperkasakan belia dan menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi dan kemakmuran Sarawak dan Malaysia secara keseluruhan.

Namun begitu, pendaftaran pelajar baharu ke PMBS adalah kurang dan dibawah norma pengambilan yang ditetapkan oleh kementerian. Keadaan ini perlu di kaji untuk mengenal pasti punca kepada isu ini. Jadual 1 merupakan statistik kemasukan pelajar baharu ke PMBS dari tahun 2019 hingga 2023.

Jadual 1: Statistik Kemasukan pelajar ke PMBS dari tahun 2019 hingga 2023

Tahun	Sesi	DKB	DUP	Kemasukan	Jumlah Ikut Tahun
2019	Disember 2018	5	15	20	68
	Jun 2019	17	31	48	
2020	Disember 2019	7	16	23	52
	Jun 2020	15	14	29	
2021	Disember 2020	11	26	37	89
	Sesi I 2021/2022	18	34	52	
2022	Sesi II 2021/2022	15	19	34	82
	Sesi I 2022/2023	24	24	48	
2023	Sesi II 2022/2023	4	29	33	111
	Sesi I 2023/2024	17	61	78	

Sumber :Hal Ehwal Pelajar PMBS

Data statistik menunjukkan bahawa terdapat kekurangan kemasukan pelajar dalam setiap *intake* kemasukan di PMBS . Norma Pengambilan pelajar baharu di PMBS adalah seramai 120 orang, yang mana terdiri daripada dua program iaitu Diploma Kewangan dan Perbankan (DKB) dan Diploma Pelancongan dan Hospitality (DUP).

Daripada statistik tersebut didapati bahawa kemasukan pelajar baharu tidak mencapai norma pengambilan. Kemasukan pelajar bagi setiap *intake* adalah 78 orang dan ke bawah. Paling membimbangkan pihak PMBS adalah kemasukan pelajar bagi program DKB yang di bawah norma pengambilan. Dikhuatiri program ini akan mengalami masalah kemasukan pelajar pada masa akan datang.

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penerimaan ibu bapa dan pelajar terhadap PMBS. Kajian untuk mengenal pasti tahap penerimaan ibu bapa dan pelajar terhadap PMBS adalah penting untuk menambah baik kadar enrolmen dan pengekalan, meningkatkan reputasi dan persepsi institusi, membangunkan kurikulum dan program yang berkaitan, memastikan jaminan kualiti dan peruntukan sumber, memupuk pembangunan institusi melalui penambahbaikan berterusan, dan menggalakkan penglibatan dan komunikasi dengan pihak berkepentingan. Maklum balas daripada ibu bapa dan pelajar melalui tinjauan dan mekanisme maklum balas boleh memberikan pandangan yang berharga untuk membuat keputusan termaklum untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyokong dan berjaya di Politeknik.

SOROTAN KAJIAN

Beberapa faktor boleh menjadi penentu kepada penerimaan dan penolakan seseorang kepada sesuatu institusi. Lokasi institusi pendidikan boleh memberi kesan yang ketara kepada daya tarikannya kepada bakal pelajar. Kajian ini telah lama dijalankan oleh Paulsen (1990) dan Tantivorakulchai (2014) yang menjelaskan lokasi kampus boleh mempengaruhi enrolmen pelajar. Jika instiusi terletak di kawasan terpencil atau kurang mudah diakses, ia mungkin menghalang pelajar daripada mendaftar kerana cabaran perjalanan dan penginapan. Selain itu kajian yang dijalankan oleh Shamsudin et al. (2019) menjelaskan tawaran program Terhadap juga mempengaruhi pemilihan tempat belajar. Menurut Dagang & de Mesa (2017) dan Alhawiti & Abdelhamid (2017), program di universiti merupakan atribut paling penting sebagai pilihan keputusan untuk pendaftaran pelajar. Justeru jika institusi menawarkan rangkaian terhadap program yang tidak sejajar dengan minat atau aspirasi kerjaya bakal pelajar, ia boleh menyebabkan bilangan pendaftaran yang lebih rendah. Di samping itu, kualiti institusi juga boleh mempengaruhi minat pelajar untuk mendaftar. Kualiti pendidikan bukan sahaja terhadap kepada kuliah dan nota, tetapi ia juga merangkumi pengalaman pelajar dengan infrastruktur fizikal yang disediakan oleh IPT seperti kemudahan institusi (Navarez, 2017). Justeru sekiranya terdapat persepsi negatif terhadap kualiti pendidikan atau kemudahan sebuah institusi, ia boleh menjejaskan keupayaan institusi untuk menarik pelajar. Oleh itu, untuk meningkatkan enrolmen pelajar, institusi boleh memberi tumpuan kepada menangani isu-isu yang berpotensi ini. Meningkatkan usaha pemasaran (Houcine & Sofiane, 2018), memperluaskan penawaran program, meningkatkan kemudahan dan fakulti (Wilkins et al., 2012), dan mewujudkan perkongsian dengan industri (Mazzarol & Soutar (2012) boleh membantu meningkatkan daya tarikan dan reputasi institusi, sekali gus menarik lebih ramai pelajar.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan tinjauan kuantitatif telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif dipilih kerana data kajian dianalisis secara statistik yang dikumpul melalui soal selidik (Jabarullah & Hussain, 2019). Seramai 60 orang responden kajian yang terdiri daripada orang awam dan pelajar PMBS. Latar belakang adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 dan Rajah 1. Item kajian dalam soal selidik adalah adaptasi dari kajian Shamsudin et al. (2019). Terdapat 2 bahagian dalam instrument kajian iaitu Bahagian A ialah Demografi dan sumber maklumat mengenai PMBS. Manakala Bahagian B adalah Tahap Penerimaan terhadap PMBS sebagai institusi pilihan. Bahagian ini terdiri daripada 7 item iaitu, Suasana Pembelajaran di PMBS, Kediaman pelajar di PMBS, Keinginan untuk belajar di PMBS, Tawaran daripada institusi lain, Sokongan sosial, Kawasan persekitaran di Betong dan Promosi ke PMBS. Analisis yang digunakan adalah analisis deskriptif untuk menentukan tahap. Penentuan tahap berdasarkan skor min seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Penentuan ini dipetik dalam kajian Ngadiman et al. (2019) bermula dari 1.00– 1.99 (Lemah), 2.00– 2.99 (Rendah), 3.00– 3.99 (Sederhana) dan 4.00– 5.00 (Tinggi).

HASIL KAJIAN

Bahagian A: Demografi

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Item		n	%
Jantina	Lelaki	14	23.3
	Perempuan	46	76.7
Pekerjaan	Kakitangan Kerajaan	2	3.3
	Pelajar	58	96.7
Jarak dari rumah ke PMBS	100 km lebih	2	3.3
	11 km - 20 km	2	3.3
	20 km - 50 km	7	11.7
	50 km - 100 km	4	6.7
	Di bawah 10 km	22	36.7
	Diluar kawasan Betong	23	38.3
Pencapaian SPM	Cemerlang	15	25.0
	Lemah	6	10.0
	Sangat cemerlang	2	3.3
	Sederhana	37	61.7
Bidang pengajian yang anda/ anak minat untuk menyambung pengajian	Bidang Kejuruteraan/ teknikal	4	6.7
	Bukan kejuruteraan/ sains sosial	16	26.7
	Lain-lain	40	66.7
Kategori pendapatan ibubapa	RM100 - RM4,850 (B40)	46	76.7
	RM4,851 - RM10,970 (M40)	14	23.3

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden adalah pelajar yang berada di luar kawasan Betong. Keputusan SPM yang diperolehi adalah pada tahap sederhana. Bidang pengajian yang diminati untuk menyambung pengajian rata-rata memilih selain kejuruteraan dan sains sosial. Majoriti pelajar terdiri daripada golongan B40.

Jadual 2: Sumber Maklumat Mengenai PMBS

Bil	Sumber maklumat	n	%
1	Televisyen	1	1.7
2	Radio	1	1.7
3	Surat khabar/ majalah	2	3.3
4	Media Sosial	21	35
5	Web site	13	21.7
6	Tik Tok	13	21.7
7	Facebook	10	16.7
8	Whatsapp	11	18.3
9	Twitter	1	1.7
10	Pameran Pendidikan	11	18.3
11	Kawan/keluarga yang sedang belajar di institusi tersebut	13	21.7
12	Staf Politeknik	3	5
13	Keluarga	4	15
14	Guru/ sekolah menengah	9	31.7
15	Datang sendiri ke Politeknik/walk in	2	3.3
16	Iklan/Poster yang diletakkan disepanjang jalan	4	6.7
17	Lain-lain	13	21.7

Jadual 2 menunjukkan bahawa Sumber maklumat yang diperolehi adalah daripada media sosial seperti website dan tiktok. Terdapat juga maklumat yang diperolehi daripada guru-guru disekolah dan kawan serta keluarga terdekat. Hasil dapatan menunjukkan, maklumat yang diperolehi adalah daripada media sosial, diikuti oleh maklumat daripada guru atau sekolah menengah dan seterusnya kawan atau keluarga yang sedang belajar di PMBS.

Bahagian B : Tahap penerimaan

Tahap penerimaan responden terhadap item kajian dalam bentuk pernyataan negatif adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3, di mana dapatan dibahagikan kepada 7 bahagian. Item negatif digunakan dalam kajian ini disebabkan kurangnya penerimaan pendaftaran pelajar ke PMBS.

Jadual 3: Analisis Deskriptif Tahap Penerimaan Terhadap PMBS

Bil	Item kajian	Sisihan piawai	Skor Min	Tahap
Suasana Pembelajaran di PMBS				
1	Persekitaran fizikal kampus yang tidak menarik	1.112	2.317	Rendah
2	Suasana pembelajaran yang tidak menarik	1.000	1.983	Lemah
3	Jarak terlalu jauh dari kampung halaman	1.295	2.983	Rendah
4	Sukar mendapatkan pengangkutan awam untuk sampai ke PMBS	1.390	2.633	Rendah
5	Fasiliti pembelajaran yang kurang menarik	1.003	2.100	Rendah
6	Lokasi PMBS tidak menarik minat saya untuk belajar di PMBS	1.064	2.233	Rendah
7	Bangunan Kolej Komuniti tidak menarik	1.005	2.150	Rendah
			2.343	Rendah

Kediaman pelajar di PMBS				
8	Tiada asrama disediakan bagi pelajar PMBS	1.382	3.233	Sederhana
9	Menyewa di kawasan PMBS tidak menjamin keselamatan pelajar	1.295	2.867	Rendah
10	Perbelanjaan tinggal di luar adalah tinggi	1.136	3.783	Sederhana
11	Kediaman sepanjang pembelajaran tidak memuaskan	1.155	2.767	Rendah
12	Kediaman sepanjang pembelajaran tiada suasana pembelajaran	1.139	2.583	Rendah
13	Kemudahan fasiliti PMBS kurang menarik kepada pelajar baru	1.154	2.700	Rendah
			2.988	Rendah
Keinginan untuk belajar di PMBS				
14	Tidak berminat untuk belajar di PMBS	0.986	2.333	Rendah
15	Akan memilih tempat lain sekiranya mendapat tawaran	1.133	2.933	Rendah
16	PMBS merupakan pilihan terakhir saya	1.329	3.217	Sederhana
17	Masih mencari tempat yang lebih sesuai selain di PMBS	1.236	2.617	Rendah
18	Akan bertukar sekiranya mendapat tawaran belajar di tempat lain	1.251	2.833	Rendah
			2.786	Rendah
Tawaran daripada institusi lain				
19	Saya lebih berminat belajar di kolej vokasional	0.999	1.867	Lemah
20	Tiada program teknikal di tawarkan di PMBS	1.078	2.417	Rendah
21	Program yang ditawarkan tidak selari dengan minat saya	1.075	2.383	Rendah
22	Masih menunggu tawaran dari institusi lain	1.157	2.467	Rendah
23	Ingin belajar di luar kawasan Betong	1.193	3.033	Sederhana
24	Maklumat iklan kemasukan ke PMBS tidak sampai kepada saya.	1.028	2.167	Rendah
25	Yuran pengajian yang dipromosikan oleh PMBS agak mahal berbanding dengan institusi lain.	0.938	2.033	Rendah
26	Tiada pihak PMBS berkomunikasi dengan saya sebelum saya memilih tempat untuk belajar	1.151	2.117	Rendah
			2.311	Rendah
Sokongan sosial				
27	Tidak mendapat sokongan keluarga untuk belajar di PMBS	1.096	1.950	Lemah
28	Rakan sosial tidak menggalakkan belajar di PMBS	1.048	1.950	Lemah
29	Alumni PMBS memberikan gambaran yang tidak baik tentang PMBS	0.940	1.883	Lemah
30	Imej alumni PMBS kurang dipromosikan di kawasan saya	1.151	2.617	Rendah

31	Saya tidak mempunyai kenalan di PMBS yang boleh menerangkan tentang program yang ditawarkan	1.242	2.683	Rendah
			2.216	Rendah
Kawasan persekitaran di Betong				
32	Kemudahan awam yang kurang	1.191	3.150	Sederhana
33	Kurang tempat untuk menjalankan aktiviti sosial	1.242	3.017	Sederhana
34	Kurang tempat membeli belah	1.306	2.917	Rendah
35	Kurang tempat riadah	1.250	2.883	Rendah
36	Suasana persekitaran yang tidak sesuai dengan jiwa saya	1.203	2.667	Rendah
			2.926	Rendah
Promosi ke PMBS				
37	Wakil PMBS tidak pernah melawat sekolah menengah saya untuk mempromosikan kemasukan pelajar baru.	1.228	2.983	Rendah
38	Imej PMBS tidak memberi jaminan tentang kualiti program yang ditawarkan.	0.964	2.450	Rendah
39	Program yang dipromosikan di Kolej Komuniti bukan minat saya.	1.139	2.700	Rendah
40	Iklan tawaran kemasukan PMBS tidak menarik.	1.124	2.300	Rendah
41	Iklan tawaran kemasukan tidak memberikan maklumat yang jelas mengenai PMBS	1.142	2.517	Rendah
			2.59	Rendah
SKOR MIN KESELURUHAN			2.594	Rendah

Berdasarkan hasil kajian dalam Jadual 3, majoriti responden memberikan tahap persetujuan yang rendah dan lemah terhadap item kajian. Terdapat juga persetujuan pada tahap sederhana. Dapatan ini menunjukkan bahawa item-item yang dinyatakan bukan faktor utama yang menyebabkan pelajar kurang berminat untuk belajar di PMBS. Hanya segelintir sahaja bersetuju terhadap item-item yang menyatakan kelemahan PMBS.

Daripada faktor tersebut, faktor kediaman menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 2.988, diikuti faktor kawasan persekitaran di Betong iaitu dengan skor 2.926 dan seterusnya faktor keinginan untuk belajar untuk belajar di PMBS skor min 2.786. Daripada dapatan tersebut, didapati bahawa faktor kediaman merupakan faktor yang menjadi halangan utama dalam pemilihan PMBS sebagai institusi pembelajaran pilihan, kerana pihak PMBS tidak menyediakan asrama kepada pelajar seperti kemudahan asrama di politeknik konvensional. Faktor kedua merujuk kepada persekitaran politeknik yang kurang tempat sosial, beriadah dan membeli belah. Manakala kebanyakan pelajar kurang berminat untuk belajar di PMBS dan PMBS merupakan pilihan terakhir pelajar. Namun begitu faktor-faktor ini berada pada tahap rendah dan masih boleh diperbaiki oleh pihak institusi dari masa ke semasa.

KESIMPULAN

Kemasukan pelajar ke PMBS adalah sangat rendah pada setiap semester. Situasi ini merisaukan pihak pengurusan kerana enrolmen pengambilan tidak tercapai. Ini menyebabkan *Key Performance Index* (KPI) institusi tidak tercapai seterusnya menjejaskan pencapaian KPI tahunan dan imej insitusi. Oleh yang demikian, beberapa usaha dilaksanakan bagi mengenalpasti pandangan dan penerimaan orang ramai dan ibu bapa terhadap PMBS.


Dapatan Kajian menunjukkan bahawa tahap penerimaan PMBS sebagai institusi pembelajaran pilihan adalah berada pada tahap sederhana. Faktor kediaman dan persekitaran di PMBS dan area Betong menjadi alasan utama kenapa PMBS kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat sekitar Betong. Daripada sesi perbualan bersama pelajar kebanyakan mereka memilih untuk belajar di luar Betong.

Namun begitu terdapat beberapa usaha yang telah dirancang oleh pihak PMBS, antaranya adalah menaik taraf PMBS daripada politeknik metro kepada politeknik konvensional. Selain daripada itu, promosi daripada pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) juga dilaksanakan di sekolah-sekolah menengah sekitar Betong. Promosi melalui mediasosial seperti Facebook dan juga Tik tok juga diadakan bagi menarik minat remaja lepasan SPM mohon belajar di PMBS. Menurut Anjel et al/(2022) media sosial sangat penting dalam menyampaikan maklumat dan meningkatkan imej institusi Pendidikan dalam kalangan masyarakat.

Zulkifli, A. Z. B. (2018) menyatakan dalam kajian beliau untuk menjadikan Politeknik kekal relevan sebagai pilihan pelajar pada masa hadapan, peningkatan kualiti program serta infrastruktur di institusi pengajian tinggi adalah sangat penting. Sehubungan itu, usaha PMBS dalam meningkatkan kualiti Pendidikan, infrastruktur dan perkhidmatan adalah sangat penting bagi memastikan PMBS kekal menjadi institusi pilihan di daerah Betong khususnya dan di seluruh Sarawak dan seluruh Malaysia amnya.

RUJUKAN

- Alhawiti, M. M., & Abdelhamid, Y. (2017). A Personalized e-Learning Framework. *Journal of education and e-learning research*, 4(1), 15-21.
- Anjel, C. C. P., Lengkong, B. L., Mandagi, D. W., & Kainde, S. J. (2022). Branding Institusi Pendidikan Melalui Media Sosial Instagram. *SEIKO: Journal of Management & Business*, 5(2), 44-58.
- Houcine, B., & Sofiane, M. (2018). Higher education quality management: Evidence from Adrar University. *Asian Journal of Economic Modelling*, 6(1), 83-89.
- Jabarullah, N. H., & Iqbal Hussain, H. (2019). The effectiveness of problem-based learning in technical and vocational education in Malaysia. *Education+ Training*, 61(5), 552-567.
- Mazzarol, T., & Soutar, G. N. (2012). Revisiting the global market for higher education. *Asia Pacific journal of marketing and logistics*, 24(5), 717-737.
- Navarez, J. C. (2017). Student residential satisfaction in an on-campus housing facility. In *DLSU Research Congress*.
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Paulsen, M. B. (1990). *College Choice: Understanding Student Enrollment Behavior*. ASHE-ERIC Higher Education Report No. 6. ASHE-ERIC Higher Education Reports, The George Washington University, One Dupont Circle, Suite 630, Dept. RC, Washington, DC 20036-1183.
- Politeknik Metro Betong Sarawak.(2024). *Statistik Kemasukan Pelajar ke PMBS*.
- Shamsudin, M. F., Ali, A. M., Ab Wahid, R., & Saidun, Z. (2019). Factors Influence Undergraduate Students' decision Making To Enroll And Social Media Application As An External Factor. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 7(1), 126-136.
- Tantivorakulchai, K. (2014). Thai students' destination choice for higher education: a comparative study on US, UK and Australia. *AU Journal of Management*, 12(2), 31-41.
- Wilkins, S., Stephens Balakrishnan, M., & Huisman, J. (2012). Student satisfaction and student perceptions of quality at international branch campuses in the United Arab Emirates. *Journal of Higher Education Policy and Management*, 34(5), 543-556.
- Zulkifli, A. Z. B. (2018). Faktor Pemilihan Politeknik Dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Dkm) Dalam Kalangan Pelajar Dkm Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). *Journal on Technical and Vocational Education*, 3.



PENGAJARAN ^{DAN} PEMBELAJARAN

TAJUK UTAMA

1. KAEDAH MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF HIJAIYYAH MENGGUNAKAN INOVASI M-LINKING HIJAIYYAH 2.0
2. A CORRELATIONAL STUDY ON LEARNING STYLES AND SELF-EFFICACY IN LEARNING AMONG POLYTECHNIC STUDENTS
3. THE RELATIONSHIP BETWEEN DIGITAL LITERACY AND STUDENTS'SELF-ESTEEM IN TVET EDUCATIONAL INSTITUTIONS
4. PERSEPSI PELAJAR TERHADAP PENGGUNAAN INOVASI APLIKASI E-IDOCS
5. THE INFLUENCE OF THE LABORATORY AND WORKSHOP ENVIRONMENT ON THE STUDENT LEARNING PROCESS
6. EFFECTIVENESS OF LSTT APPLICATION IN TEACHING PERSONAL FINANCIAL MANAGEMENT COURSE: A PILOT STUDY

KAEDAH MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS HURUF HIJAIYYAH MENGGUNAKAN INOVASI M-LINKING HIJAIYYAH 2.0

Muhammad Jaafar Siddiqie bin Abu Hanifah¹, Dr. Mohd Zailani bin Ismail², Sazura binti Zakaria³

¹SK Batu Niah, Subis, Sarawak.

^{2,3}Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman, Jitra, Kedah, Malaysia.

ABSTRAK

Pemilihan kaedah pengajaran oleh guru adalah penting dalam memastikan penerapan kemahiran berbahasa yang berkesan. Pembinaan inovasi ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran menulis huruf Hijaiyyah dalam kalangan murid sekolah rendah. Bagi mengukuhkan keberhasilan inovasi, kajian telah dijalankan di beberapa buah sekolah di sekitar Kedah dengan bilangan sampel seramai 50 orang. Antara kelemahan murid sekolah rendah yang dikenalpasti untuk diselesaikan melalui inovasi ini adalah kekeliruan yang berlaku ketika menulis huruf Hijaiyyah yang tidak boleh disambungkan dengan huruf selepasnya. Konsep inovasi ini berasal daripada bahan interaktif Powerpoint dan telah mengalami beberapa penambahbaikan dari semasa ke semasa bagi menyesuaikan dengan perkembangan teknologi pendidikan. Inovasi ini menggunakan pelbagai pendekatan iaitu penciptaan formula "AwuZarZad", penggunaan teknik palang, integrasi bahan digital serta pengaplikasian elektrik dan elektrik. Hasil ujian pra dan pos serta temu bual ini mendapati hampir kesemua sampel menunjukkan peningkatan dalam aspek penulisan huruf Hijaiyyah yang tidak boleh disambung dengan huruf selepasnya. Murid lebih peka dengan kehadiran huruf tersebut dan tidak lagi menyambungkannya dengan huruf selepasnya. Kit inovasi ini diharap dapat membantu guru-guru terutamanya guru bidang bahasa Arab dan Pendidikan Islam dalam memastikan kualiti pengajaran kemahiran penulisan huruf Hijaiyyah dapat dipertingkatkan.

Kata kunci: Kemahiran menulis, huruf Hijaiyyah, teknik palang, bahan digital

PENGENALAN

Aspek pengajaran penulisan perlu dilaksanakan melalui kaedah yang terancang dengan teknik yang sesuai. Hal ini demikian kerana penulisan merupakan asas kemahiran berbahasa, termasuklah dalam bahasa Arab. Menurut Jaslinah dan Hillary (2019) menulis dianggap sebagai salah satu cara meluahkan perkataan melalui huruf yang dibentuk, cara menggenggam pensil serta kedudukan badan. Menurut Ismail Muhammad et. al (2013) menulis adalah proses penghasilan simbol grafik. Berdasarkan kajian Ahmad Kilani (2001) dalam Muhammad Zahri dan Muhammad Haron (2016) kemahiran penulisan merupakan satu kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh seseorang pelajar bahasa kedua. Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bahasa Arab sekolah rendah, kemahiran menulis diletakkan pada subtajuk 3.0. Bagi mencapai tahap penulisan yang baik, murid hendaklah mengenal huruf Hijaiyyah dengan kukuh (Saiful Johari et. al, 2018).

Pemilihan pendekatan oleh guru juga adalah sangat kritikal dalam mengajar kemahiran menulis. Di dalam DSKP yang dibina oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terdapat beberapa kaedah yang disarankan seperti *Treasure Hunt* dan penggunaan kamus bergambar. Namun, guru mestilah lebih kreatif dalam menangani isu ini lebih-lebih lagi dalam era kepesatan teknologi. Berdasarkan kajian Muhamad Suhaimi et. al (2014) guru hendaklah mempelbagaikan pendekatan dan strategi pengajaran manakala Asyraf Ridwan (2013) berpendapat guru mestilah sentiasa cuba untuk menyesuaikan dan tidak hanya terhad kepada kaedah tertentu sahaja. Tambahan pula, Pelan Pembangunan Pendidikan Gelombang 3 (2021-2025) yang diutarakan oleh KPM juga menekankan aspek inovasi dalam pengajaran selain Anjakan Ketujuhnya iaitu memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran.

Pengaplikasian pendekatan yang sesuai dan berinovasi menjadi asas kepada pembinaan produk inovasi ini. Dengan nama M-Linking Hijaiyyah 2.0, produk ini bertujuan untuk menangani isu kemahiran menulis huruf Hijaiyyah bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah. Fokus utama produk ini adalah berkaitan huruf yang tidak boleh disambungkan dengan huruf selepasnya. Kit ini juga dilengkapi pelbagai fitur yang menarik seperti formula mengingat huruf yang tidak boleh disambungkan dengan huruf selepasnya, teknik palang, integrasi bahan digital untuk tujuan pembelajaran sendiri, penggunaan bahan maujud berteraskan *hands-on* serta pendawaian elektrik mudah. Kesemua fitur ini dilihat mampu mendepani cabaran pendidikan serba digital yang memerlukan murid bermotivasi untuk belajar di samping menerapkan kaedah penulisan bahasa Arab yang betul.

TINJAUAN LITERATUR

1. Kemahiran Menulis Bahasa Arab

Bahasa Arab telah berkembang ke seluruh pelosok alam sehinggalah ke kawasan Asia Tenggara, seiring perkembangan agama Islam. Dengan itu, kerajaan telah meletakkan peranan bahasa ini sebagai bahasa keagamaan dengan memasukkannya sebagai salah satu subjek pembelajaran di pelbagai tingkat institusi pengajian. Pendidikan bahasa Arab juga mempunyai kedudukan yang unik di Malaysia (Abdul Razif et. al, 2019). Pada peringkat pendidikan rendah, bahasa Arab telah menjadi salah satu mata pelajaran dalam arus perdana. DSKP yang dibina menetapkan bahawa empat kemahiran berbahasa Arab perlu dikuasai oleh murid-murid iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran tersebut perlu diterapkan dalam setiap topik pembelajaran. Berdasarkan kajian Mohd Firdaus Yahaya et. al (2014) bahawa kemahiran menulis merupakan antara kemahiran yang perlu diberikan penekanan dalam pembelajaran bahasa.

2. Huruf Hijaiyyah

Huruf Hijaiyyah merupakan nama bagi huruf-huruf dalam bahasa Arab. Menurut Salleh Abdul Majid (1981) dalam Ahmad Ismail et. Al (2016) bahawa perkara utama dalam penulisan huruf Hijaiyyah ialah memulakan penulisan dari kanan ke kiri, menulis huruf dengan betul, menulis perkataan mengikut ejaan serta membentuk susunan ayat yang boleh difahami oleh pembaca. Terdapat 28 huruf Hijaiyyah yang setiap satunya mempunyai karakter yang berbeza mengikut tempat kedudukan huruf tersebut. Berdasarkan web CNN Indonesia (2022) bahawa huruf Hijaiyyah pada susunan asal oleh Nashr bin 'Ashim al-Laitsi mempunyai 30 jenis termasuk huruf bersambung *lām-alif* dan huruf *hamzah* yang berdiri secara sendiri. Setelah diteliti, bilangan 28 menjadi yang utama dengan tidak mengambil kira dua huruf tersebut kerana dianggap kurang sifat.

3. Pedagogi Bahasa Arab

Elemen pedagogi merupakan domain dalam pengukuran kompetensi guru bahasa Arab (Abdul Razif Zaini, 2020). Berdasarkan kajian Awatif Rahman et al. (2019) kualiti guru sangat memainkan peranan yang penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Penerapan pedagogi yang diamalkan guru bahasa Arab memberi kesan dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) (Abdul Razif Zaini et. al, 2019). Berdasarkan kajian Mohammad Rusdi et. al (2021) pula mencadangkan agar Model Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (*TPACK*) diaplikasikan dalam pengajaran bahasa Arab agar model kreativiti pengajaran dapat dipertingkatkan. Ruslimi Zakaria et. al (2019) juga bersetuju bahawa Pengetahuan Pedagogi Kandungan penting dalam PdP bahasa Arab. Kajian oleh Mohd Ismail et. al (2012) menjelaskan secara terperinci model pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Arab termasuklah konsep serta kaedah PdP bahasa Arab.

4. Bahan Bantu Belajar

